JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

11 JUN-12 JUN 2014

PARLIMEN MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGABELAS
2014

JAWAPAN – JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

11 JUN 2014 – 12 JUN 2014

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI RABU : 11 JUN 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA 169)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**
TARIKH	:	**11.6.2014**
SOALAN	:	

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa banyak Komputer Riba 1Malaysia yang diedarkan ke sekolah-sekolah daerah Manjung didapati sangat rendah kualitinya dan kerap rosak serta tidak boleh dibaiki. Mohon Menteri memaklumkan kepada Dewan nama syarikat pembekal pada hematnya telah dianggap menipu wang rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program **Komputer Riba 1Malaysia** atau ***Netbook* 1Malaysia** telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri selaras dengan pelancaran Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Negara pada tahun 2010. Dibawah program ini, Komputer Riba 1Malaysia diagihkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kepada kumpulan sasar menggunakan dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) secara berperingkat setiap tahun.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mengenalpasti kumpulan sasar, khususnya murid-murid sekolah yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh SKMM.

Netbook 1Malaysia diagihkan meliputi tempoh jaminan selama satu tahun oleh pembekal yang dilantik. Penerima netbook perlu berurusan secara terus dengan pembekal yang dilantik bagi melaporkan kerosakan yang dialami. Dengan itu maklumat berkenaan dengan bilangan aduan yang diterima serta bilangan kes yang sudah diselesaikan tidak dapat dipastikan jumlahnya.

Selain itu, SKMM telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan kualiti Netbook 1Malaysia yang diedarkan adalah terjamin. *Standard Operating Procedure* (SOP) telah dibangunkan yang merangkumi perkara-perkara yang perlu dipatuhi sebelum dan selepas pengagihan. SOP juga merangkumi penyelenggaraan terhadap Netbook1 Malaysia jika sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada netbook penerima.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah:

i. Semua netbook yang dibekalkan mempunyai label Sirim.
ii. Melaksanakan pemeriksaan kualiti dengan mengambil 5 sampel netbook bagi setiap penghantaran yang diterima.
iii. Memastikan netbook yang dibekalkan mematuhi syarat spesifikasi yang ditetapkan.

Pemeriksaan kualiti yang dijalankan melibatkan pematuhan spesifikasi,pengoperasian perkakasan dan perisian. Netbook1Malaysia yang dibekalkan diberi jaminan selama satu tahun untuk sebarang kerosakan. Jika terdapat kerosakan kepada netbook,penerima hanya perlu menghantar kepada pusat servis yang telah dilantik oleh pembekal dan pembaikan adalah secara percuma.

Antara punca-punca kerosakan yang dikenal pasti adalah meliputi dua kategori iaitu kerosakan peralatan dan kerosakan perisian. Punca-punca kerosakan ini boleh disebabkan oleh cara penggunaan dan kerosakan komponen. Kerosakan perisian tidak mengambil tempoh yang lama untuk diselesaikan dan boleh dibaiki dalam hari yang sama netbook dihantar. Kerosakan perisian ini boleh disebabkan oleh serangan virus ataupun kesilapan pengguna semasa menggunakan netbook. Kerosakan peralatan pula memerlukan penggantian komponen akan mengambil masa yang panjang bergantung

kepada jenis kerosakan yang berlaku,kerosakan serius melibatkan penukaran skrin dan *motherboard* yang memerlukan netbook dihantar kepada pengilang. Manakala, kerosakan harddisk dan memori boleh ditukar secara terus oleh pembekal. Antara langkah-langkah yang diambil untuk menanganinya adalah memastikan pembekal mempunyai *spare part* yang mencukupi, membuat penukaran jika sekiranya kerosakan disebabkan *factory defect* yang dikesan semasa pengagihan dan memberikan panduan kepada penerima berkenaan mengenai penggunaan netbook secara bijak seperti memastikan antivirus semasa dikemaskini (*update*) dan tidak memadam (*delete*) fail berkenaan perisian operasi (*window*).

Antara usaha-usaha yang dilakukan untuk memaklumkan kepada penerima tentang cara melaporkan kerosakan adalah dengan memberi taklimat mengenai hal-hal berkaitan seperti jaminan atau waranti, cara-cara untuk menghubungi pembekal dan lokasi pusat servis yang dilantik, penjagaan Netbook 1Malaysia dibuat kepada penerima pada setiap majlis pengagihan. Selain itu juga, pembekal diwajibkan untuk melekatkan nombor telefon (*hotline*) pada setiap netbook untuk memudahkan penerima menghubungi pembekal untuk melaporkan berkenaan sebarang kerosakan. Pembekal juga ada menyediakan senarai alamat dan nombor telefon pusat servis yang boleh dihubungi terus oleh penerima.

Rjm40

NO SOALAN : 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [KUBANG PASU]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil kepada Ketua-ketua Jabatan yang tidak melaksanakan tugas masing-masing terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan kewangan seperti yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara setiap tahun dan jika ada, sebutkan berapa ramai mereka yang ditegur, diambil tindakan tatatertib atau dipecat sejak 2010 hingga 2013.

Dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu iaitu 2009 hingga 2013, seramai 20,434 orang penjawat awam di Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dikenakan tindakan tatatertib iaitu:

(a) 4,743 dibuang kerja;

(b) 125 diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan;

(c) 963 diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan;

(d) 2,048 ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan;

(e) 3,491 dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan;

(f) 3,373 dikenakan denda maksimum 7 hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan; dan

(g) 10,531 diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6845

SOALAN:

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di Parlimen Kapar mengikut pecahan umur, jantina, kaum dan jabatan meliputi IPPD, Balai Polis dan Pondok Polis. Apakah perancangan (jangka masa pendek dan jangka masa panjang) Kementerian untuk memperbaiki dan menambahbaik perkhidmatan PDRM di Parlimen Kapar.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua

Parlimen Kapar terletak di bawah pentadbiran Polis ia itu Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara (sebuah Balai Polis dan 6 Balai Polis Komuniti) dan di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Klang Selatan (2 Balai Polis). Jumlah keanggotaan bagi keseluruhan Parlimen Kapar adalah seramai 746 pegawai dan anggota. Pecahan mengikut umur, jantina dan kaum anggota polis yang bertugas di Parlimen Kapar seperti berikut:-

i) Lelaki – 600 anggota

ii) Perempuan – 86 anggota

Daripada jumlah tersebut , 651 anggota berbangsa Melayu, 11 anggota berbangsa Cina, 26 anggota berbangsa India dan 58 anggota terdiri daripada lain-lain bangsa. Lingkungan anggota yang bertugas berumur antara 20 tahun sehingga 58 tahun.

Untuk menambahbaik perkhidmatan Polis di seluruh negara termasuk di Parlimen Kapar , langkah yang diambil oleh kerajaan antaranya seperti berikut:-

i) Pihak kerajaan telah meluluskan sebanyak empat ribu (4,000) perjawatan baru setiap tahun mulai tahun 2012 sehingga 2015 bagi tujuan memperkasakan lagi perkhidmatan polis kepada masyarakat. Pertambahan jawatan tersebut tidak termasuk pengisian kekosongan jawatan disebabkan persaraan atau berhenti kerja. Dengan

pertambahan perjawatan tersebut, semua Kontinjen, Daerah, dan Balai Polis termasuk Balai Polis di luar bandar akan ditambah keanggotaan untuk mengimbangi kekuatan polis dengan penduduk di sesuatu kawasan termasuk Balai-Balai yang terletak di Parlimen Kapar ke arah memenuhi *service delivery system.*

ii) **Pihak PDRM juga sedang merangka dasar untuk menentukan *per 100% populasi* (iaitu bagi setiap 100,000 penduduk, berapakah jumlah anggota yang sesuai nisbahnya mengikut keadaan setempat). Perlaksanaan tersebut bergantung kepada kelulusan dan keupayaan kewangan kerajaan.**

iii) **Keupayaan pasukan Polis akan ditingkatkan dengan bantuan logistik yang mencukupi dalam operasi yang dilaksanakan serta dibekalkan dengan teknologi terkini dalam penguatkuasaan undang-undang. Aset-aset yang lebih canggih seperti senjata api, kenderaan, komputer dan sebagainya akan dibekalkan selaras dengan peredaran masa.**

iv) **Tahap profesionalisme pegawai Polis diberi penekanan khusus yang mana langkah yang telah diambil adalah dengan meningkatkan kelayakan masuk kepada ijazah bagi pengambilan Inspektor, Diploma bagi Sarjan dan Sijil Pelajaran Malaysia bagi Konstabel. Di samping itu, Memorandum Persefahaman (MOU) dengan universiti**

tempatan dan luar negara dijalin bagi tujuan menghantar lebih ramai pegawai dan anggota melanjutkan pelajaran dalam bidang yang terpilih.

v) Pengambilan tambahan anggota pasukan Sukarelawan Simpanan Polis (PVR) bagi membantu PDRM membuat rondaan dan menjadikan kawasan persekitaran lebih selamat. Di samping membantu Polis dalam aktiviti pencegahan jenayah, anggota ini juga akan menjadi mata dan telinga untuk mendapatkan maklumat memandangkan mereka yang di lantik adalah daripada penduduk setempat.

vi) Mengukuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB). Kerajaan pada dasarnya bersetuju untuk menambah 1,000 unit Motosikal setiap tahun menjadikan jumlah keseluruhan 5,000 unit menjelang tahun 2015. Sehingga kini sebanyak 1,800 unit telah diagihkan di seluruh negara. Dengan adanya unit ini telah menunjukan keberkesanannya dari segi menggurangkan jenayah dan kehadiran Polis (*Omnipresence*)

Dengan langkah yang diambil, pihak Kementerian berkeyakinan perkhidmatan Polis kepada masyarakat akan lebih baik dan berkesan, namun demikian pihak Polis tidak boleh melaksanakan tugas secara sendirian, kerjasama daripada orang ramai amat di perlukan untuk membantu dan menyalurkan maklumat kepada Polis.

SOALAN NO:11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam mengawal Sindrom Pernafasan Asia Barat iaitu Virus Corona terutama kepada mereka yang merancang untuk pergi mengerjakan Umrah dan menunaikan Ibadah Haji. Berapakah jumlah rakyat Malaysia yang dikesan menghidap atau terjangkit dengan Virus Corona ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemunculan *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV) adalah merupakan kejadian kecemasan kesihatan awam yang kritikal, bukan hanya bagi negara-negara yang terlibat tetapi juga terhadap masyarakat dunia secara keseluruhannya. Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mula melaporkan mengenainya pada September 2012. Sehingga 14 Mei 2014, sejumlah 571 kes MERS-CoV yang disahkan melalui ujian makmal telah dilaporkan dari seluruh dunia, meliputi 171 kematian.

Bagi Malaysia pula,pada 16 April 2014 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan mengenai satu (1) kes kematian yang disahkan dijangkiti MERS-CoV melibatkan seorang lelaki warga Malaysia berusia 54 tahun, dari Batu Pahat, Johor yang baru pulang ke Malaysia dari mengerjakan umrah di Tanah Suci. Selepas kes tersebut, sehingga kini tiada kes baru MERS-CoV dikesan di Malaysia.

Bermula November 2012, sehingga penghujung Mei 2014, susulan pebagai aktiviti kesiapsiagaan yang telah dilaksanakan di lapangan, pihak KKM telah menerima sejumlah hampir 450 notifikasi kebanyakannya dalam kalangan jemaah haji / umrah dari seluruh negara, yang dikategorikan sebagai kes yang disyaki dijangkiti MERS-CoV. Selain dari kes yang disahkan dijangkiti MERS-CoV dari Batu Pahat tersebut, ke semua kes yang lain telah disahkan sebagai bebas dari jangkitan MERS-CoV melalui ujian makmal yang telah dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian setakat ini, keupayaan MERS-CoV untuk menular di dalam komuniti adalah agak terhad (*non-sustained human-*

to-human transmission). MERS-CoV dikesan menular secara terhad dari kes yang disahkan dijangkiti kepada individu yang lain melalui kontak rapat, sebagai contohnya semasa memberikan rawatan kepada pesakit tersebut atau tinggal serumah dengan kes terbabit. Penularan jangkitan MERS-CoV didapati tidak berlaku secara berleluasa sebagaimana yang berlaku bagi kejadian jangkitan Pandemik (H1N1) 2009.

Disebabkan sifat penularan jangkitan MERS-CoV yang sedemikian, pendekatan dalam bentuk berfasa, iaitu fasa membendung (*containment*) dan fasa mengurangkan (*mitigation*) jangkitan tidak digunapakai untuk kali ini. Semasa menghadapi kejadian Pandemik (H1N1) 2009 dahulu, fasa mengurangkan (*mitigation*) digunapakai adalah antaranya bagi tujuan seperti berikut:

a) Mengurangkan bilangan individu yang dijangkiti secara keseluruhannya;

b) Mengurangkan penularan jangkitan secara berleluasa di dalam komuniti;

c) Memastikan mereka yang dijangkiti diberikan rawatan yang sewajarnya; dan

d) Melindungi golongan yang rentan (*vulnerable*).

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti kesiapsiagaan yang dijalankan oleh pihak KKM bagi kejadian jangkitan MERS-CoV pada ketika ini adalah secara prinsipnya untuk memenuhi tujuan yang sama, walaupun terminologi *containment* dan *mitigation* tidak digunakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, punca dan cara jangkitan bagi MERS-CoV masih belum dapat dikenalpasti sepenuhnya. Justeru, tiada kepastian dapat diberikan mengenai corak penularan jangkitan berkenaan, iaitu sama ada ia akan berlaku secara bermusim atau akan terus merebak atau akan berakhir dalam tempoh masa tertentu.

Setakat ini pihak WHO tidak mengeluarkan sebarang larangan lawatan ke negara-negara yang terlibat dan rakyat Malaysia secara berterusan berkunjung ke Tanah Suci samada bagi mengerjakan ibadah umrah atau haji.

Oleh itu, kesiapsiagaan menghadapi potensi kejadian jangkitan MERS-CoV dan pemantauannya diperkukuhkan secara berterusan di pelbagai peringkat KKM termasuk:

a) Pengurusan kes yang disyaki dijangkiti MERS-CoV dengan menggunakan tatacara sebagaimana yang digariskan, meliputi proses pelaporan / notifikasi melalui saluran yang telah dikenalpasti dengan kadar segera kepada pihak yang terlibat;

b) Aktiviti survelan bagi kes *influenza-like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (sARI) terus diperkukuhkan di semua lokasi sentinel yang berkaitan, termasuk pemantauan berterusan kejadian kluster ILI di dalam komuniti;

c) Memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi yang optimum dijalankan di semua fasiliti kesihatan;

d) Mengadakan latihan simulasi MERS-CoV untuk menguji tahap kesiapsiagaan dan kesediaan anggota KKM di pelbagai peringkat, serta mengemaskini mekanisma penyelarasan setiap organisasi yang terlibat dalam menghadapi kejadian jangkitan MERS-CoV;

e) Memperkukuhkan kapasiti makmal untuk menjalankan ujian pengesahan bagi MERS-CoV;

f) Memastikan stok simpanan alat perlindungan diri (PPE) di setiap negeri adalah mencukupi;

g) Memperkukuhkan kerjasama dengan pihak Pengamal Perubatan Swasta dalam aktiviti pemantauan bagi kes *influenza-like illness* (ILI) dan kejadian kluster ILI di dalam komuniti;

h) Mempertingkatkan aktiviti hebahan maklumat kepada pelbagai kumpulan sasar (seperti pengamal perubatan swasta, bakal jemaah umrah dan haji, agensi pelancongan swasta, Lembaga Tabung Haji Malaysia, Kementerian Luar Negeri dan orang awam) mengenai isu-isu berkaitan status terkini jangkitan MERS-CoV dan aktiviti kesiapsiagaan bagi menghadapi kejadian tersebut;

i) Menyediakan *Traveller's Hygiene Kit* yang mengandungi mask dan *hand sanitizer* untuk kegunaan para jemaah haji;

j) Menyarankan agar Lembaga Tabung Haji Malaysia dan agensi pelancongan swasta yang terlibat mempunyai bekalan penutup mulut dan hidung *(mask)* yang mencukupi bagi kegunaan jemaah

umrah / haji dan hebahan nasihat kesihatan berkaitan jangkitan MERS-CoV kepada semua jemaah di bawah kendalian mereka;

k) Galakan kepada mereka yang akan berkunjung ke Arab Saudi untuk mengambil pelalian *influenza* dan *pneumococcal* sebelum berlepas ke Tanah Suci; dan

l) Peringatan kepada para jemaah umrah atau haji, iaitu sekiranya mendapati diri mereka tidak sihat samada semasa berada di Tanah Suci mahupun dalam tempoh 2 (dua) minggu pertama selepas pulang ke Malaysia, adalah dinasihatkan agar mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang berhampiran.

Pihak KKM sentiasa memantau perkembangan terkini kejadian MERS-CoV dan juga status polisi/ tatacara yang dikeluarkan oleh pihak WHO yang berkaitan dengan jangkitan MERS-CoV. Sebagai rujukan dan panduan anggota di lapangan mahupun orang awam, maklumat berkaitan MERS-CoV boleh diperolehi di halaman utama laman web KKM(www.moh.gov.my), iaitu di bawah 'Info Kesihatan'. Sebarang maklumat terkini akan dimuatnaik dari semasa ke semasa.

SOALAN NO.: 12

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN SU KEONG SIONG**
KAWASAN	:	**IPOH TIMOR**
TARIKH	:	**11 JUN 2014, RABU**

SOALAN:

YB. TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku di antara KM310 ke KM300 (arah Utara) Lebuhraya Utara – Selatan - kawasan Gua Tempurung dari tahun 2000 ke 2014. Sila nyatakan langkah-langkah keselamatan dan/atau pencegahan yang telah diambil untuk mengurangkan kemalangan yang berlaku di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kemalangan yang direkodkan oleh pihak PLUS, terdapat 936 kes kemalangan dicatatkan antara KM310 hingga KM300 (arah utara) Lebuh Raya Utara – Selatan untuk tempoh dari tahun 2000 hingga 30 April 2014.

Lokasi kemalangan di KM310 hingga KM300 (arah utara) Lebuh Raya PLUS ini tidak tertumpu di kawasan yang sama atau kawasan 'blackspots' yang spesifik. Faktor utama kemalangan ialah disebabkan oleh kecuaian manusia, seperti pemanduan melebihi had laju dibenarkan, mengantuk di samping faktor-faktor lain seperti faktor mekanikal kenderaan. Walaupun begitu untuk mengurangkan risiko kemalangan, kementerian ini melalui pihak PLUS telah melaksanakan beberapa penambahbaikan keselamatan melibatkan skop mitigasi kejuruteraan jalan seperti berikut:

1. Menaik taraf rel pengadang daripada 4 meter jarak antara tiang kepada 2 meter jarak antara tiang;
2. Menaik taraf rel jambatan sedia ada kepada parapet konkrit di KM301.6 & KM302;
3. Pemasangan 'road stud' di kawasan selekoh;
4. Pemasangan papan tanda 'chevron' di kawasan selekoh;
5. Pemasangan 'reflective sticker' di tiang-tiang rel pengadang untuk meningkatkan jarak penglihatan dan 'delineation' pada waktu malam;

6. Pemasangan papan tanda amaran dan peringatan had laju; dan
7. Pemasangan 'high performance road marking' dan penanda jalan dari jenis'vibra-line'.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan dan langkah intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan oleh pihak PLUS dari semasa ke semasa bagi tujuan meminimumkan risiko kemalangan di sepanjang Lebuh Raya Utara - Selatan.

Sekian. Terima kasih.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris** **[Jerantut]**
TARIKH	:	**11.06.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**13**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan pendapatan peserta FELCRA yang terlalu rendah seperti peserta gugusan FELCRA di Tembeling Tengah dan Perlok, Ulu Cheka, Jerantut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Di antara langkah-langkah yang telah diambil sebagai usaha untuk meningkatkan dividen kepada peserta gugusan FELCRA termasuk mereka yang berada di Tembeling Tengah dan Perlok, Ulu Cheka, Jerantut adalah seperti berikut:

Pertama, memberikan **peluang pekerjaan** kepada peserta FELCRA sedia ada untuk bekerja di ladang-ladang yang diusahakan oleh FELCRA dengan kadar upah atau gaji bulanan sebanyak RM900 sebulan untuk tempoh 26 hari bekerja.

Kedua, melaksanakan **kawalan perbelanjaan operasi** ladang dengan mengutamakan kerja-kerja yang berkaitan dengan pengeluaran hasil sahaja.

Ketiga, memberikan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman mudah tanpa faedah kepada peserta dan generasi kedua melalui **Program Projek Ekonomi Peserta** (PEP). Melalui program ini, peruntukan sebanyak RM6.0 juta telah disediakan bagi tahun 2014 untuk membolehkan peserta bergiat sebagai usahawan. Sehingga kini, seramai 940 orang usahawan FELCRA Berhad telah mendapat manfaat daripada program ini.

Keempat, melaksanakan **Program Pembangunan Keusahawanan** yang menyediakan bantuan geran untuk membantu peserta mengembangkan projek ekonomi masing-

masing. Pada tahun 2014, sebanyak RM2.85 juta telah disediakan. Ada 6 bidang yang diberikan perhatian, iaitu: akuakultur, ternakan, tanaman kontan, perikanan, pembuatan dan juga perkhidmatan.

Kelima, mewujudkan **Tabung Penstabilan Harga** sejak tahun 2008 sebagai langkah awal penyediaan sumber pembiayaan untuk menampung kekurangan dividen atau pulangan semasa kejatuhan harga komoditi. Sumber tabung ini diperolehi menerusi potongan sebanyak 2% daripada keuntungan kasar ladang. Sehingga kini, jumlah tabungan yang terkumpul adalah sebanyak RM51 juta.

Dan ke-enam, mewujudkan **Tabung Permodalan** untuk memberi peluang kepada peserta melabur secara langsung dalam dana yang diuruskan oleh FELCRA Berhad ini dengan jaminan untuk memberikan pulangan yang menguntungkan kepada peserta.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jumlah dividen atau pulangan kepada peserta *(pemilik tanah terbiar)* adalah dipengaruhi oleh faktor saiz pegangan tanah yang dimiliki dan purata saiz pegangan tanah peserta FELCRA Berhad hanyalah seluas 1.6 hektar seorang.

Di samping itu, senario harga komoditi di pasaran global semasa yang rendah iaitu dalam lingkungan RM523.00 per metrik tan untuk sawit dan RM5.15 per kilogram untuk getah serta pelaksanaan Akta Gaji Minimum Tenaga Buruh oleh Kerajaan, ia telah memberi impak yang besar kepada penurunan jumlah keuntungan ladang yang secara langsung turut memberi kesan kepada jumlah dividen yang diterima oleh peserta.

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]**

TARIKH : **11.6.2014**

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyenaraikan perbandingan sewa kampus tahunan (bagi tahun 2014 dan unjuran 2015, 2016, 2017 dan 2018) yang ditanggung oleh seorang pelajar UiTM di kampus yang dikendalikan sendiri oleh UiTM, berbanding dengan sewa kampus tahunan (bagi tahun 2014 dan unjuran 2015, 2016, 2017 dan 2018) di kampus-kampus yang dikendalikan di bawah konsesi iaitu UiTM Kota Samarahan, UiTM Pasir Gudang, UiTM Seremban 3, UiTM Puncak Alam, UiTM Jasin dan UiTM Tapah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 27 kampus di seluruh negara dikendalikan sendiri oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pihak pengurusan atasan UiTM melalui Mesyuarat Eksekutif UiTM telah menetapkan bahawa kadar sewaan kampus ke atas seorang pelajar bagi setiap kampus sama ada di kendalikan oleh UiTM atau pihak konsesi bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 420/semester (RM840/setahun) untuk bilik berdua, RM 315/semester (RM 730 setahun) untuk bilik bertiga dan RM 210/semester (RM 420 setahun) untuk bilik berempat dan ke atas. Justeru, pengunjuran bayaran sewaan kampus untuk tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 akan terus dikekalkan.

Rjm38

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah pihak Kementerian melakukan kajian terperinci berkenaan penggunaan tenaga elektrik dan air di seluruh negara bagi tempoh 10-20 tahun akan datang dan adakah sumber tenaga elektrik dan air di Malaysia mencukupi bagi tempoh masa panjang supaya tarif air dan elektrik dapat dikekalkan pada kadar yang rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perancangan keperluan dan pembekalan elektrik dilaksanakan melalui konsultasi agensi-agensi di bawah Jawatankuasa Perancangan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang bersidang sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Anggaran peratusan pecahan sumber bahan api untuk penjanaan bekalan elektrik bagi pembekalan tenaga di Semenanjung dibuat berdasarkan hasil kajian mengenai kedudukan campuran bahan api (*fuel mix*), dengan izin, bagi penjanaan elektrik yang telah dijalankan oleh Kerajaan.

2. Kajian campuran tenaga adalah bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sesuatu jenis bahan api tertentu di samping mewujudkan tahap campuran bahan api yang lestari. Antara faktor yang diambil kira dalam penentuan campuran tenaga optimum ini termasuklah elemen akses (*accessibility*), ketersediaan (*availability*), mampu bayar (*affordability*) serta kebolehterimaan (*acceptability*).

3. Dalam hal ini Dasar Tenaga Negara memainkan peranan penting sebagai panduan kepada pembangunan sektor tenaga di negara ini

yang meliputi 3 objektif utama, iaitu memastikan bekalan tenaga yang mencukupi dan berdaya harap pada harga yang berpatutan; menggalakkan penggunaan tenaga secara cekap dan meminimumkan kesan negatif aktiviti tenaga terhadap alam sekitar. Oleh yang demikian, sebarang perancangan dan pelaksanaan yang berkaitan dengan pembekalan elektrik di negara ini akan mengambil kira ketiga-tiga objektif tersebut.

4. Berdasarkan pelan pembangunan dan perancangan terkini bagi memastikan *least cost to the system,* dengan izin, yang diamalkan ketika ini, sumber tenaga elektrik adalah mencukupi bagi tempoh jangka masa panjang dan dapat dikekalkan pada kadar yang kompetitif tertakluk kepada harga bahan api pasaran. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan telah pun memutuskan untuk menyemak semula harga bahan api gas secara berperingkat bagi mencerminkan harga sebenar kos pembekalan elektrik kepada pengguna, di mana kos bahan api merupakan elemen penting dalam penentuan tarif yang kompetitif kepada pengguna.

Tuan Yang Dipertua,

5. Berhubung dengan sektor air, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan sumber air yang mampan serta sentiasa

menambah baik pengurusan bekalan air di seluruh negara bagi memenuhi keperluan bekalan air yang sentiasa meningkat seperti:

i. mengesyorkan supaya setiap kerajaan negeri membuat pindaan ke atas Enakmen Air negeri masing-masing dengan memasukkan peruntukan yang membolehkan kawalan dan pengawalseliaan terhadap sumber air dan kawasan tadahan dikuatkuasakan secara sistematik dan lestari;

ii. untuk perancangan jangka panjang, satu Kajian Semula Sumber Air Negara oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 2011 di seluruh negara telah dibuat yang merangkumi aspek pengesanan program/ projek sumber air baru dan pembinaan loji rawatan air baru untuk diguna pakai bagi merancang program pembangunan bekalan air negara secara berperingkat bagi memenuhi permintaan air bersih sehingga tahun 2050;

iii. menyediakan prasarana bekalan air berpandukan saranan dan perakuan 'Laporan Kajian Semula Sumber Air Negara 2010-2050' secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan juga keupayaan kewangan kerajaan;

iv. melaksanakan peningkatan kecekapan operasi pihak operator air melalui Program Pengurusan Permintaan Air (*Water Demand Management*) termasuk program mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) secara berkesan;

v. melaksanakan program penyaluran air antara negeri bagi memastikan negeri yang mempunyai lebihan sumber air dapat membantu negeri mengalami kekurangan sumber air contoh Projek Penyaluran Air Mentah Pahang Selangor (PPAMPS); dan

vi. meneroka sumber-sumber air alternatif seperti air bawah tanah, *Storm Water* atau limpahan air hujan dan guna semula (*recycle/ reuse*) lepasan efluen untuk kegunaan *non portable* sebagai punca air tambahan dan rizab masa hadapan.

****

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]**

TARIKH : **11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN : **Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pasar nelayan di Semenanjung Malaysia yang sedia ada dan yang akan diwujudkan. Sejauh manakah pasar nelayan ini berjaya menghapuskan penglibatan orang tengah dalam kegiatan jual beli ikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mula melaksanakan Program Pasar Nelayan pada tahun 2006 bagi meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan dan keluarga nelayan melalui penglibatan dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Program Pasar Nelayan membolehkan nelayan dan keluarga nelayan menjual ikan secara terus kepada pengguna tanpa melalui orang tengah. Melalui kaedah ini, nelayan berupaya mendapat keuntungan yang lebih baik dan pengguna mendapat bekalan ikan yang segar dan berkualiti pada harga yang berpatutan.

Sehingga kini, terdapat 37 buah Pasar Nelayan di Semenanjung Malaysia. Bilangan Pasar Nelayan sedia ada di Semenanjung Malaysia mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah Pasar Nelayan
1.	Perlis	1
2.	Kedah	6
3.	Pulau Pinang	8
4.	Perak	2
5.	Selangor	5
6.	Negeri Sembilan	1

7.	Melaka	3
8.	Johor	4
9.	Pahang	3
10.	Terengganu	3
11.	Kelantan	1
JUMLAH		**37**

Manakala sebanyak 84 buah lagi Pasar Nelayan akan diwujudkan di Semenanjung Malaysia dalam tahun 2014 dan 2015. Bilangan Pasar Nelayan yang akan diwujudkan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	**Negeri**	**Jumlah Pasar Nelayan**
1.	Perlis	5
2.	Kedah	5
3.	Pulau Pinang	3
4.	Perak	10
5.	Selangor	19
6.	Negeri Sembilan	4
7.	Melaka	3
8.	Johor	11
9.	Pahang	10
10.	Terengganu	12
11.	Kelantan	2
JUMLAH		**84**

Program Pasar Nelayan telah berjaya mengurangkan penglibatan orang tengah dalam kegiatan jual beli ikan. Kejayaan ini dapat dilihat melalui peningkatkan nilai jualan ikan di Pasar Nelayan yang berterusan. Pada tahun 2006, nilai jualan di Pasar Nelayan ialah sebanyak RM165,000 dan jumlah tersebut telah meningkat kepada RM11.28 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010 pula, nilai jualan hasil pelaksanaan program ini terus meningkatkan kepada RM14.72 juta dan melonjak kepada RM32.27 juta pada tahun 2011, RM33.54 juta pada tahun 2012 dan RM34.2 juta pada tahun 2013.

NO. SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6842

SOALAN:

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah bagi meningkatkan tahap dan mutu perkhidmatan Jabatan Imigresen di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tenom yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan serta menambahbaik perkhidmatan dengan melaksanakan inovasi seperti berikut:

i. **Memperkenalkan permohonan e-pasport Malaysia yang diselaras DOC 9303 International Civil Aviation Organization (ICAO) tanpa borang *(paperless)* dan penggunaan *live capture camera* bagi mengambil gambar untuk proses permohonan. Kaedah ini boleh membantu menjimatkan masa dan wang pemohon serta kos kepada kerajaan sebagai touch point dalam merakyatkan perkhidmatan;**

ii. **Penambahbaikan pada sistem pengkomputeraan Jabatan bagi memastikan perkhidmatan dapat diberi dengan mudah dan lancar;**

iii. memindahkan pejabat pengeluaran paspot baru Putrajaya di Menara Ikhlas, Presint 2 dari Presint 15 Diplomatik dengan penambahan kaunter-kaunter pengeluaran paspot baru yang lebih banyak;

iv. pembinaan Ibu Pejabat Imigresen Negeri Sembilan baru di Seremban 2 berdasarkan peruntukan yang telah disediakan di bawah **Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) bagi tempoh jangka panjang serta penambahan** penggunaan ruang pejabat tambahan di Tingkat 6 Wisma Persekutuan, Seremban bagi penambahbaikan jangka pendek;

v. **menyewakan ruang yang lebih besar dan kondusif bagi menampung kesesakan pemohon -pemohon perkhidmatan Imigresen seperti di Pejabat Imigresen Pulau Pinang dan Selangor;**

Comment [h1]:
Comment [ZBAS2R1]:
Comment [ZBAS3R1]:

vi. **permohonan pengeluaran pas bagi golongan pegawai dagang atau *expatriate* secara *online;***

vii. **memperkenalkan pembaharuan Pas Lawatan (Kerja Sementara) pekerja asing secara on-line ;**

viii. **mengadakan** Khidmat Perundingan *Business Process Reegineering* Perkhidmatan Teras JIM bersama PEMANDU dan MAMPU bagi menambahbaikkan prosedur kerja JIM;

ix. **Menambahkan hampir 1,000 orang anggota Imigresen untuk aktiviti penguatkuasaan dan pengurusan pekerja asing di seluruh Jabatan Imigresen Malaysia;**

x. **Menghantar pegawai-pegawai untuk menghadiri kursus-kursus Bahasa dan *soft-skills* bagi membolehkan rakyat berinteraksi secara lebih efektif dan berhemah; dan**

xi. **Mengadakan Pelan Operasi Latihan yang komprehensif bagi melatih pegawai-pegawai secara dalaman atau *in-house* dan juga menghantar pegawai-pegawai bagi mengikuti bengkel-bengkel di peringkat antarabangsa untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan. Pendedahan ini akan membantu pegawai dalam mengunapakai *best practices* yang diamalkan oleh Negara-negara lain sebagai penanda aras dan penambahbaikan perkhidmatan.**

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**6843**

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras aktiviti judi *cybercafe* di Kuala Lumpur dan khususnya di Parlimen Batu. Adakah pihak Kerajaan pernah menjalankan operasi membanteras aktiviti judi di Parlimen Batu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya Cawangan D7 iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap untuk membanteras kegiatan perjudian haram yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

i. **Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian *Cyber Cafe* dan menuduh mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.**

ii. **Mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan *Cyber Cafe* sebagai tempat perjudian.**

iii. **Mempertingkatkan kerjasama dengan pihak majlis berkuasa tempatan dalam menguatkuasakan Enakmen tempat-tempat hiburan negeri-negeri.**

Statistik sebuan dan tangkapan yang dibuat terhadap *Cyber Cafe* yang menjalankan aktiviti perjudian secara *online* bagi Parlimen Batu bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut:-

STATISTIK PEMBENTERASAN AKTIVITI MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER PARLIMEN BATU DALAM TEMPOH (JAN – DIS) 2013

TAHUN	SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN	RAMPASAN WANG (RM)
2013(JAN – DIS)	2179	378	2055	RM 13,389.00

STATISTIK PEMBENTERASAN AKTIVITI MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER PARLIMEN BATU DALAM TEMPOH 2014 (JAN-APRIL).

TAHUN	SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN	RAMPASAN WANG (RM)
2014 (JAN-APRIL)	779	183	189	RM 9,632.00

NO SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bentuk insentif yang akan diberikan oleh Kerajaan terhadap peniaga atau kedai yang menawarkan harga barangan berpatutan sebagai Kedai Harga Patut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) ialah untuk mengiktiraf premis perniagaan yang menawarkan barangan pada harga yang berpatutan, kompetitif dan berkualiti kepada pengguna. Harga patut tidak semestinya membawa makna harga termurah tetapi merujuk kepada harga yang munasabah mengikut harga pasaran atau lebih murah dari harga pasaran atau tidak mempunyai jurang yang terlalu besar dengan harga pasaran.

Pada masa ini setiap premis yang diiktiraf sebagai Kedai Harga Patut diberi penghargaan berbentuk plak, *bunting* dan sijil. Selain itu, senarai penerima AKHP juga akan dibuku dan diedarkan secara meluas ke semua Kementerian dan pusat-pusat pelancongan bagi mempromosikan premis-premis ini samada kepada pelancong tempatan mahupun pelancong asing. Penganugerahan ini secara tidak langsung juga merupakan satu bentuk promosi yang berkesan kepada penerima-penerima anugerah.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pada masa ini Kerajaan belum lagi bercadang menyediakan sebarang bentuk insentif kepada peniaga yang menawarkan harga patut.

NO.SOALAN : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ER TECK HWA [BAKRI]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**6844**

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang ditahan di penjara bagi kesalahan kali pertama, kedua, ketiga dan keempat mengikut pecahan jenis kes jenayah dan hukuman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik Jabatan Penjara Malaysia bagi tahun 2013 menunjukkan terdapat seramai 6,769 orang banduan kes berulang atau residivis. Daripada jumlah tersebut seramai 5,553 orang banduan merupakan kes jenayah manakala 1,216 orang banduan adalah kes berkaitan dadah.

Tempoh hukuman pemenjaraan bagi kesalahan-kesalahan tersebut bermula dari hukuman singkat (hukuman pemenjaraan bawah dari 6 bulan) sehinggalah kepada hukuman seumur hidup (30 tahun).

Kementerian memandang serius kes kemasukan berulang atau residivis di kalangan banduan dan telah menetapkan kadar residivis sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) Kementerian. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, kadar residivis bagi tahun 2013 ialah 7.61% iaitu masih di bawah kadar residivis yang telah ditetapkan oleh Kementerian iaitu 9%. Kementerian khususnya Jabatan Penjara Malaysia sentiasa menambahbaik program pemulihan untuk banduan supaya mereka tidak kembali melakukan jenayah apabila dibebaskan.

SOALAN (21)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT]

SOALAN :-

Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian berhubung dengan kemerosotan sentimen pengguna terhadap pasaran hartanah tempatan untuk memiliki rumah disebabkan harga rumah yang terlalu tinggi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga rumah yang agak tinggi lazimnya berlaku di bandar-bandar utama khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak disebabkan peningkatan kos tanah dan kos bahan binaan. Berdasarkan Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC), harga semua rumah bagi kelima-lima negeri tersebut pada suku keempat tahun 2013 adalah antara RM332,843 sehingga RM644,249 manakala bagi negeri-negeri lain adalah antara RM136,717 sehingga RM211,302.

Selain itu, berdasarkan Laporan Pasaran Harta 2014 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), bilangan transaksi kediaman direkodkan sebanyak 381,130 pada tahun 2013 berbanding 427,250 pada tahun 2012, ini menunjukkan penurunan 10.9 peratus. Statistik mendapati sentimen pembeli untuk memiliki hartanah di negara ini masih di tahap yang tinggi. Walaupun mencatatkan sedikit penurunan, ianya hanya

berlaku dalam tempoh yang singkat memandangkan pelbagai program bagi menangani aktiviti spekulasi telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada awal tahun 2014. Walau bagaimanapun, nilai transaksi meningkat pada RM152.37 billion pada tahun 2013 berbanding dengan RM142.84 billion pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan 6.7 peratus.

Bagi menangani harga rumah yang terlalu tinggi, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah bagi mengekang aktiviti spekulasi yang seterusnya dapat menstabilkan harga rumah seperti berikut :

i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);

Pelupusan	Kadar CKHT Dicadangkan		
	Syarikat	Individu (Warganegara & Penduduk Tetap)	Individu (Bukan Warganegara)
Dalam tempoh 3 tahun	30%	30%	30%
Dalam tahun ke-4	20%	20%	30%
Dalam tahun ke-5	15%	15%	30%
Dalam tahun ke-6 dan seterusnya	5%	0%	5%

ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta;

iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang diberikan kepada pembeli;

iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri Developer Interest Bearing Scheme (DIBS).

Bagi menangani pembelian hartanah secara pukal (en block) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenakan syarat baharu dalam permit iklan dan jualan yang mewajibkan pemaju untuk mendaftarkan dengan KPKT bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi 4 unit rumah.

Selain itu juga, kerajaan telah mensasarkan pembinaan 1juta rumah mampu milik bagi tempoh 2013 sehingga 2017 termasuk 500,000 unit oleh Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah.

Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) yang dipengerusikan oleh YB Menteri KPKT telah ditubuhkan bagi memantau pencapaian sasaran tersebut.

Selain itu, Kementerian juga akan melaksanakan Program Mampu Milik Swasta (My Home) dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang bertujuan untuk meningkatkan bekalan penawaran rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sewaan rumah juga merupakan alternatif bagi membantu golongan tersebut khususnya di bandar-bandar utama.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO.SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil untuk mengetatkan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah untuk mencegah kejadian penculikan di masa akan datang.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. ESSCOM dengan kerjasama kesemua agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan yang beroperasi di ESSZONE telah mengambil beberapa langkah untuk mengetatkan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

   i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;

   ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;

   iii) Respon team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;

   iv) Peningkatan atur gerak anggota keselamatan dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;

v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;

vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;

viii)Pewujudan 5 balai baru dan 3 balai yang sedia ada di naik taraf;

ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;

x) *Engagement* dengan semua stakeholders di ESSZONE;

xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan

xii) Melaksanakan pendaftaran awal *"Pump Boat"* bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS

ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah

iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**23**

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menjaga kebajikan keluarga mangsa atas kehilangan MH370.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Waris/Keluarga Penumpang dan Anak Kapal - *Next Of Kin* (NOK) yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Luar Negeri. Jawatankuasa ini bertanggung jawab dalam semua aspek berkaitan NOK termasuk menyediakan informasi terkini berhubung operasi mencari dan menyelamat pesawat MAS MH370 kepada NOK, menyediakan bantuan dan sokongan semasa dan selepas operasi mencari, menyelaras dengan negara-negara NOK yang berkaitan berhubung sebarang fasilitasi atau bantuan kewangan kepada semua NOK yang terlibat.

Perlaksanaan sebarang fasilitasi, bantuan ataupun sebarang isu berhubung pampasan dibuat sejajar dengan *Montreal Convention 1999, Doc 9998 ICAO Policy on Assistance to Aircraft Accidents Victims and Their Families, Doc 9973* dan *Manual on Assistance to Aircraft Accidents Victims and Their Families*.

Pihak Kerajaan juga melalui MAS sentiasa mengadakan sesi taklimat dan penerangan kepada ahli keluarga terdekat bagi memberi maklumat terkini kepada keluarga. Dalam hubungan ini, sejak kehilangan pesawat MH370 pada 8 Mac 2014 sehingga kini, Kerajaan bersama-sama dengan pihak MAS telah mengenal pasti kesemua ahli keluarga mangsa yang terlibat di dalam insiden

tersebut. Pihak MAS telah menawarkan 700 *caregivers* (dengan izin) yang dilantik untuk memberikan sokongan moral dan kaunseling kepada ahli-ahli keluarga yang terlibat. MAS juga telah menawarkan penginapan percuma di hotel sekitar Putrajaya dan Bangi. Setiap keluarga diberi kemudahan penginapan, pengangkutan, makanan dan sebagainya.

NO. SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATUK IR DR WEE KA SIONG**
[AYER HITAM]

TARIKH : **11 JUN 2014**

SOALAN :

YB. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan impak kepada sektor pelancongan akibat dari insiden MH370. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi kekusutan ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Insiden kehilangan pesawat MH370 sememangnya telah memberi kesan kepada industri pelancongan negara terutamanya kedatangan pelancong dari negara China. Sehingga bulan April, tempahan yang dibatal atau ditangguh dilaporkan telah mencatat sebanyak 30,000 tempahan di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Namun demikian, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

Bagi mengimbangi kejatuhan kedatangan pelancong dari pasaran Republik Rakyat China, sebagai strategi jangka pendek, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah mempertingkatkan promosi di pasaran jarak sederhana seperti berikut:

i. Pasaran ASEAN – terutamanya Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunei;
ii. Pasaran Asia Selatan – India, Bangladesh dan Sri Lanka;
iii. Pasaran Ocenia – Australia, New Zealand; dan
iv. Pasaran Asia Barat – Arab Saudi, Kuwait, Oman, Qatar, Emiriyah Arab Bersatu dan Bahrain.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada itu, Jawatankuasa Pengurusan Krisis yang dikendalikan oleh pejabat-pejabat Tourism Malaysia di pasaran China telah diwujudkan. Fungsi utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran China untuk mengembalikan keyakinan pelancong China mengunjungi Malaysia pada masa akan datang.

Tourism Malaysia juga telah mengadakan perjumpaan dengan para pengusaha pelancongan serta wakil-wakil kanan pihak kerajaan negara China, Hong Kong dan Taiwan bagi melahirkan rasa simpati, keprihatinan, perhatian dan doa seluruh rakyat Malaysia terhadap keluarga mangsa yang terlibat dalam insiden berkenaan. Perjumpaan ini juga diadakan bagi

tujuan untuk memulihkan keyakinan warga China untuk melancong ke Malaysia.

Walaupun kempen pengiklanan menerusi satelit TV global ditangguhkan buat sementara waktu, kempen pengiklanan dan publisiti medium lain dalam pasaran tetap diteruskan seperti mana yang dirancang di dalam pelan media untuk tahun 2014.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih mendalam bagaimanakah negara Malaysia dapat menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu semua lapisan rakyat mencapai pendapatan yang tinggi pada atau sebelum tahun 2020.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Status Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 adalah berpandukan kriteria yang digariskan oleh Bank Dunia iaitu mempunyai pendapatan per kapita atau pendapatan bagi setiap penduduk, sekurang-kurangnya USD15,000 (RM46,500). Pada akhir 2013, pendapatan per kapita bagi Malaysia adalah USD10,095 (RM31,810). Malaysia dijangka mencapai status negara maju lebih awal berbanding 2020, sekiranya pertumbuhan ekonomi Malaysia berada pada tahap landasan yang mampan.

Dalam mencapai matlamat ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020, dasar dan program Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada sumber pertumbuhan ekonomi yang mampan termasuk pembangunan modal insan, peningkatan dalam produktiviti serta kreativiti dan inovasi. Kerajaan telahpun menetapkan pendekatan pembangunan secara holistik, dengan memberi tumpuan utama kepada aspek peningkatan dalam kualiti hidup rakyat, keterangkuman bagi membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan negara sepenuhnya, dan kemampanan dengan memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi akan datang sepertimana yang telah digariskan di dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

Di samping itu, Kerajaan turut meneruskan lagi pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah mencapai sasaran tersebut. Bagi tempoh 2011-2013, sebanyak 196 projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah menarik pelaburan komited berjumlah RM219.3 bilion. Pencapaian GTP diukur melalui pelaksanaan projek-projek Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), dan pada tahun 2013 GTP telah mencapai sebanyak 104 peratus daripada sasaran yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua langkah dan strategi bagi menggerakkan ETP dan GTP telah diterjemahkan ke dalam 86 inisiatif dan sedang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bersama dengan pelan tindakan dan dengan izin, *key milestones* serta kementerian/agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakannya dalam tempoh yang ditetapkan. Kesemua inisiatif berkenaan sedang dipantau bagi memastikan kesemua langkah dan strategi yang dinyatakan dapat dicapai.

Sebagai contoh, program 1Azam merupakan satu usaha Kerajaan untuk membawa keluar isi rumah berpendapatan rendah daripada paras kemiskinan telah banyak menyumbang kepada peningkatan pendapatan rakyat. Pelaksanan program 1Azam ini telah melibatkan pelbagai kaedah antaranya mewujudkan peluang pekerjaan, keusahawanan, aktiviti pertanian dan juga perkhidmatan telah berjaya meningkatkan pendapatan seramai 168,946 individu semenjak dilaksanakan pada tahun 2009.

Justeru, Kerajaan percaya dengan usaha gigih dan penglibatan semua pihak, Malaysia mampu mencapai status negara

berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kerajaan akan memastikan setiap rakyat akan dapat menikmati tahap kualiti hidup yang lebih baik hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang dicapai ini.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan Kerajaan untuk menyediakan 500,000 rumah untuk golongan sasaran PR1MA dan berapa buah rumah telah dibina setakat ini.

JAWAPAN: **YB DATO'SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar perumahan selesa, berkualiti dan mampu milik adalah keperluan genting golongan berpendapatan sederhana di kawasan bandar dan pinggiran bandar. Kerajaan komited memastikan setiap rakyat berpeluang memiliki rumah sendiri. PR1MA adalah manifestasi hasrat kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada semua golongan berpendapatan sederhana. Setakat ini, Kerajaan Negeri serta pihak swasta telah memberikan sokongan dan kerjasama yang baik dalam memastikan hasrat nurani ini tercapai.

Rumah-rumah PR1MA dibina di kawasan strategik bandar-bandar utama serta pinggiran bandar di seluruh Malaysia. Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM 7,500. Harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 – RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Dalam ertikata lain, harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut.

PR1MA telah dimandatkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina sebanyak 500,000 unit rumah di seluruh negara dalam jangkamasa lima tahun. Setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 80,494 unit dalam jangkamasa setahun yang merangkumi 55 buah projek di semua negeri bagi seluruh

negara. Kesemua projek-projek ini berada di dalam pelbagai peringkat pembangunan. Daripada 55 buah projek tersebut, 11 buah projek telah memperoleh kelulusan Perintah Pembangunan (Development Order).

Pada masa kini sebanyak tiga buah projek di Wilayah Persekutuan Kuala lumpur, Kedah dan Johor sedang di dalam proses pembinaan. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebanyak 2,074 unit sedang dibina. Di negeri Kedah pula, sebanyak 1,349 unit sedang dibina sementara di negeri Johor, sebanyak 475 unit di dalam proses pembinaan. Secara amnya, proses pembinaan bagi kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.: 27

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN WILSON UGAK KUMBONG**
KAWASAN	:	**HULU RAJANG**
TARIKH	:	**11 JUN 2014, RABU**

SOALAN:

YB. TUAN WILSON UGAK KUMBONG (HULU RAJANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk memanjangkan kursus-kursus kontraktor dan binaan oleh CIDB yang hanya dikendalikan di bandar-bandar sahaja ke kawasan yang lebih terpencil, misalnya di Belaga atau Kapit dan memperluaskan had penggunaan lesen-lesen kontraktor atau binaan untuk meliputi mana-mana kawasan dan bukan hanya terhad kepada sesuatu kawasan sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akademi Binaan Malaysia (ABM) ialah pusat latihan di bawah pengendalian Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). ABM berperanan menyediakan segala bentuk latihan kemahiran yang diperlukan oleh setiap pekerja binaan di negara ini.

Pada masa kini terdapat 6 buah pusat latihan ABM yang beroperasi mengikut zon di seluruh negara, iaitu ABM Utara (Kedah), Timur (Terengganu), ABM Tengah (Kuala Lumpur), ABM Selatan (Johor), ABM Sabah di Kota Kinabalu dan ABM Sarawak di Kuching. Di samping mengadakan kursus-kursus kemahiran di 6 lokasi berkenaan, pihak CIDB juga bersedia dan telah menganjurkan kursus-kursus di luar ABM atau di kawasan luar bandar. Penetapan lokasi kursus itu tertakluk kepada sambutan dan maklum balas yang diterima dari sesuatu kawasan berkenaan. Kursus di luar kawasan ini dikendalikan oleh Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) yang dilantik oleh pihak CIDB.

Untuk tempoh dari tahun 2013 hingga 31 Mei 2014, seramai 1,081 peserta kursus di Sarawak telah menghadiri kursus-kursus pembinaan anjuran CIDB, iaitu di Kota Samarahan, Sibu, Bintulu dan Miri (selain di ABM Sarawak di Kuching).

Mengenai sekatan kawasan mengikut gred pendaftaran kontraktor, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekatan kawasan mengikut gred berdaftar kontraktor telah ditentukan berdasarkan ketetapan Kerajaan menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2012 seperti jadual berikut:

GRED PENDAFTARAN	HAD KAWASAN
G1	Mengikut Daerah
G2	Mengikut Negeri
G3 (Ada Sijil Taraf Bumiputera)	Seluruh Negara
G3 (Tanpa Sijil Taraf Bumiputera)	Mengikut Negeri
G4 - G7	Seluruh Negara

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**28**

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebabnya taklimat berkaitan kehilangan pesawat MAS MH370 kepada semua Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen dari parti PKR, PAS dan DAP dibatalkan tempohari. Pembatalannya boleh menyebabkan banyak spekulasi yang Kerajaan sendiri tidak gemari.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Taklimat berkaitan kehilangan pesawat MAS MH370 yang dijadualkan pada 1 April 2014 kepada semua Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen dari pihak pembangkang dibatalkan kerana YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pengangkutan yang juga merupakan Menteri Pertahanan berada di Hawaii, Amerika Syarikat bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan Amerika-ASEAN.

Maklumat mengenai operasi mencari dan menyelamat pesawat MH370 sentiasa diberikan kepada media dan rakyat dari semasa kes semasa. Kerajaan tidak berhasrat untuk menyembunyikan sebarang maklumat atau fakta mengenai insiden ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 29

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

(a) apakah Kementerian akan mengenakan tindakan yang lebih berat kepada pemandu yang tiada lesen wajib, memandu lebih laju dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu; dan

(b) apakah Kementerian akan bertindak lebih agresif ke atas pengusaha bas ekpres yang tidak mematuhi keperluan wajib dan latar belakang pemandu bas mereka yang boleh membahayakan nyawa penumpang berikutan insiden 10 kemalangan ngeri melibatkan bas ekpres baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum dan menyambut baik saranan YB. Bagan Serai terhadap cadangan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap tiga kesalahan iaitu memandu tanpa mempunyai lesen memandu yang sah, memandu melebih had laju yang ditetapkan dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Saranan ini mengambilkira kebanyakan kemalangan yang terjadi adalah dikaitkan dengan kecuaian pemandu kenderaan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui pindaan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 pada tahun 2011 telah memperuntukkan tindakan yang lebih berat terhadap mana-mana pemandu yang memandu atas kesalahan tiada lesen memandu atau memandu melebihi had laju ditetapkan. Kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan manakala denda minimum adalah tidak kurang daripada RM300.

Bagi kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, denda adalah tidak melebihi RM1,000 atau boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan dan dalam kes sabitan kali kedua atau seterusnya boleh didenda tidak melebihi RM,2000 atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan. Hukuman yang dikenakan ini adalah bersifat *deterrent* dalam menunjukkan keseriusan Kerajaan bagi menangani isu kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu tindakan terhadap pengusaha/pengendali bas ekpsres kerana mengupah pemandu yang tidak berkelayakkan untuk memandu, ianya adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Berdasarkan maklumbalas yang diterima, pihak SPAD telahpun menggantung lapan pengendali bas yang tidak mematuhi keperluan dan aspek pelaksanaan *Industrial Code of Practice - Safety, Health & Environment* (ICOP-SHE) seperti pengurusan pemandu dan kenderaan, serta pemantauan kelajuan bas.

Tindakan penggantungan ini akan dijalankan secara berterusan dan pembatalan lessen pengendali akan dilakukan sekiranya terdapat elemen kecuaian walaupun peringatan telah diberikan kepada mereka.

NO. SOALAN: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah permit teksi individu yang diberikan serta jumlah syarikat teksi yang beroperasi di seluruh negara serta perbandingan antara permit syarikat teksi dan permit individu.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang lesen teksi bajet dan teksi eksekutif baru dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) sejak penubuhannya pada tahun 2010.

2. Walaubagaimanapun, semasa pelancaran Teksi 1Malaysia (TEKS1M) pada tahun lalu, sebanyak 1,000 lesen teksi baru telah dikeluarkan kepada pemilik individu yang layak. Namun begitu, 1,000 lesen ini bukanlah tambahan kepada bilangan permit teksi sedia ada tetapi merupakan lesen-lesen yang tidak aktif yang dipulangkan oleh pengusaha-pengusaha syarikat teksi kepada S.P.A.D. sebagai menyokong program tersebut.

3. Untuk makluman, kelas lesen Teksi Bajet dan Teksi Eksekutif adalah teksi bermeter yang beroperasi di tiga (3) bandaraya iaitu Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Manakala Kereta Sewa adalah teksi yang beroperasi di kawasan luar bandar.

4. Perbandingan pegangan syarikat dan individu bagi kelas lesen teksi yang dinyatakan adalah seperti berikut:

Kelas Lesen / Jenis Perkhidmatan	Milikan Individu		Milikan Syarikat	
	Jumlah Pengendali	Jumlah Lesen	Jumlah Pengendali	Jumlah Lesen
Teksi Bajet	16,855	16,855	277	22,752
Teksi Eksekutif	896	896	76	2,254
Kereta Sewa	15,055	15,055	327	2,179
Jumlah Keseluruhan		32,947		27,185

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan visi terkini dasar pertahanan negara untuk menghadapi situasi ancaman-ancaman baru pada ketika ini dan akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkembangan semasa di rantau ini telah memperlihatkan sejumlah cabaran baru kepada pertahanan negara. Walaupun secara amnya keadaan semasa di dalam negara dan rantau ini menyaksikan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi, namun analisa terhadap isu-isu semasa dan akan datang memperlihatkan bahawa ancaman bukan konvensional mulai mewarnai bentuk cabaran kepada pertahanan negara. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan menjejaskan kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan Malaysia, negara senantiasa melihat kepada aspek-aspek pemodenan dan perubahan strategi ke atas pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya tidak berhasrat untuk menyenaraikan isu-isu yang memberikan cabaran atau ancaman kepada pertahanan negara, memadai dengan kita mengenalpasti pendekatan dan tindakan bagi mengawal, mengurus dan menyelesaikan

sesuatu isu sebelum ianya menjadi ancaman yang lebih besar. Sehubungan dengan itu satu kajian sedang dijalankan di peringkat Kementerian Pertahanan bagi memantapkan Dasar Pertahanan Negara dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan semasa yang mempunyai impak kepada pertahanan negara.

NO SOALAN :32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD (LANGKAWI)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar terdapat ramai orang yang merungut menyatakan mereka tidak layak menerima BR1M 3.0, sedangkan mereka mendapat BR1M yang sebelumnya. Apabila diajukan ke LHDN, pihak LHDN meminta mereka membuat permohonan semula, dan mereka tidak mendapat jawapan segera. Apakah prosedur Kerajaan berkaitan masalah BR1M ini, dan apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatkan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pemberian BR1M diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, proses verifikasi semula dibuat kepada semua permohonan BR1M termasuk permohonan penerima sediada. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan

Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan BR1M bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang layak sahaja. Hasil daripada verifikasi tersebut, pemohon akan dikategorikan mengikut jumlah pendapatan keluarga tesebut. Sekiranya pendapatan keluarga tersebut adalah berjumlah RM3,000 dan kebawah, penerima akan menerima bantuan BR1M sebanyak RM650 manakala sekiranya pendapatan keluarga adalah berjumlah RM3,001 hingga RM4,000, pemohon akan menerima bantuan sebanyak RM450.

Hasil daripada proses verifikasi juga mendapati kebanyakkan permohonan yang gagal adalah atas sebab utama iaitu pendapatan isi rumah melebihi syarat kelayakan, pasangan telah membuat permohonan baru (duplikasi permohonan) dan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, penerima BR1M 2.0 (2013) adalah seramai 6.8 juta

penerima atau 88.1% daripada jumlah permohonan dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.8 juta penerima isi rumah dan 2 juta penerima bujang.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM411 juta yang melibatkan seramai 971 ribu atau 14.3% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 674 ribu atau 69.4% penerima isi rumah dan 297 ribu atau 30.6% penerima bujang. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM348 juta yang melibatkan seramai 818 ribu penerima atau 12.04% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 573 ribu atau 70% penerima isi rumah dan 245 ribu atau 30% penerima bujang. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM302 juta yang melibatkan 692 ribu penerima atau 11.1 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2013. Jumlah tersebut merangkumi 515 ribu atau 7.4% penerima isi rumah dan 177 ribu atau 25.6% penerima bujang.

Jumlah kelulusan bagi BR1M 2014 pula adalah seramai 6.8 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.5 juta penerima isi rumah dan 2.3 juta penerima bujang. Jumlah ini dijangka meningkat memandangkan permohonan rayuan baru sahaja ditutup pada 31 Mei 2014 tempohari dan masih terdapat permohonan yang sedang diproses oleh LHDN. Dari segi penunaian pula, sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 6.4 juta penerima atau 94% telah menunaikan BR1M.

Berdasarkan jumlah kelulusan, pengagihan mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM470 juta yang melibatkan seramai 925 ribu atau 13.8% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 798 ribu penerima atau 11.91% daripada keseluruhan penerima. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM350 juta yang

melibatkan 652 ribu penerima atau 9.7 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penerima BR1M bagi kategori isi rumah juga diberi perlindungan takaful i-BR1M dengan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagi tahun 2014, i-BR1M diuruskan oleh Persatuan Takaful Malaysia yang terdiri daripada 11 Syarikat Takaful. Sehingga 23 Mei, sebanyak 5,160 waris penerima yang telah menerima manfaat i-BR1M yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan

harga barangan. Ia merupakan salah satu *policy response* yang telah diambil oleh Kerajaan semasa menangani isu kenaikan harga barangan makanan global pada ketika ini. Bantuan ini telah dapat membantu meringan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat berhubung pemberian BR1M dan hubung-kaitnya dengan kadar inflasi. Ia perlu difahami secara jelas. Inflasi keseluruhan di Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur perubahan kos pembelian bagi barangan dan perkhidmatan yang lazim digunakan secara purata oleh isi rumah di Malaysia.

Jika dilihat pada pelaksanaan BR1M pada 2012 dan sehingga sekarang, ia tidak memberi kesan langsung kepada secara signifikan ke atas kadar inflasi. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, kadar inflasi bagi bulan sebelum dan bulan selepas pemberian BR1M tidak menunjukkan

perbezaan yang ketara. Seperti contoh, pemberian BR1M tahun 2014 bermula pada bulan Februari 2014. Kadar inflasi ketika itu mencatatkan 3.5%, manakala pada bulan Mac 2014, kadar inflasi masih kekal 3.5% dan bulan April turun lagi kepada 3.4%.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan inflasi agar dapat menggubal dasar dan melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi menangani kesan inflasi. Ini bagi mengelakkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah serta mudah terjejas, dibebankan dengan kos hidup yang meningkat.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada

rakyat.

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga telah berbincang bersama pihak Jabatan Audit Negara mengenai langkah penambahbaikan program BR1M untuk memastikan tiada kebocoran di dalam pengagihan BR1M.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 33

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan setakat manakah kelancaran operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) termasuk dari segi keselamatan dan nyatakan bilangan penumpang dan syarikat penerbangan yang telah menggunakan perkhidmatan KLIA 2 setakat ini serta nyatakan nilai tambah KLIA 2 ini berbanding LCCT bagi segi kepuasan pelanggan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiu, operasi di KLIA2 telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang isu dari aspek keselamatan. Pihak Kerajaan melalui Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) percaya bahawa soal keselamatan lapangan terbang termasuk KLIA2 telah menjadi keutamaan semua pihak di Negara ini. Peraturan-peraturan berhubung isu keselamatan di lapangan terbang termasuk KLIA2 adalah sentiasa dipatuhi dan mengikut piawaian antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan di bawah *Annex 17-Aviation Security, International Civil Aviation Organisation (ICAO).*

Bagi memastikan soal kemudahan dan aspek keselamatan dikawaselia dengan baik, pihak MAHB akan menjalankan pengauditan berkala setiap tahun melalui *Airport Service Quality* (ASQ) yang dijalankan di setiap lapangan terbang di negara ini. Pada masa yang sama, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) membuat audit pematuhan kepada piawaian ICAO.

Sehingga 31 Mei 2014, seramai 1.6 juta penumpang telah menggunakan terminal KLIA2 dan sebanyak 9 buah syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa sedang beroperasi di KLIA2 iaitu:

(i) Kumpulan Airasia yang terdiri daripada AirAsia, AirAsia X, AirAsia Indonesia, Thai AirAsia, Zest AirAsia;

(ii) Malindo Air

(iii) Cebu Pacific;

(iv) Tiger Airways; dan

(v) Lion Air.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiu seterusnya, di antara ciri-ciri nilai tambah KLIA2 berbanding dengan terminal LCCT adalah seperti berikut:

(i) Terminal KLIA2 adalah lebih luas daripada Terminal LCCT. Keluasan lantai KLIA2 atau *gross floor area* ialah 257,845 m^2 berbanding LCCT yang hanya seluas 64,067 m^2;

(ii) Tahap keselasaan penumpang di KLIA2 dengan 25 m^2/penumpang adalah lebih baik berbanding LCCT dengan 11 m^2/penumpang;

(iii) Tahap pengendalian penumpang semasa waktu puncak di KLIA2 adalah lebih efisien, iaitu dengan kemampuan pengendalian 11,371 penumpang per satu jam (*passenger per hour* - pph) berbanding LCCT yang hanya berkemampuan mengendalikan 8,100 pph;

(iv) KLIA2 dilengkapi dengan kemudahan *aerobridge* yang menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang. Sebaliknya, tiada kemudahan aerobridge di LCCT;

(v) KLIA2 mempunyai tempat letak kenderaan sebanyak 6,000 ruang berbanding 2,813 ruang di LCCT;

(vi) Pegerakan di antara Terminal KLIA dengan KLIA2 adalah lebih mudah melalui perkhidmatan ERL yang menghubungkan kedua-dua terminal. Manakala, penumpang di LCCT perlu mendapatkan perkhidmatan teksi atau bas untuk bergerak dari LCCT ke KLIA; Tambahan pula, KLIA2 boleh dihubungkan terus sehingga KL Sentral dengan perkhidmatanERL KLIA Express dan KLIA Transit.

SOALAN (34)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]

SOALAN :-

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah penempatan rumah transit bagi gelandangan di Kuala Lumpur dan apakah wujud perancangan untuk menambah rumah rumah transit ini kerana terdapat ramai gelandangan di Kuala Lumpur.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mewujudkan Program Rumah Transit 1Malaysia bertujuan memberi kemudahan perumahan untuk pasangan muda yang berkahwin dan berumur 30 tahun dan ke bawah.

Bagi peringkat permulaan, lokasi rumah transit adalah di PPR Bukit Jalil, Kuala Lumpur di mana 2 blok PPR Bukit Jalil yang melibatkan 632 unit akan dijadikan rumah transit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6981

SOALAN:

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membersihkan MyKad yang dikatakan dikeluarkan oleh sindiket secara rasuah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius akan keperluan untuk memastikan MyKad dikeluarkan secara teratur dan hanya kepada pemohon yang berkelayakan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007). Hal ini termasuklah tidak ada kakitangan JPN yang mengeluarkan MyKad melalui sindiket secara rasuah untuk kepentingan pihak tertentu. Oleh itu, antara langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan MyKad dikeluarkan secara tidak teratur, JPN sentiasa memantau penugasan semua pegawai dan kakitangan JPN yang terlibat dalam proses pengeluaran MyKad. Hal ini melibatkan aspek keselamatan teknologi maklumat dalam pengeluaran MyKad yang dikawal ketat oleh JPN yang mematuhi piawaian dan telah mendapat pengiktirafan Sijil *Information Security Management System* (ISMS/ISO – 27001:2005).

Selain itu, JPN juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan CyberSecurity Malaysia dalam memastikan tiada penyalahgunaan dalam sistem ICT. Walau bagaimanapun, sekiranya penyalahgunaan berlaku, tindakan undang-undang akan dikenakan kepada kakitangan yang terlibat di bawah

Peraturan 25 (1), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 36

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh Kerajaan dalam mempertingkatkan kawalan keselamatan udara domestik terutamanya selepas insiden kehilangan pesawat MH370.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan melalui Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) percaya bahawa soal keselamatan lapangan terbang telah menjadi keutamaan semua pihak di Negara ini. Peraturan-peraturan berhubung isu keselamatan di lapangan terbang adalah sentiasa dipatuhi dan mengikut piawaian antarabangsa sebagaimana yang ditetapkan di bawah *Annex 17-Aviation Security, International Civil Aviation Organisation (ICAO).*

Kerajaan juga akan meningkatkan tahap keselamatan di semua lapangan terbang dengan menempatkan peralatan yang lebih canggih di masa hadapan dan Kerajaan akan mengambil tindakan menambahbaik berdasarkan syor daripada pasukan penyiasat insiden MH370 kelak.

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

[BUKIT BINTANG]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6846

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes pembantu rumah lari, kerugian yang ditanggung majikan dan usaha untuk mengesan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bilangan Pembantu Rumah Asing (PRA) yang dilaporkan lari daripada majikan bagi tahun 2008 sehingga 2013 adalah seramai 105,119 orang.

Bagi setiap PRA yang lari, majikan-majikan ini terpaksa menanggung kerugian khususnya terhadap kos pengambilan yang telah dibayar kepada agen untuk membawa masuk pekerja tersebut serta bayaran sita yang perlu dijelaskan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Pekerja yang dilaporkan lari akan disenarai hitamkan daripada sebarang kemudahan imigresen dan Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) mereka akan dibatalkan.

Selanjutnya, pihak JIM akan memajukan senarai nama pembantu rumah asing yang telah disenarahitamkan ini kepada Bahagian Penguatkuasa JIM dan Polis DiRaja Malaysia untuk tujuan pengesanan dan penguatkuasaan.

NO. SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kesan ekonomi dari segi kerugian pendapatan negara dan jumlah kemasukan pelancong akibat kehilangan MH 370 dan kes-kes penculikan yang berlaku di Pantai Timur Sabah kepada industri pelancongan di Malaysia amnya dan di Sabah khasnya.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti kehilangan pesawat MH 370 dan kes pencerobohan di Sabah telah memberi impak kepada industri pelancongan negara. Sehingga penghujung bulan April 2014 tempahan yang dibatal atau ditangguhkan telah mencatat sebanyak **30,000 tempahan** akibat insiden MH 370 dan penculikan. Menurut laporan dari Lembaga Pelancongan Sabah sejumlah **76 penerbangan** berjadual dan sewa khas dari China telah dibatalkan seperti berikut:-

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Kerugian pendapatan pelancongan negara hanya dapat ditentukan selepas pelaksanaan kajian Departing Visitor Survey (DVS) kelak. Dalam waktu yang sama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan stategik bagi memastikan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**YB TUAN R. SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**

YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa USD3 bilion yang dipinjam oleh *IMDB Global Investments Ltd. (1MGIL)* untuk pembangunan TRX diletak dengan institusi yang tidak dinamakan dalam akaun berkanun 1MDB untuk tahun 2013; berikan nama insitutusi tersebut dan juga nyatakan kenapa perjanjian untuk pelaburan itu tidak benarkan faedah, dividen atau edaran kepada 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bon yang diterbitkan sebanyak US$3 bilion merupakan modal bagi kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Abu Dhabi berkenaan perkongsian strategik yang telah dimeterai pada 12 Mac 2013.

Pihak terlibat dari kedua-dua Negara, 1MDB dan rakan kongsinya Aabar Investments PJS, sedang mengkaji projek-projek strategik yang berimpak tinggi seperti sektor tenaga dan hartanah strategik yang telah disenarai pendek untuk dimuktamadkan dan dipersetujui bersama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dana yang diperolehi telah direkodkan dalam akaun tahunan yang difailkan 1MDB untuk tempoh kewangan berakhir pada 31 Mac 2013. Akaun tahunan tersebut telah menyatakan, dengan izin, "*for each class of portfolio invested, 1MDBGIL derives its entitlement to profits based on the returns made by the specific portfolio*".

Ini bermakna keuntungan yang diterima daripada dana tersebut boleh digunakan dalam dua (2) cara, iaitu samada dilabur semula untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi atau mengagihkan pulangan tersebut kepada pelabur dalam bentuk dividen. Dengan pulangan positif yang dilaburkan semula setiap tahun, NAV atau *Net Asset Value* bagi dana tersebut akan meningkat pada kadar pulangan kompaun yang lebih tinggi.

No. Soalan : 40
PR-1322-L62136

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN** **[BUKIT KATIL]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR) telah bersedia untuk diratifikasi serta peruntukan-peruntukan di dalam ICCPR dan ICESCR yang Kerajaan menghadapi halangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Katil di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Sebagai sebuah negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berprinsip, Malaysia sentiasa mendukung falsafah, konsep dan norma-norma hak-hak asasi manusia sejagat. Kerajaan terus prihatin dan sentiasa berusaha untuk menjamin kebebasan individu, tanpa memberi kesan negatif kepada kesejahteraan dan keharmonian hidup bermasyarakat antara berbilang kaum di negara ini.

3. Perkara berkenaan kesediaan Malaysia untuk menyertai instrumen-instrumen hak asasi manusia antarabangsa, termasuk Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR) dan Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, sebagai persediaan Kerajaan dalam mempertimbangkan penyertaan Malaysia kepada mana-mana instrumen antarabangsa, Kerajaan mengambil pendekatan yang teliti dan menyeluruh dalam menilai setiap peruntukan yang terkandung di dalam instrumen-instrumen

tersebut. Dalam hal ehwal hak asasi manusia, Kerajaan tetap menitikberatkan keperluan dan kepentingan rakyat berbilang kaum di negara ini. Seperti yang Yang Berhormat semua sedia maklum juga, elemen-elemen dalam instrumen antarabangsa sebegini menyentuh perkara-perkara yang melibatkan isu-isu yang sensitif bagi rakyat Malaysia termasuk isu agama. Sehubungan dengan itu, ingin saya maklumkan bahawa pada masa ini pihak Kerajaan sedang menganalisa instrumen-instrumen antarabangsa mengenai hak asasi manusia menerusi konsultasi dan perbincangan di pelbagai peringkat.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan proses penting ini dapat disempurnakan dengan sebaiknya dalam Malaysia melaksanakan tanggungjawab yang diperuntukan di bawah sesebuah instrumen antarabangsa yang disertai kelak. Saya mengambil peluang ini untuk menekankan bahawa sesungguhnya Kerajaan memandang serius akan obligasinya untuk mendukung hak-hak asasi manusia dan pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan bagi memastikan hasilnya kelak akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 41

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perubahan dari segi pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap hukum hudud, di mana Perdana Menteri berkata hukum hudud tidak akan dilaksanakan di Malaysia pada tahun 2011 dan sekarang pula menegaskan Kerajaan Persekutuan tidak pernah menolak hukum hudud. Adakah ini suatu pendirian yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, Kerajaan tidak menolak undang-undang jenayah Syariah termasuk hukuman hudud. Dimana, Kerajaan menyedari kesesuaian syariat Islam untuk digunapakai dalam semua zaman,

tempat dan keadaan. Pendirian Kerajaan ini telah saya jelaskan semasa penggulungan Titah Diraja di Dewan Yang Mulia ini, pada 27 Mac 2014 di Mesyuarat Pertama yang lalu. Perdana Menteri juga telah menegaskan hal yang sama di sebuah majlis di Kedah pada 24 April 2014.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa berusaha mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan Undang-Undang Jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Dalam masa yang sama, Kerajaan-kerajaan negeri perlu memandang serius terhadap prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman. Pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah memerlukan tahap pembuktian yang tinggi dan penuh ketelitian sebelum hukuman dijatuhkan. Sebarang keraguan yang berjaya ditimbulkan atau *prima facie* gagal dibuktikan akan menyebabkan hukuman tersebut tidak akan dikenakan terhadap tertuduh.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 42

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas Ahli Parlimen bagi mengkaji tragedi penerbangan MAS MH370.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.

NO SOALAN :43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) jumlah Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang telah siap dibina di negeri Sarawak terutama di Sibu sejak skim ini diperkenalkan; dan

(b) jumlah permohonan serta peratusan yang berjaya memiliki Rumah Mesra Rakyat (RMR) mengikut pecahan di setiap negeri sejak rancangan ini mula dilaksanakan dan tindakan Kerajaan untuk membantu mengurangkan beban pembeli rumah itu disebabkan faktor kenaikan kos

binaan dan harga tanah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB merupakan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif), tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Program RMR dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan, iaitu pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit dan ditawarkan dengan rekabentuk menarik berkonsepkan rumah berkeluasan 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi 2 bilik tidur dan 2 bilik air dan 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Pakej yang menarik ini telah menjadi sangat popular sehingga bilangan permohonan yang diterima melebihi jumlah penawaran

yang disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 926 unit RMR berjaya disiapkan di Negeri Sarawak dan sehingga kini, sebanyak 1 unit telah disiapkan di Parlimen Sibu manakala sebanyak 53 permohonan masih dalam proses penilaian berdasarkan saringan yang diterima daripada pihak Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC).

Berdasarkan statistik daripada tahun 2002 sehingga 2014, SPNB telah menerima 69,710 permohonan dan kesemuanya telah melalui proses saringan dan penilaian. Hasilnya, sebanyak 29,490 unit telahpun siap dibina sepanjang tempoh tersebut. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Lanang, jumlah permohonan serta peratusan yang berjaya memiliki RMR mengikut pecahan di setiap negeri sejak rancangan ini mula dilaksanakan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA	RMR SIAP	PERATUSAN YANG BERJAYA MEMILIKI RMR (%)
Terengganu	8,876	4,196	47.3
Kelantan	8,770	4,378	49.9
Pahang	7,002	2,388	34.1

Perak	**7,395**	**3,049**	**41.2**
Pulau Pinang	**772**	**226**	**29.3**
Kedah	**7,505**	**3,740**	**49.8**
Perlis	**1,647**	**596**	**36.2**
Selangor	**3,888**	**1,408**	**36.2**
Negeri Sembilan	**5,383**	**2,428**	**45.1**
Melaka	**3,419**	**1,484**	**43.4**
Johor	**9,314**	**3,934**	**42.2**
WPKL	**42**	**15**	**35.7**
Sabah	**2,606**	**692**	**26.6**
Sarawak	**2,870**	**926**	**32.3**
Labuan	**216**	**30**	**13.9**
WP Putrajaya	**5**	**0**	**0.0**
JUMLAH KESELURUHAN	**69,710**	**29,240**	**42.3**

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah memperuntukkan subsidi sebanyak 1/3 daripada harga rumah (bagi pemohon di Negeri Sarawak dan Sabah sahaja) di mana pemohon ketika ini hanya membuat pembayaran bulanan sebanyak RM150 sebulan sahaja sekaligus dapat mengurangkan beban kehidupan pembeli rumah tersebut dan meningkatkan taraf ekonomi keluarga yang terlibat.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**6847**

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberikan permit kerja khas kepada tenaga buruh daripada luar negara untuk bekerja di Labuan dalam industri dan sektor pekerjaan kritikal di mana sumber tenaga buruh tempatan tidak berminat untuk mengisi kekurangan yang ada seperti peruncitan, pelancongan, pembinaan dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan permit kerja khas kepada tenaga buruh daripada luar negara untuk bekerja di Labuan dalam industri dan sektor pekerjaan kritikal seperti peruncitan, pelancongan, pembinaan dan sebagainya.

Ini kerana pada masa ini Kerajaan telah membenarkan pengambilan pekerja asing bagi lima sektor utama iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan juga pertanian bertujuan untuk membantu majikan di Labuan menjalankan operasi perniagaan. Bagi sektor perkhidmatan sebanyak lapan (8) sub sektor perkhidmatan iaitu Restoran (Tukang Masak), Pembersihan dan Pencucian, Pulau Peranginan, Spa, Refleksologi, Hotel, Kedi (Lelaki sahaja) dan Taman Tema (250 shj tertakluk kepada pengisian pekerja tempatan).

Bagaimanapun, keperluan pekerja asing bagi sektor kritikal di Labuan perlu disalurkan kepada Agensi Kawal Selia setiap sektor selaku agensi yang bertanggungjawab dalam memantau keperluan sebenar guna tenaga kerja termasuk pekerja asing di sektor masing-masing. Ini termasuklah sekiranya sektor kritikal tersebut adalah sektor beku dan sektor luar dasar.

NO. SOALAN:45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyemak semula kadar 5 peratus royalti minyak kepada negeri-negeri pengeluar;

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat bagi 9 Jun 2014 hingga 19 Jun 2014, memandangkan ianya menyentuh perkara yang sama.

Aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas dijalankan berdasarkan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya. Pembayaran royalti juga terkandung dalam PSC.

Manakala peruntukan mengenai bayaran royalti atas hasil pengeluaran petroleum kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah terkandung dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Perjanjian Royalti. Perjanjian bayaran royalti ditandatangani di antara PETRONAS dan setiap Kerajaan negeri bagi 5 peratus royalti dan juga di antara PETRONAS dan Kerajaan Pusat bagi royalti sebanyak 5 peratus.

Mengikut perjanjian PSC hasil pengeluaran minyak dan gas akan dibahagikan antara PETRONAS dan rakan PSC selepas ditolak bayaran royalti bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kos pengeluaran dan operasi dan cukai petroleum.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan pendapatan daripada industri minyak dan gas, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak disarankan bekerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum khususnya PETRONAS bagi turut serta terlibat dalam aktiviti huluan dan hiliran petroleum di negeri masing-masing. Malah Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan dana yang agak besar kepada Kerjaaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi membangunkan projek infrastruktur di negeri tersebut. Sebagai contoh, sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 untuk projek Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Semantan, Sarawak sehingga Serudong, Sabah.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa proses melihat kembali (*revisit*) pembentukan Malaysia yang dijanjikan dalam Perjanjian Malaysia selepas 10 tahun Malaysia ditubuhkan tidak dijalankan, sekarang banyak ketidakpuashati sudah dikesan di kalangan rakyat Sarawak dan Sabah, bolehkah proses melihat kembali (*revisit*) dijalankan pada masa akan datang.

JAWAPAN : <u>YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi maksud penubuhan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan(*Inter-Governmental Committee*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merumuskan persetujuan-persetujuan yang diberikan oleh rakyat di Negeri Sabah dan Sarawak melalui *written memoranda* dan juga *hearings* serta mengemukakan syor berhubung, dengan izin, *future constitutional arrangements, including safeguards for the special interests of North Borneo and Sarawak to cover such matters as religious freedom, education, representation in the Federal Parliament, the position of the indigenous races, control of immigration, citizenship and the State Constitutions.*

2. Syor-syor dalam Laporan Suruhanjaya dan Jawatankuasa berkenaan, setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura telah diterjemahkan dalam Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 yang kemudiannya telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963 [*Akta 26/1963*] dan undang-undang yang berkaitan.

Sebagai contoh:

(a) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*]

Sebagaimana yang dipersetujui dalam Laporan IGC, imigresen ke dalam Malaysia hendaklah kekal di bawah Senarai Persekutuan tetapi undang-undang yang digubal oleh Parlimen hendaklah memastikan kemasukan ke negeri-negeri Borneo memerlukan kebenaran daripada negeri-negeri berkenaan. Dalam hal ini, seksyen 65 Akta 1959/63 memperuntukkan bahawa Pengarah Imigresen di Sabah dan Sarawak hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri Sabah dan Sarawak berhubung pengeluaran pas atau permit kepada mana-mana orang untuk memasuki Malaysia Timur manakala seksyen 66 Akta Imigresen 1959/63 telah digubal bagi memperuntukkan keperluan untuk warganegara mendapatkan permit atau pas bagi memasuki Malaysia Timur; dan

(b) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [*Akta 32*]

Berdasarkan Laporan IGC, bahasa Inggeris hendaklah menjadi bahasa rasmi dan boleh digunakan untuk apa-apa tujuan rasmi lain bagi tempoh sepuluh tahun selepas Hari Malaysia kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Negeri Sabah dan Sarawak selepas itu. Dalam hal ini, subseksyen 1(2) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 memperuntukkan Akta 32 hanya akan berkuat kuasa di negeri

Sabah dan Sarawak pada tarikh yang ditetapkan oleh DUN bagi kedua-dua negeri tersebut.

3. Perjanjian Malaysia merangkumi antara lain, 20 Perkara yang diutarakan oleh Sabah dan 18 Perkara oleh Sarawak bagi melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak selepas Malaysia ditubuhkan. Antara perkara yang disentuh ialah agama, bahasa, hak kewarganegaraan, pelajaran dan perkhidmatan awam.

4. Berdasarkan Artikel VIII Perjanjian Malaysia, pihak-pihak kepada Perjanjian akan mengambil langkah perundangan, eksekutif atau langkah-langkah lain bagi maksud melaksanakan jaminan, janji dan syor yang terkandung dalam Bab III (*Proposed Constitutional Arrangements*) serta Annex A (*Legislative Lists, Administartive Arrangments and Assurances*) dan Annex B (*the Public Service*) kepada Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Report of the Inter-Governmental Committee*) setakat mana yang tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan.

5. Perjanjian Malaysia dan undang-undang yang berkaitan dengan pembentukan Malaysia khususnya Perlembagaan Persekutuan dan Akta Malaysia 1963 [*Akta 26/1963*], tidak memperuntukkan apa-apa kehendak untuk membuat kajian semula terhadap terma-terma Perjanjian Malaysia itu sendiri.

6. Namun demikian, bagi beberapa perkara tertentu yang telah dipersetujui tersebut terdapat peruntukan khusus dalam undang-undang yang membolehkan kajian semula mengenainya dilaksanakan. Antara perkara tersebut adalah seperti yang berikut:

(1) Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kajian semula pemberian khas kepada Negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh lima tahun atau (kecuali bagi kajian semula yang pertama) apa-apa tempoh lain yang lebih panjang sebagaimana dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkenaan. Kajian semula tersebut hendaklah mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan juga keperluan Kerajaan Negeri yang berkenaan;

(2) apa-apa undang-undang yang dibuat oleh Parlimen berhubung larangan atau sekatan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi hanya boleh terpakai berhubung urusan rasmi di Negeri Sabah dan Sarawak 10 tahun selepas Hari Malaysia dan tertakluk kepada pemakaian undang-undang tersebut telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah atau Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(3) Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak dikehendaki untuk mematuhi dasar yang dibuat oleh Majlis Tanah Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan melainkan jika Parlimen memperuntukkan selainnya dengan persetujuan daripada Yang di-Pertua Negeri (berhubung Majlis Tanah Negara) atau Dewan Undangan Negeri (berhubung Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan).

7. Bagi maksud melaksanakan jaminan, janji dan syor yang setakat ini tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan, Sabah dan Sarawak boleh mengambil langkah perundangan, eksekutif atau langkah-langkah lain berdasarkan Artikel VIII Perjanjian Malaysia.

8. Sehubungan dengan itu, cadangan agar proses melihat kembali (*revisit*) pembentukan Malaysia selepas 10 tahun Malaysia ditubuhkan tidak berbangkit pada masa ini. Walau bagaimanapun, proses melihat kembali (*revisit*) boleh dilaksanakan bagi perkara yang telah dipersetujui dan diperuntukkan secara khusus dalam undang-undang seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM (KUALA SELANGOR)**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah manfaat dari segi jumlah pulangan atau hasil yang diperolehi daripada penganjuran Pameran Perkhidmatan Pertahanan (DSA) 2014 terutamanya kepada industri pertahanan negara serta apakah kesan perjanjian-perjanjian perdagangan yang ditandatangani pada masa yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pameran DSA mula diadakan secara dwi tahunan sejak tahun 1988. Pameran ini merupakan salah satu agenda diplomasi pertahanan negara untuk memperkukuhkan lagi hubungan diplomatik dengan kehadiran delegasi pertahanan dan keselamatan daripada pelbagai negara. Ianya juga membuka peluang perniagaan kepada industri pertahanan dan keselamatan negara untuk menjalin kerjasama melalui perkongsian pintar dan strategik.

Penganjuran pameran DSA telah mengukuhkan lagi reputasi Malaysia sebagai sebuah destinasi sektor pelancongan berasaskan mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) bertaraf dunia. Pada kebiasaannya, peserta MICE dan pelancong perniagaan adalah pelancong yang memberi pulangan yang lebih besar berbanding pelancong biasa. Secara tidak langsung, pameran DSA telah menghasilkan *economic spin-offs* kepada aktiviti-aktiviti perniagaan berkaitan seperti sektor hospitaliti, pengangkutan,

perkhidmatan penghantaran barangan serta kontraktor dan pembekal bahan-bahan pameran.

Seterusnya, industri pertahanan tempatan diperkasakan dengan pertemuan hubungan perniagaan dua hala antara syarikat industri pertahanan tempatan dengan syarikat – syarikat industri pertahanan luar negara. Pameran ini dijadikan landasan kepada syarikat tempatan untuk menjalinkan kerjasama perniagaan dengan syarikat luar negara.

Perjanjian-perjanjian persefahaman (MOU) yang ditandatangani semasa pameran ini berlangsung membuktikan bahawa Malaysia masih menjadi hub pelaburan industri. Secara tidak langsung, ianya menarik minat pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia. Ianya juga membuka peluang kepada syarikat industri pertahanan tempatan dan antarabangsa untuk mengadakan kerjasama strategik dan perkongsian pintar bagi beberapa program atau projek yang akan dilaksanakan melalui MoU.

Seterusnya, DSA 2014 juga telah memberi peluang kepada Malaysia bagi menunjukkan kewibawaan dan kepimpinan dalam aspek kerjasama pertahanan terutamanya di rantau ini, selaras dengan pemilihan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2015 kelak.

Pameran DSA juga telah menonjolkan identitinya yang tersendiri dan telah menjadi satu daripada lima pameran pertahanan yang terbesar di dunia. Imej tersebut telah menaikkan nama Malaysia di mata dunia.

NO SOALAN : 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB TUAN LIM KIT SIANG (GELANG PATAH)
TARIKH	:	11.6.2014 (RABU)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan prosedur pengklasifikasi sasaran udara sebagai ancaman, dan sama ada pesawat yang terbang melalui ruang udara Malaysia tanpa transponder dan radio yang berfungsi pernah diklasifikasikan sebagai ancaman keselamatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sememangnya mempunyai prosedur atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berbentuk plan tindakan khas bagi memastikan ruang angkasa negara sentiasa dilindungi dari sebarang bentuk ancaman pesawat yang terbang melalui ruang udara Malaysia tanpa transponder dan radio yang berfungsi.

SOALAN NO : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan kos perbelanjaan keseluruhan bagi lawatan Presiden Amerika Syarikat Barrack Obama ke Malaysia pada bulan April 2014.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bersempena dengan Lawatan Negara Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia pada 26 hingga 28 April 2014 perbelanjaan keseluruhan yang terlibat adalah sebanyak RM414,088.75. Perbelanjaan ini termasuklah perbelanjaan ke atas kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada delegasi yang mendapat Taraf Tetamu Kerajaan serta liputan keselamatan yang diberikan.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

a. adakah Kementerian bercadang untuk menambah kursus-kursus di Universiti Teknologi Mara, Machang; dan

b. adakah Kementerian bercadang untuk memperbesarkan kampus UiTM cawangan Machang kerana masih terdapat 300 ekar tanah kosong di kawasan berhampiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa, kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Machang, Kelantan akan memperkenalkan empat (4) program, iaitu:

Tahun	Program Pengajian
2014	Sarjana Pentadbiran Perniagaan
2015	Sarjana Muda Peruncitan
	Sarjana Muda Ekonomi Islam
	Diploma Muammalat

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah IPTA dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujahan (niche area) tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja tempatan. pihak Kementerian belum bercadang untuk memperbesarkan kampus UiTM Cawangan Machang, Kelantan.

Rjm39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

KAWASAN : SEPANG

TARIKH : 11.6.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 51

YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI :-**

a) Apakah isu TPPA dibincang antara Perdana Menteri dan Presiden Obama semasa kunjungan Presiden Obama ke Malaysia baru-baru ini; dan

b) Adakah manfaat-manfaat ekonomi yang diperolehi oleh Malaysia hasil dari lawatan Presiden Obama baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

a) Lawatan Presiden Obama, Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia dari 26 hingga 28 April 2014 ke Malaysia adalah bagi mengeratkan hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat di mana

perbincangan merangkumi pelbagai isu. Mengenai TPPA, Presiden Obama telah menyatakan bahawa beliau prihatin terhadap sensitiviti Malaysia mengenai isu-isu Bumiputera dan Entepris Milik Kerajaan (State Owned Enterprises). Amerika Syarikat sedia mencari penyelesaian dengan fleksibiliti.

Presiden Obama juga mengakui bahawa semua ahli-ahli TPP mempunyai sensitiviti tetapi beliau berpendapat TPP adalah satu inisiatif yang betul dan sepatutnya dilaksanakan kerana TPP boleh membantu Malaysia meningkatkan daya saing dan membuka pasaran Asia Pasifik untuk eksport, menggalakkan inovasi dan pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara.

Sementara itu, TPP juga akan menyokong pengwujudan peluang pekerjaan di Malaysia dan Amerika Syarikat, ini adalah selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Malaysia mendokong prinsip perdagangan bebas di mana penyertaan Malaysia dalam TPP dan tiga belas Perjanjian Perdagangan Bebas yang telah dilaksanakan dibuat di atas prinsip Malaysia mengamalkan perdagangan bebas. Faedah yang boleh diraih oleh Malaysia daripada perjanjian perdagangan bebas adalah banyak walaupun terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh Malaysia.

YAB Perdana Menteri menjelaskan bahawa TPP merupakan perjanjian moden dan rumit. Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus merundingkan isu-isu yang tertunggak seperti Enterpris Milik Kerajaan dan Perolehan Kerajaan melalui rundingan TPPA yang masih berterusan.

b) Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013, Amerika Syarikat merupakan rakan dagangan ke-4 terbesar Malaysia dengan nilai dagangan RM109 billion. Pelaburan langsung asing dari Amerika Syarikat juga merupakan yang terbesar dalam tempoh yang sama dengan nilai pelaburan sebanyak RM6.3 bilion.

Semasa lawatan rasmi Presiden Barack Obama ke Malaysia, YAB Perdana Menteri dan Presiden Obama mengakui peranan penting pelabur Amerika Syarikat selama ini dalam pembangunan ekonomi Malaysia termasuk sektor perkilangan elektrikal dan elektronik serta kimia, perkhidmatan kewangan dan insuran, penggalakan inovasi dan perkongsian teknologi. Kedua-dua pemimpin merakamkan keazaman agar usaha-usaha diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mencapai matlamat menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Semasa lawatan President Obama, beliau bersama dengan YAB Perdana Menteri telah menyaksikan pemeterian memorandum persefahaman (MoU) antara Sime Darby Bhd. dengan syarikat bioteknologi Amerika Syarikat Verdezyne Inc. dengan nilai pelaburan

anggaran sebanyak RM95 juta dan berupaya mewujudkan 300 peluang pekerjaan baru. Di sektor insuran, syarikat insuran terkemuka Amerika Syarikat MetLife berusahasama dengan syarikat insuran dan takaful tempatan AmLife dan AmTakaful dengan pelaburan bernilai RM812 juta.

Dalam lawatan tersebut juga, kedua-kedua pemimpin telah membincangkan peranan dan sumbangan golongan muda dalam pembangunan negara terutamanya di bidang pendidikan berasakan sains, teknologi dan pengetahuan industri (*knowledge industries*) demi kemajuan negara di masa hadapan. Golongan muda dari negara ini dapat belajar daripada kemajuan Amerika dalam bidang inovasi untuk diaplikasi untuk pembangunan negara. Selain itu, golongan muda juga akan dapat belajar bagaimana untuk mengaplikasi hasil kajian dan pembangunan (R&D) untuk pembangunan industri.

Selaras dengan halatuju ini, pelancaran Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) semasa lawatan rasmi Presiden Obama juga membuka lembaran baru dalam bidang keusahawanan negara. Mengubah Malaysia menjadi sebuah negara usahawan yang dinamik dengan membolehkan usahawan-usahawan tempatan terutama enterpris kecil dan sederhana dan antarabangsa memulakan dan membangunkan perniagaan. MaGIC adalah sebagai pusat sehenti di mana ia menyediakan kemudahan yang diperlukan para usahawan bermula dari mendapatkan modal perniagaan dari bank-bank atau pembiaya dana sehingga penyediaan pusat bimbingan (*incubators*).

Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk:

- menarik dan menghubungkan usahawan-usahawan kreatif tempatan dan antarabangsa
- fasiliti dan konsultansi
- *incubator* dan *gateways*
- kemudahan latihan
- program mentor/bimbingan
- fasilitasi urusan harta intelek dan khidmat perundangan
- hubungan kewangan

No. Soalan : 52
PR-1322-L61837

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[LEMBAH PANTAI]

TARIKH : **11 JUN 2014**

SOALAN : **Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah pendirian Malaysia dalam isu hak kewarganegaraan masyarakat Islam Rohingya; dan

(b) langkah-langkah bantuan kemanusiaan yang disalur kepada masyarakat Rohingya yang terus dimangsakan di Myanmar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

2. Menyentuh mengenai isu kewarganegaraan masyarakat Islam Rohingya, Malaysia memandang serius akan perkara ini dan percaya bahawa Kerajaan Myamar perlu memainkan peranan yang lebih besar dan proaktif dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut.

3. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, isu Rohingya adalah merupakan isu dalaman Myanmar dan Malaysia konsisten dalam hal ini di mana Malaysia mengamalkan dasar luar Negara yang jelas iaitu tidak mencampuri urusan dalaman sesebuah negara yang berdaulat. Dalam nada yang sama, isu kewarganegaraan masyarakat islam Rohingya adalah masalah dalaman yang perlu diselesaikan sendiri oleh Kerajaan Myanmar.

4. YB Menteri Luar sebelum ini juga telah menyuarakan rasa kebimbangan mengenai kemasukkan ramai pelarian Rohingya ke Malaysia dalam sepucuk surat bertarikh 9 Januari 2013, yang ditujukan kepada rakan sejawat beliau di Myanmar iaitu TYT U Wunna Maung Lwin. Dalam surat tersebut, YB Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa isu pelarian Rohingya dari Myanmar telah mendapat tumpuan media antarabangsa yang secara tidak langsung boleh membantutkan perkembangan positif di Myanmar. Malaysia seperti biasa, mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Myanmar sedang menangani perkara yang berkaitan dengan Rohingya dengan

NO. SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK WEE JECK SENG** **[TANJONG PIAI]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**6848**

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik penagihan dadah dari tahun 2010 hingga 2013 serta apakah langkah Kementerian untuk membanteras masalah penagihan dadah hingga ke akar umbi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penagih dadah yang dikesan dari bulan Januari 2010 hingga Disember 2013 di Malaysia adalah seramai 51,715 orang iaitu 34,232 orang adalah penagih baru dan selebihnya 17,483 adalah penagih berulang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan tiga (3) pendekatan iaitu Pendekatan Pencegahan, Pendekatan Rawatan Perubatan dan Pemulihan serta Pendekatan Pengesanan dan Pengawasan dalam usaha untuk membanteras penagihan dadah sehingga ke akar umbi

Di bawah program pencegahan, beberapa usaha telah dilaksanakan dengan mengadakan program yang memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat dengan memberi fokus kepada keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti. Gelombang kesukarelaan juga digerakkan dalam masyarakat bagi memastikan seluruh masyarakat sedar dan bertindak untuk membanteras penyalahgunaan dadah.

Dalam pendekatan Rawatan, Perubatan dan Pemulihan, AADK telah memperkenalkan dua (2) program iaitu Program Rawatan Dan Pemulihan Dalam Institusi melalui pemulihan dalam pusat pemulihan dadah di Klinik *Cure & Care* 1Malaysia dan *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) serta Program Rawatan Dan

Pemulihan Dalam Komuniti melalui *Cure & Care Service Centre* (CCSC) dan *Caring Community House* (CCH).

Pendekatan seterusnya adalah pengesanan dan pengawasan di mana penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela di AADK akan dikesan melalui operasi dan aduan awam. Selain daripada itu, pemantauan ke atas Orang Kena Pengawasan (OKP) yang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti dilaksanakan selama dua (2) hingga tiga (3) tahun dan pengesanan ke atas OKP yang melanggar syarat pengawasan juga diadakan melalui prosedur siasatan dan pendakwaan.

Pendekatan-pendekatan ini menjadi langkah Kementerian dalam memastikan masalah penagihan dadah dapat dibanteras.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]**
TARIKH	:	**11.06.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**54**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina loji rawatan air baru di Bau memandangkan peningkatan penggunaan air bersih dan terawat di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menyemak perkara ini dengan JKR Sarawak dan telah dimaklumkan bahawa tiada perancangan untuk membina atau menaiktaraf loji rawatan air di Bau. Perkara ini adalah kerana bekalan air di kawasan Bau akan disalurkan dari Loji Rawatan Air Batu Kitang, Kuching pada masa akan datang.

NO SOALAN :55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH (KUBANG KERIAN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menurut Gabenor Bank Negara, hutang seisi rumah di Malaysia adalah yang tertinggi di Asia. Bagaimanakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan masyarakat di Malaysia tidak menjadi masyarakat yang terpaksa berhutang sehingga ke tahap yang sangat membebankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB Kubang Kerian dan YB Bukit Mertajam yang dijadual pada hari ini bersama pertanyaan YB Alor Gajah yang dijadual pada 12 Jun 2014, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Dalam menangani masalah hutang isi rumah di Malaysia, sejak tahun 2010 lagi, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah progresif bagi memastikan pengurusan kewangan dan hutang isi rumah yang kukuh dan mampan. Langkah-langkah ini pula diperkenalkan secara beransur-ansur bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah:

a. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam menguruskan kedudukan kewangan kepada peminjam serta menstruktur semula hutang mereka dengan institusi bank dan bukan bank melalui Agensi

Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);

b. Menetapkan nisbah pinjaman maksimum (loan-to-value ratio) pada 70% bagi pinjaman perumahan ketiga dan ke atas;

c. Mengetatkan syarat pemilikan kad kredit untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan kad kredit serta menghendaki pengeluar kad kredit mengamalkan pendekatan perniagaan yang lebih wajar dan telus;

d. Mengeluarkan garis panduan mengenai amalan pembiayaan yang bertanggungjawab secara rasmi, yang menghendaki institusi kewangan membuat penilaian kemampuan bakal peminjam berdasarkan pendapatan bersih setelah potongan berkanun serta mengambil kira semua tanggungan hutang semasa; dan

e. Menghadkan tempoh pinjaman perumahan daripada sehingga 45 tahun kepada 35 tahun dan pembiayaan peribadi daripada sehingga

25 tahun kepada 10 tahun. Institusi kewangan juga dilarang menawarkan pembiayaan peribadi tanpa permohonan daripada peminjam dan memastikan penyedia pinjaman bukan institusi perbankan seperti koperasi, institusi kewangan pembangunan dan institusi kredit perumahan turut mengamalkan syarat pinjaman yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di samping langkah-langkah mengawal hutang isi rumah, tumpuan turut diberikan kepada pendidikan kewangan dalam meningkatkan keupayaan mengurus kewangan oleh sektor isi rumah. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan melengkapkan sektor isi rumah dengan kemahiran pengurusan wang dan menggalakkan pengambilan hutang secara berhemat, sekali gus menghindari kemungkinan beban keberhutangan yang meningkat pada masa hadapan.

5. Dalam pada itu, usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengurusan kewangan di kalangan rakyat dipergiatkan lagi melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Sejak tahun 2013, AKPK telah memulakan program pendidikan kewangan di tempat kerja melalui perkongsian dengan sektor awam dan sektor swasta, termasuk agensi-agensi Kerajaan. Selain itu, pendidikan kewangan juga telah dilaksanakan di peringkat sekolah, kolej vokasional dan universiti serta bagi pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk memastikan tenaga kerja pada masa akan datang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sejak pelaksanaan langkah-langkah ini, kadar peningkatan jumlah hutang isi rumah adalah lebih sederhana iaitu sebanyak 11.7% pada tahun 2013, berbanding 13.5% pada tahun 2012 dan 2011; serta 15.1% pada tahun 2010. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan hutang isi rumah dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang

terkawal serta keupayaan membayar balik hutang kekal utuh.

NO. SOALAN: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6849

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah prosedur dan jangka masa untuk pelaksanaan hukuman mati banduan setelah hukuman mati dijatuhkan dan rayuan dan pengampunan ditolak. Adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan moratorium terhadap pesalah hukuman mati.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan 114 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 memperuntukan bahawa banduan yang dijatuhkan hukuman mati boleh membuat petisyen dengan bebas kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan. Petisyen boleh dbuat melalui Lembaga Pengampunan Negeri. Sekiranya rayuan pengampunan seseorang banduan hukuman mati ditolak, Lembaga Pengampunan Negeri akan mengeluarkan suatu Perintah Pelaksanaan Hukuman Mati kepada Jabatan Penjara Malaysia.

Jabatan Penjara Malaysia seterusnya mengemukakan Perintah Pelaksanaan Hukuman Mati tersebut kepada Mahkamah Tinggi yang menjatuhkan hukuman. Mahkamah Tinggi akan mengeluarkan Waran Pelaksanaan Hukuman Mati ke atas banduan tersebut yang menetapkan tarikh, masa dan tempat pelaksanaan hukuman mati.

Apabila mendapat Waran Pelaksanaan Hukuman Mati daripada Mahkamah Tinggi, Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan hukuman mati seperti yang telah ditetapkan di dalam waran.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan masih lagi mengkaji pelaksanaan *moratorium* terhadap hukuman mati bagi kesalahan jenayah. Kajian yang terperinci sedang dijalankan oleh agensi yang terlibat sebelum sebarang keputusan diambil bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Soalan No : 57

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan semua agensi Kerajaan termasuk JPM dan Kementerian Pendidikan bagi lawatan kerja rombongan YAB. Timbalan Perdana Menteri ke Dubai, UAE dari 8-12 April 2014, termasuk penggunaan pesawat khas, penginapan, serta perbelanjaan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ke UEA adalah bertujuan meningkatkan lagi hubungan bileteral pendidikan dan menonjolkan peranan Malaysia dalam hal ehwal pendidikan di peringkat antarabangsa khususnya berkaitan pengajian tinggi. Semasa lawatan tersebut, YAB Tan Sri bersama-sama dengan Menteri Kanan UAE telah merasmikan *Gulf Education and Training Exhibition* (GETEX) 2014, merasmikan Pavilion Pendidikan Malaysia yang menempatkan 27 booth pameran daripada IPT terlibat, menyampaikan ucapan dalam *Annual Investment Meeting* (AIM) 2014, dan menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan ucapan dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Diaspora Malaysia di UAE. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan UAE mengenai kerjasama dalam bidang pengajian tinggi yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana Menteri UEA berkaitan mempunyai urusan rasmi kerajaan beliau yang tidak dapat

dielakkan. Di samping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan juga turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri-menteri Kanan UAE, dan mengadakan pertemuan dengan wakil daripada syarikat UEA yang bercadang mengadakan projek usahasama dengan syarikat Malaysia. Pertemuan ini telah memberi impak yang besar kepada Malaysia khususnya dalam bidang perniagaan dan sudah pasti menjana ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan ini merupakan lawatan kerja rasmi yang telah dirancang dengan menggunakan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan. Segala kemudahan yang disediakan adalah mengikut kelayakan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN TIAN CHANG @ TIAN CHUA

TARIKH: 11 JUN 2014

SOALAN:

Dr. Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian baru-baru ini melancarkan program Recognition of Prior Learning (RPL). Siapakah yang telah dianugerahkan kontrak untuk menjalankan program RPL. Bagaimana mereka dipilih dan adakah proses tender dijalankan. Berapakah jumlah kos keseluruhan program ini.

PR-1322-L62669

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam usaha bagi meningkatkan jumlah pekerja mahir negara, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah penyeliaannya. Di antara agensi tersebut adalah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Jabatan Tenaga Manusia, Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan sebagainya.

2. Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia merupakan sijil pengiktirafan yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi mengiktiraf individu yang menunjukkan kemampuan yang diperlukan atau dipraktikkan dan dilengkapi dengan tahap kompetensi bagi melaksanakan tugasan atau fungsi seperti yang diperlukan dalam pekerjaan. Persijilan ini boleh diperolehi melalui latihan yang diiktiraf oleh pusat latihan terpilih atau pengiktirafan pencapaian terdahulu oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

3. Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) -(*Recognition of Prior Learning (RPL)*), adalah salah satu cara bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia. Melalui PPT ini, pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran dalam sesuatu bidang pekerjaan akan melalui proses yang ditetapkan dan seterusnya mendapatkan persijilan berdasarkan tahap kemahiran pekerja tersebut. Tahap kemahiran adalah berdasarkan kepada National Occupational Skill Standard (NOSS) yang telah dibangunkan oleh pakar industri negara.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Melihat kepada perkara ini, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah membangunkan Skim PPT pada tahun 2009 bagi membantu usaha tersebut. Skim PPT ini menawarkan bantuan kewangan kepada majikan berdaftar yang berminat untuk memberi

pengiktirafan kepada para pekerja mereka yang berpengalaman dan berkemahiran memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia yang dilihat memberi kesan yang baik samada untuk pekerja mahupun majikan. Sejajar dengan keperluan industri semasa, PSMB telah menambah beberapa badan persijilan antarabangsa yang terpilih bagi membolehkan majikan ataupun pekerja membuat pilihan dalam persijilan yang akan diperolehi.

5. Sehingga kini, PSMB telah menjalinkan kerjasama dengan empat (4) badan persijilan yang mempunyai rangka pengakriditasian (accreditation framework) yang berbeza. Badan-badan akriditasi ini boleh menganugerahkan persijilan melalui kaedah RPL dan mereka adalah, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), di bawah Kementerian Sumber Manusia, University of Ballarat, Australia, Institute of Suplly Chain Management (IOSCM), United Kigdom, dan yang terkini, Gazelle Group of Colleges, United Kingdom. Badan akriditasi ini akan ditambah dari masa ke semasa sejajar dengan keperluan industri di mana PSMB akan membuka peluang kepada syarikat tempatan mahupun antarabangsa yang menawarkan konsep seperti yang telah ditetapkan dan seterusnya akan dipertimbangkan bagi tujuan kelulusan.

6. Tiada sebarang kontrak yang diberikan kepada mana-mana pihak. Ini adalah kerana, di bawah perlaksanaan RPL, bantuan kewangan bagi pekerja mengikuti penilaian RPL hanya akan dibayar setelah majikan bersetuju menggunakan dana KWPSM yang dicarum oleh mereka untuk tujuan tersebut melalui proses yang telah

ditetapkan oleh PSMB. Sehubungan itu, tiada sebarang proses tender dijalankan.

NO. SOALAN: 59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri pada tahun 2012. Memandangkan Kanun Keseksaan sudah mencukupi untuk menggantikan akta hasutan, selain dari akta keharmonian yang dicadangkan oleh kerajaan.

JAWAPAN: **PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [atau *Akta 15*] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.

2. Objektif Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional, termasuklah penghinaan terhadap institusi diraja atau raja.

3. Bagi tujuan ini, Kerajaan kini sedang mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, tarikh sebenar pemansuhan Akta Hasutan 1948 masih belum dapat diputuskan pada masa ini memandangkan perkara tersebut masih sedang dalam kajian dan memerlukan penelitian daripada pelbagai aspek. Penelitian dan kajian

yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5. Berkenaan dengan isu sama ada Kanun Keseksaan adalah mencukupi untuk menggantikan Akta Hasutan, Kanun Keseksaan merupakan suatu kanun khas yang menyenaraikan jenis-jenis tindakan yang akan menjadi suatu kesalahan jenayah dan juga hukuman yang akan dikenakan sekiranya seseorang didapati melakukan tindakan-tindakan yang berkenaan. Namun demikian, Kanun Keseksaan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi dan komprehensif bagi kesalahan hasutan seperti yang terkandung dalam Akta Hasutan 1948.

6. Oleh itu, Kanun Keseksaan sedia ada adalah tidak memadai untuk dijadikan pengganti kepada Akta Hasutan 1948 tanpa suatu akta baru yang digubal khas untuk tujuan sedemikian seperti Akta Keharmonian Nasional yang masih dalam peringkat kajian, rundingan dan penggubalan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**
TARIKH	:	**11 JUN (RABU)**
SOALAN	:	**60**

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah filem-filem yang terpilih untuk tayangan dalam pasaran filem antarabangsa, *Marche Du Film* sempena Festival Filem Antarabangsa mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan dan adakah ia memaparkan identiti dan budaya masyarakat dan negara Malaysia yang sebenar. .

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lima buah filem yang terpilih untuk ditayangkan di pasaran Marche Du Film di Cannes, Perancis iaitu *The Journey* (Bahasa Kantonis), *Kolumpo* (Bahasa Melayu), *Apokalips X* (Bahasa Melayu) *In The Dark* (Bahasa Mandarin) dan *Take Me To Dinner* (Bahasa Mandarin) mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Semua filem adalah wajib memperoleh Sijil daripada Lembaga Penapisan Filem di bawah Kementerian Dalam Negeri sebelum ditayangkan kepada umum.

SOALAN NO: 60

Filem yang diterbitkan wajar melambangkan identiti dan senario masyarakat Malaysia berbilang kaum seperti mana yang tercatat dalam objektif Dasar Perfileman Negara (2005) iaitu menghubungkaitkan industri perfileman Malaysia dengan wawasan dan dasar negara dan sebagai alat perpaduan negara serta menekankan penerapan nilai budaya murni dan kemanusiaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 61

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah laporan rasmi akan dibentangkan di Parlimen mengenai dengan MH370 yang telah hilang setelah terbang menuju ke China dan sehingga sekarang belum ditemui.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.

NO SOALAN : 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN)**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan harga pembelian semua kapal selam dan berapakah kos penyelenggaraan kapal selam tersebut setiap tahun dalam belanjawan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan membayar EURO 1.035 billion untuk pembelian 2 buah kapal selam baru. Kos ini meliputi harga pembinaan kapal selam, latihan warga kapal selam, bantuan logistik bersepadu dan alat ganti serta penyediaan kemudahan pelatih kapal selam dan tim projek.

Kedua-dua buah kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) diselenggarakan di bawah Kontrak *In Service Support* (ISS) yang bernilai Euro 193 juta (perolehan terus dari Perancis) dan RM 532 juta (perolehan tempatan) untuk tempoh selama 6 tahun. Nilai kontrak ini merangkumi senggaraan ke atas kapal selam dan juga pembangunan infrastruktur, alat ganti dan pemindahan teknologi.

Soalan No : 63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]**

TARIKH : **11.6.2014**

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan dan jumlah sekolah di kawasan luar bandar Sarawak yang telah dikenalpasti memerlukan kerja naik taraf atau penyelenggaraan dan pembinaan baru blok tambahan. Apakah prestasi kerja-kerja tersebut setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dengan keperluan sekolah-sekolah di Sarawak. Kerjasama antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri dalam hal ini amat menggalakkan. Ini dapat ditunjukkan melalui sokongan dan kerjasama dari pihak kerajaan negeri bagi mengenalpasti tapak yang sesuai bagi projek yang baharu sentiasa diberikan, selain dari memberi pandangan dan cadangan kepada KPM.

Bagi menangani dan mengenalpasti sekolah-sekolah yang memerlukan kerja naik taraf atau penyelenggaraan dan pembinaan baru blok tambahan, Kajian Fizikal terhadap bangunan sekolah telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil dari kajian tersebut, Kementerian mendapati bahawa masih terdapat banyak sekolah-sekolah yang daif, usang dan uzur perlu pembaikan dan naik taraf. Oleh itu, mulai tahun 2012 kerajaan telah dan sedang melaksanakan Projek Pakej Rangsangan Khas yang melibatkan kerja-kerja ubahsuai naiktaraf, pendawaian semula elektrik, pembaikan paip air dan mengecat. Setakat ini sebanyak 515 projek telah dilaksanakan yang melibatkan kos berjumlah

RM168,032,058.31. Ini tidak termasuk peruntukan yang diturunkan kepada 325 Lembaga Pengurusan Sekolah Bantuan mubaligh dan cina bagi tujuan sama yang melibatkan peruntukan sebanyak RM121,458,983.78.

Status pelaksanaannya adalah:- projek siap sebanyak 371, projek dalam pelaksanaan sebanyak 87 dan projek dalam penyediaan dokumen adalah sebanyak 57. Memandangkan sekolah-sekolah di Sarawak ini banyak (1,452 buah) dan di merata tempat, maka urusan dan usaha untuk menaik taraf dan membaiki sekolah-sekolah, bukanlah satu kerja yang mudah dan boleh dilakukan dalam satu masa sahaja. Sudah pastilah kerajaan akan terus melaksanakan yang terbaik untuk rakyat.

Rjm42

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	**64**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana teknologi pembenihan awan terbaik di dunia, *"Royal Thai Rain Making Technology"* yang mengguna pakai kaedah ***"ejectable flare rack"*** untuk menghasilkan hujan di kawasan tadahan air dikatakan menggugat keselamatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaedah pembenihan awan yang diguna pakai oleh Malaysia buat masa ini adalah **teknik menyemburkan zarah-zarah larutan** seperti sodium klorida, kalsium klorida dan urea ke dalam dasar awan **atau teknik pembakaran *"hygroscopic flare"*** seperti *"silver iodide"* yang dilepaskan di dasar awan. Teknik pembakaran *"hygroscopic flare"* ini dilakukan dengan kaedah *"burn in place flare rack"* yang terletak pada bahagian sayap pesawat. Teknik ini didapati sesuai dan tidak menggugat keselamatan negara.

Di samping kaedah ini terdapat juga proses pembenihan awan yang dilakukan melalui "Royal Thai Rain Making Technology" yang mengaplikasikan kaedah *"ejectable flare-rack"*. Kedua-dua kaedah ini menggunakan bahan kimia yang sama iaitu *"silver iodide (AgI)"*. Kementerian tidak boleh mengesahkan sama ada kaedah ini selamat atau tidak kerana selama ini kerajaan tidak pernah menggunakan kaedah *"ejectable flare-rack"*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU)**
TARIKH	:	**11 JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**65**

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

(a) apakah status atau nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding pemilik kenderaan peribadi di setiap daerah di Sabah. Berikan statistik *'ridership'* (penggunaan pengangkutan awam) di Bandaraya Kota Kinabalu bagi tahun 2008 hingga 2013; dan

(b) mengapa terdapat perbezaan caj untuk penukaran pemilik motosikal antara Semenanjung (RM3) dan Sabah (RM40).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Berdasarkan sumber daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penduduk di Kota Kinabalu pada tahun 2010 adalah 452,058 berbanding 354,153 pada tahun 2000 dengan peningkatan sebanyak 27.6%. Kementerian tidak dapat menyediakan maklumat berhubung nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding pemilik kenderaan peribadi di setiap daerah di Sabah serta *'ridership'* (penggunaan pengangkutan awam) di Bandaraya Kota Kinabalu bagi tahun 2008 hingga 2013. Pihak Kementerian hanya mempunyai rekod statistik mengenai jumlah kenderaan yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk tempoh tersebut. Mengenai pengangkutan awam, pihak LPKP Sabah yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran permit bagi penyediaan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

b) Berhubung perbezaan fi tukar milik di antara Semenanjung dengan Sabah, sebelum Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 diguna pakai di Sabah dan Sarawak, perkara berkaitan pendaftaran dan pelesenan kenderaan di kedua-dua negeri tersebut menggunapakai Ordinan Lalu Lintas di bawah negeri masing-masing. Semasa perluasan pemakaian APJ dibuat di negeri Sabah dan Sarawak, semua kadar bagi fi perkhidmatan termasuklah fi tukar milik dipersetujui untuk

dikekalkan. Oleh itu, berlaku perbezaan kadar bagi perkhidmatan JPJ di antara Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak.

Walau bagaimanapun, isu berhubung perbezaan fi tukar milik sedang dalam tindakan penyelarasan oleh pihak JPJ yang mana ianya melibatkan pindaan terhadap Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 setelah mendapat pertimbangan daripada Kementerian Kewangan.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]**
TARIKH	:	**11.06.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**66**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status Jalan Meritam / Telahak / Buangabai / Pengkalan Rejab / Sungai Poyan Fasa 2 yang sudah ditamatkan kontrak kerana terbengkalai dan seterusnya pembinaan Fasa 3 untuk menyiapkan rangkaian jalan ini dan mencapai objektif memberi kemudahan asas kepada rakyat di pesisir sungai Limbang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak pembinaan Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab-Sg. Poyan Fasa 2 telah ditamatkan dan sekarang ini JKR Sarawak sedang dalam proses menyediakan dokumen tender semula. Tender dijangka dapat dipanggil pada penghujung Jun 2014 dan kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada penghujung Ogos 2014 atau awal September 2014.

Bagi pelaksanaan projek Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab-Sg. Poyan Fasa 3, penjajaran semula jalan telah dibuat oleh pihak JKR Sarawak. Laporan penilaian tender akan dikemukakan kepada KKLW untuk diperakukan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' yang akan datang.

NO. SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6850

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pernyataan-pernyataan ISMA dan Perkasa yang berunsur hasutan serta anti bukan Melayu dan anti Kristian itu benar-benar dikecualikan daripada Kanun Siksaan ataupun Akta Hasutan yang masih wujud.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua

Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini.

Sehingga 29 Mei 2014, pihak polis telah menerima sebanyak 43 laporan polis dan angka ini adalah termasuk satu laporan polis yang telah dibuat terhadap Presiden Perkasa. Lanjutan daripada laporan polis yang diterima, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Jelutong adalah tidak tepat kerana ISMA dan Perkasa tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang di negara ini.

Walaubagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malysia (SKMM).

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN MAS ERMIEYATI BINTISAMSUDIN [MASJID TANAH]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**68**

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk menyambung kembali pemberian geran GMBO *(Get Malaysian Business Online)* mengkaji semula keberkesanannya dengan penambahbaikan supaya nilai gerannya dapat ditambah serta menjadikan pakej rangsangan perniagaan di atas talian berkembang dengan lebih maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pemberian geran GMBO sebanyak RM1,000 kepada usahawan mikro telah dijalankan sepanjang tahun 2013, di mana peruntukan sebanyak RM50 juta telah disediakan untuk 50,000 usahawan dalam menggalakkan mereka menjalankan perniagaan secara dalam talian. Sehingga program berkenaan tamat pada

SOALAN NO: 68

31 Disember 2013, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sebagai agensi yang menjalankan program ini telah meluluskan lebih daripada 34,000 permohonan daripada lebih 43,000 permohonan yang diterima.

Dalam usaha mengkaji keberkesanan program ini, SKMM sedang menjalankan kajiselidik impak kepada penerima-penerima geran GMBO ini dan hasil kajiselidik ini dijangka dapat dirumuskan pada suku ke-3 tahun 2014.

Hasil kajiselidik ini akan digunakan sebagai asas oleh SKMM dalam merancang program yang lebih efektif bagi membantu usahawan memperkembangkan perniagaan mereka dengan memanfaatkan teknologi ICT, terutamanya yang melibatkan perkhidmatan jalur lebar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI ABDUL AZIZ**
KAWASAN	:	**RAUB**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**69**

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI ABDUL AZIZ (RAUB) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:**

(a) berapakah jumlah pemegang AP kereta di negara ini; dan

(b) daripada jumlah tersebut, berapa banyakkah dari kalangan pemegang AP itu adalah Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, objektif utama dasar pemberian Lesen Import (AP) Terbuka yang diperkenalkan pada tahun 1970 adalah untuk menggalakkan usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif. Kerajaan juga telah

memperkenalkan AP Francais pada tahun 1997 selaras dengan komitmen pembukaan pasaran automotif. Pemberian AP Terbuka adalah kepada peniaga kenderaan Bumiputera sahaja di mana setiap syarikat pemegang AP hendaklah dimiliki sepenuhnya (100%) oleh Bumiputera. Bagi AP Francais pula, sebanyak 30% pegangan saham boleh dimiliki oleh bukan Bumiputera bagi menggalakkan usahasama di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Jumlah syarikat pemegang AP kereta adalah seperti berikut:

i. syarikat AP Terbuka sebanyak 100 syarikat; dan

ii. syarikat AP Francais sebanyak 23 syarikat.

NO. SOALAN : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN HAJI AHMAD [MERSING]**

TARIKH : **11 JUN 2014**

SOALAN :

YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan impak terhadap industri pelancongan setelah Operasi Pasir dilakukan dan diikuti dengan penubuhan ESSCOM di Timur Sabah. Adakah kehadiran pelancong asing terjejas ekoran daripada berlaku beberapa penculikan di kawasan berkenaan. Jika benar, apakah usaha Kementerian untuk menjelaskan bahawa kawasan tersebut masih selamat untuk dikunjungi.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi Pasir dan penubuhan ESSCOM di Sabah sebenarnya telah memberi keyakinan kepada para pelancong dari segi keselamatan di kawasan persisiran pantai Sabah terutamanya di Lahad Datu. Sehingga bulan April, sebanyak 30,000 tempahan pelancong yang dibatalkan atau ditangguhkan telah dilaporkan akibat kesan utama dari insiden MH370. Namun begitu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah (KEPKAS) bagi memastikan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

KEPKAS telah juga mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Krisis bagi membincangkan isu – isu keselamatan dan langkah-langkah untuk memulihkan keyakinkan pelancong pada 4 April 2014. Mesyuarat tersebut telah menggariskan strategi-strategi berikut sebagi langkah untuk menangani impak dari insiden penculikan tersebut:-

i. Pada 4 April 2014, Lembaga Pelancongan Sabah (LPS) telah mengeluarkan Nasihat Perjalanan *(Travel Advisory)* bahawa Sabah adalah selamat untuk dikunjungi untuk dipaparkan di laman web LPS

dalam pelbagai bahasa dan juga diedarkan ke seluruh pejabat Lembaga Pelancongan Malaysia dalam dan luar negara, Syarikat-syarikat penerbangan serta pengusaha-pengusaha pelancongan dalam dan luar Negara;

ii. Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, YB Datuk Pang Yuk Ming telah bertemu dengan Duta Negara China ke Malaysia, HE Huang Huikang di Kuala Lumpur pada 5 April 2014 untuk memaklumkan bahawa aktiviti pelancongan di Sabah berjalan seperti biasa;

Di samping itu, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke China bersempena ulangtahun ke-40 persahabatan antara Malaysia dan China telah turut meyakinkan pelancong dari negara China tentang keselamatan di Malaysia terutamanya di Sabah serta memastikan bahawa Malaysia selamat untuk dilawati.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 71

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]**
TARIKH	:	**11.6.2014**
SOALAN	:	

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

(a) senarai yang mana satu Institusi Pengajian Tinggi yang berstatus sebuah institusi seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dan yang mana pula berstatus universiti di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; dan

(b) apakah pula kriteria yang membezakan di antara mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Institusi Pengajian Tinggi yang tertakluk di bawah Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 adalah institusi selain daripada universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

(b) Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 merupakan suatu akta bagi membuat peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi pelajaran. Manakala, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 merupakan

suatu akta mengenai peruntukan bagi menubuhkan, menyelenggara dan mentadbir Universiti dan Kolej Universiti.

Rjm43

NO. SOALAN : 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

(a) Berapakah jumlah wang yang telah dikumpulkan di bawah Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu kutipan oleh TNB sejak dilaksanakan hingga kini; dan

(b) Jika telah dibelanjakan berikan pecahan perbelanjaan dan siapa yang berkuasa atas semua perbelanjaan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011 untuk meningkatkan pembangunan TBB dalam negara secara menyeluruh sebagai langkah yang positif kearah pembangunan sumber tenaga alternatif. Mekanisme FiT merupakan satu bentuk mekanisma yang membenarkan TBB yang dihasilkan oleh pemaju TBB dijual kepada pihak utiliti pada kadar yang dapat memberi pulangan yang munasabah. Pelaksanaan Mekanisme FiT di Malaysia disokong oleh Kumpulan Wang TBB yang ditubuhkan di bawah Seksyen 23, Akta TBB 2011. Sumber dana Kumpulan Wang TBB adalah daripada kutipan sebanyak 1.6% yang dibuat daripada bil elektrik pengguna. Sehingga 30 April 2014, sebanyak RM RM645,709,294.18 telah dikutip daripada pengguna elektrik oleh TNB selaras dengan peruntukan Seksyen 24 Akta TBB 2011 tersebut. Walau bagaimanapun, pengguna domestik yang

menggunakan tenaga elektrik kurang daripada 300 kWj sebulan adalah dikecualikan daripada kutipan ini.

(b) Di bawah Seksyen 23, Akta TBB 2011, SEDA Malaysia bertanggungjawab bagi memantau dan menguruskan Kumpulan Wang TBB ini. Sehingga 30 April 2014, sebanyak RM96,546,140.19 telah dibelanjakan bagi tujuan pembayaran FiT kepada pemegang-pemegang kelulusan galakan (*Feed-in Approval Holders*- FIAH) yang telah mula beroperasi secara komersil selaras dengan Seksyen 16, Akta TBB 2011. Selain itu, sebanyak RM4,822,511.40 telah dibelanjakan bagi tujuan Fi Pentadbiran kepada Pihak utiliti terbabit dan SEDA Malaysia selaras dengan Seksyen 20, Akta TBB 2011.

****

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM**
KAWASAN	:	**BERUAS**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**73**

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memansuhkan sistem AP (Approved Permit) untuk pengimportan kenderaan dari luar negara, kalau tidak adakah Kerajaan bercadang menjual AP ini kepada mereka yang membayar bayaran tertinggi untuk menambah hasil Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, dasar pemberian AP Terbuka akan dimansuhkan pada 31 Disember 2015. Walau bagaimanapun, menyedari akan kepentingan sumbangan dasar pemberian AP Terbuka kepada pembangunan sosio ekonomi negara, Kerajaan mengumumkan untuk melaksanakan satu kajian mendalam dan menyeluruh mengenai dasar ini dengan melibatkan industri automotif, persatuan pengguna dan masyarakat bagi menilai implikasinya dalam pembangunan sektor automotif tempatan. Ini bagi memastikan sebarang keputusan sama ada meneruskan atau menamatkan dasar pemberian AP Terbuka yang akan

dibuat oleh Kerajaan kelak adalah seimbang dengan mengambil kira kepentingan semua pihak.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan soalan kaedah bidaan, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan kaedah lelongan atau tender terbuka Permit Import (AP) kenderaan. Ini adalah kerana antara matlamat pemberian AP adalah bertujuan untuk menggalakkan dan memberi peluang kepada usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif tempatan. Sekiranya kaedah lelongan atau tender terbuka dilaksanakan, hanya sebilangan kecil usahawan Bumiputera yang mampu membida harga lelongan tertinggi. Kemungkinan syarikat yang pernah memenangi tender tidak lagi berpeluang memenangi tender berikutnya. Ianya juga akan menyebabkan wujud monopoli di kalangan syarikat-syarikat yang mempunyai keupayaan kewangan yang besar.

Kaedah ini juga ini akan menjejaskan peluang pemegang AP sedia ada untuk meneruskan perniagaan terutamanya syarikat-syarikat kecil yang telahpun membuat pelaburan dalam perniagaan automotif dari segi modal, ruang pameran, pusat servis dan tenaga kerja mereka. Selain itu, kaedah seperti ini juga akan menyebabkan harga kereta menjadi lebih tinggi berbanding dengan harga sekarang.

NO. SOALAN: 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6982

SOALAN:

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah status terkini berkenaan pelaksanaan saman kamera *Automated Enforcement System (AES)*; dan

(b) statistik kejayaan memerangi kemalangan jalanraya selepas pelaksanaan kamera AES.

JAWAPAN:

Status terkini berhubung perlaksanaan saman kamera Automated Enforcement System (AES), ianya masih lagi dikendalikan oleh Pihak Jabatan Pengankutan Jalan (JPJ) bersama pihak konsesi. Proses penyerahan / pengambilan operasi AES kepada pihak PDRM masih diperingkat perbincangan antara pihak kerajaan dan Konsesi.

NO. SOALAN: 75

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR]

TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]

SOALAN:

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Pedang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah produk makanan sejuk beku *(frozen food)* dan makanan lain yang diimport dari luar negara di pantau dari segi halalnya dipintu masuk pelabuhan.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap produk sejuk beku perlu dikenalpasti samada ianya adalah haiwan, sumber berasaskan haiwan, produk tenusu ataupun produk makanan biasa. Sekiranya produk sejuk beku tersebut adalah **produk haiwan, hasilan haiwan dan produk**

tenusu, maka syarat kemasukan produk-produk tersebut mestilah halal dan diperolehi daripada rumah sembelih atau loji pemprosesan yang telah melalui proses verifikasi *sanitary* dan *phyto sanitary* (SPS) oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pemeriksaan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Apabila produk tersebut diimport ke Malaysia, salah satu dokumen yang perlu disertakan adalah sijil halal produk tersebut yang diperolehi daripada Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang diiktiraf oleh JAKIM. **Pemeriksaan fizikal** akan dilakukan di pintu masuk, stesen kuarantin atau premis kuarantin oleh **pegawai penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)**, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memastikan konsainan yang diimport mematuhi kehendak perundangan yang ditetapkan.

Bagi **produk halal**, MAQIS menetapkan bahawa produk tersebut hendaklah **dilabelkan dengan tanda halal**. Pihak MAQIS akan merujuk kepada JAKIM dalam menangani isu berkaitan halal bagi kemasukan produk makanan sejuk beku *(frozen food)* dan makanan lain yang diimport dari luar negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (76)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berikutan masalah kenaikan harga rumah yang tidak terkawal, apakah Kementerian mempunyai pelan strategik untuk mengawal kenaikan harga rumah di masa akan datang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bajet 2014 telah menggariskan beberapa langkah untuk menangani aktiviti spekulasi yang merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga rumah seperti berikut:-

i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);

ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta;

iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang diberikan kepada pembeli;

iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS).

Bagi menangani pembelian hartanah secara pukal *(en bloc)*, Kementerian saya telah mengenakan syarat baharu dalam permit iklan dan jualan. Syarat baru ini mewajibkan pemaju untuk mendaftarkan nama pembeli bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi 4 unit rumah.

Selain itu, strategi yang dilaksanakan adalah dengan meningkatkan bekalan penawaran rumah mampu milik. Kerajaan telah mensasarkan pembinaan 1juta rumah mampu milik bagi tempoh 2013 sehingga 2017 termasuk 500,000 unit oleh Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) yang dipengerusikan oleh YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah ditubuhkan bagi memantau pencapaian sasaran tersebut. Dengan meningkatkan bekalan maka ia dapat membantu menstabilkan harga.

Selain itu, Kementerian juga akan melaksanakan Program Mampu Milik Swasta (My Home) dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang bertujuan untuk meningkatkan bekalan penawaran rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sewaan rumah juga merupakan alternatif bagi membantu golongan tersebut khususnya di bandar-bandar utama.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO. SOALAN : 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

(a) langkah Kementerian menangani fenomena El Nino; dan

(b) apakah jangkaan kesan yang akan berlaku dan bagaimana usaha meningkatkan kesedaran dan persediaan di kalangan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) pada 15 April 2014, fenomena El Nino berkemungkinan akan terjadi pada pertengahan tahun ini dan dijangka bermula di antara bulan Jun dan Ogos depan. Jabatan Meteorologi Malaysia pula memaklumkan bahawa kebanyakan kawasan di negara ini diramalkan akan menerima hujan yang lebih rendah daripada paras purata pada bulan Jun dan kembali ke paras normal selepas bulan Julai kecuali Sarawak. Sekiranya negara kita terkesan dengan fenomena El-Nino ini, kedudukan bekalan air dijangka akan lebih meruncing berbanding dengan kedudukan pada awal tahun ini berikutan negara juga akan mengalami Monsun Barat Daya pada bulan Jun hingga September.

2. Walaupun tahap kekuatan fenomena El Nino masih belum dapat ditentukan, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara.

Jawatankuasa ini dijangka akan mengadakan mesyuarat pertama pada pertengahan bulan Jun 2014.

3. Beberapa langkah persediaan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terutamanya bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang terjejas teruk akibat cuaca panas dan kering pada awal tahun ini. Antaranya ialah melaksanakan operasi pembenihan awan, mengepam air sungai ke kolam atau tasik sebagai simpanan untuk kegunaan musim panas, meneroka penggunaan air bawah tanah dan menyalurkan air mentah dari Sungai Semantan, Pahang melalui terowong Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ke Sungai Langat.

4. Selain tindakan pihak Kerajaan, kerjasama semua pihak juga diperlukan bagi mengurangkan impak fenomena El Nino terhadap bekalan air di seluruh negara. Saya yakin, rakyat telah mula sedar akan keperluan untuk menggunakan air secara berhemat. Catuan air yang terpaksa dilaksanakan pada awal tahun ini menunjukkan betapa perlunya kita membudayakan penggunaan air secara berhemat sebagai persediaan menghadapi fenomena El Nino.

****

NO SOALAN :77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah tahap perlaksanaan dasar '*Outcome-Based Budgeting*' sepertimana yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2014.

JAWAPAN

JAWAPAN:

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pendekatan *Outcome Based Budgeting* atau OBB di sektor awam diperkenalkan melalui Pekeliling

Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2012. OBB memberi fokus kepada pentingnya pencapaian outcome dan keberkesanan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan penjanaan output yang ditekankan di bawah Sistem Belanjawan Diubahsuai (*Modified Budgeting System* - MBS) sebelum ini.

2. Semua agensi Kerajaan Persekutuan telah mengguna pakai pendekatan OBB mulai tahun 2013 dalam membuat perancangan prestasi dan menyediakan cadangan belanjawan tahunan masing-masing. Memandangkan tahun 2013 hingga 2015 merupakan tempoh peralihan kepada OBB, beberapa dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2014 Kementerian Kewangan akan terus bekerjasama dengan enam (6) kementerian lagi iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menambah baik kualiti data Kerangka Keberhasilan masing-masing supaya memenuhi keperluan OBB. Pada masa yang sama, proses pemantauan prestasi ke atas tiga (3) kementerian iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Kementerian Kesihatan sebagaimana yang dinyatakan semasa pembentangan Bajet 2014 akan juga dilaksanakan pada tahun ini.

No. SOALAN:79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK JUSLIE BIN AJIROL**
[LIBARAN]

TARIKH : **11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah usahawan Bumiputera Sabah yang telah menyertai Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) yang diperkenalkan pada 27 Januari 2014 lalu dalam usaha menghasilkan usahawan Bumiputera untuk memulakan perniagaan dengan idea yang kreatif.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Usahawan Permulaan Bumiputera atau SUPERB, telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Januari 2014 bertujuan untuk menggalakkan percambahan idea-idea keusahawanan yang kreatif dan inovatif di kalangan golongan belia Bumiputera dari seluruh negara.

Program SUPERB membuka peluang kepada mereka yang berjaya untuk mendapatkan geran bernilai sehingga RM500 ribu setiap peserta. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta dalam tempoh 3 tahun bermula pada 2014 hingga 2016 bagi tujuan tersebut. Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan pada 2014 untuk diagihkan kepada pemenang-pemenang program ini.

Setakat ini, sejumlah 113 permohonan telah diterima daripada Sabah bagi siri pertama dan kedua Program SUPERB.

Soalan No : 80

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]**

TARIKH : **11.6.2014**

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil siasatan atas peristiwa sekumpulan NGO berasaskan agama yang menjalankan pengajaran agama Islam terhadap murid-murid Kristian di SMK Balai Ringin, Serian, Sarawak kebelakangan ini dan apakah tindakan lanjutan yang diambil terhadap Pengetua SMK Balai Ringin tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Program Anak Angkat HALUAN (Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia) telah diadakan di SMK Balai Ringin, Serian, Sarawak adalah dibiayai oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Program motivasi ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pencapaian akademik di kalangan anak-anak murid dari kalangan keluarga berpendapatan kecil sekolah berkenaan. Maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bahawa Program Anak Angkat HALUAN pada hari Sabtu 3 Mei 2014 yang melibatkan seramai 50 murid adalah program motivasi (siri kedua dari tiga siri) dan tiada unsur untuk menukar agama murid yang terlibat. Tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah Program Anak Angkat HALUAN ini telah dihentikan.

KPM menyeru kepada semua pihak supaya menghormati dan patuh kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia; Kebebasan Asasi dalam Perkara 11 dan Perkara 12. Dalam Perlembagaan tersebut, antaranya menjelaskan bahawa agama bagi seseorang yang berumur kurang dari 18 tahun ditentukan oleh ibu bapa atau penjaganya.

Rjm44

Soalan No : 81

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**
TARIKH	:	**11.6.2014**
SOALAN	:	

Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Kolej Komuniti yang belum di bina dan bilakah Kolej Komuniti Mukah akan di bina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik atau Kolej Komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, telah terdapat enam (6) buah Kolej Komuniti sedia ada telah ditubuhkan di negeri Sarawak iaitu Kolej Komuniti Kuching, Kolej Komuniti Miri, Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Betong, Kolej Komuniti Santubong dan Kolej Komuniti Sarikei.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan kolej komuniti sedia ada yang berhampiran seperti **Kolej Komuniti Sarikei** dan **Kolej Komuniti Miri** masih mampu menampung permintaan daripada lepasan sekolah menengah di Parlimen Mukah dan masyarakat setempat. Untuk makluman, Jemaah Menteri pada **8 September 2004** telah bersetuju supaya Kolej Komuniti dibina mengikut keperluan dan tidak di setiap daerah atau kawasan Parlimen.

NO. SOALAN: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) Adakah cadangan untuk tidak melelong rumah pertama individu yang diisytiharkan bankrap terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana mungkin direalisasikan bagi mengurangkan bebanan golongan ini yang mungkin akan hilang tempat berteduh; dan

(b) Apakah mekanisme yang dirangka bagi membetulkan salah anggap masyarakat tentang fungsi Jabatan Insolvensi.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan untuk tidak melelong rumah pertama individu yang diisytiharkan bankrap sedang dalam peringkat kajian oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) berhubung dengan kesesuaian pelaksanaannya di Malaysia. Cadangan ini merupakan cadangan baru dalam pembaharuan undang-undang kebankrapan.

2. Jabatan ini telah melaksanakan program *outreach* yang bertujuan menyampaikan maklumat, memberi pendedahan dan pendidikan serta mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai insolvensi. Aktiviti program *outreach* termasuk taklimat mengenai insolvensi dan peranan MdI dalam pentadbiran kes kebankrapan, pameran dan sesi soal jawab mengenai insolvensi. Program ini disasarkan kepada masyarakat umum termasuklah penjawat awam, pekerja swasta, golongan pelajar institusi pengajian tinggi (awam dan swasta) serta anggota polis dan tentera. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Mei 2014, sebanyak 148 program *outreach* telah dilaksanakan.

3. Selain itu, penyebaran maklumat mengenai fungsi MdI dan insolvensi juga telah dibuat melalui media elektronik dan media cetak seperti menyiarkan *trailer* insolvensi dan mengambil bahagian dalam rancangan bual bicara di radio dan televisyen. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Mei 2014, MdI telah bersiaran dalam 11 program bual

bicara dan lebih daripada 83 artikel berkenaan insolvensi telah diterbitkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPAD	:	**YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
NO. SOALAN	:	

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkhidmatan-perkhidmatan atau kemudahan yang para pesakit di hospital awam perlu membayar dan apakah caranya Kerajaan boleh membantu pesakit-pesakit yang tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat kepada semua pesakit dan pada masa yang sama dapat memenuhi keperluan pesakit dengan penggunaan sumber yang optima. Pada dasarnya perkhidmatan, kemudahan dan rawatan yang disediakan oleh KKM kepada semua rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Fi (Perubatan) 1982, Akta Fi (Perubatan) (Pindaan) (Warga Asing) 2003, Akta Fi (Perubatan) (*Full Paying Patient*) 2007 dan pekeliling Bahagian Kewangan KKM.

Perbezaan dari segi caj bayaran adalah bergantung kepada status warga negara atau bukan warga negara, jenis-jenis perkhidmatan dan rawatan yang diberikan seperti rawatan pesakit luar, pesakit dalam, pembedahan, penjagaan intensif dan lain-lain rawatan atau siasatan yang bergantung kepada jenis-jenis kepakaran dan subkepakaran.

Perkhidmatan dan rawatan perubatan yang diberikan kepada rakyat Malaysia sebagai pesakit luar termasuk semua jenis siasatan dan ubatan adalah percuma di mana pesakit hanya dikenakan bayaran RM1 untuk pendaftaran di Jabatan Pesakit Luar Am dan RM5 untuk pendaftaran Jabatan Pesakit Luar Pakar. Walau bagaimanapun, bagi pesakit dalam, setiap perkhidmatan atau rawatan di hospital-hospital kerajaan dikenakan bayaran iaitu bagi ujian makmal, ujian radiografi dan prosedur yang dilakukan.

Bagi pesakit yang tidak mampu untuk membayar rawatan atau perkhidmatan yang dikenakan, pesakit boleh mendapat pengecualian bayaran khas untuk pesakit Wad Kelas 3 di mana caj maksimum adalah RM500 seperti yang tertakluk dalam Akta Fi, dan pesakit juga akan dirujuk kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan yang disediakan di hampir semua hospital awam bagi membantu untuk mendapatkan bantuan pengecualian pembayaran dan bantuan penyakit kronik.

NO SOALAN :84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTAJAM)
PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	11.06.2014

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan ambil untuk mengatasi masalah hutang isi rumah negara yang merupakan yang tertinggi di Asia iaitu 86.8% GDP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB

Kubang Kerian dan YB Bukit Mertajam yang dijadual pada hari ini bersama pertanyaan YB Alor Gajah yang dijadual pada 12 Jun 2014, memandangkan ketiga-tiga pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Dalam menangani masalah hutang isi rumah di Malaysia, sejak tahun 2010 lagi, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah progresif bagi memastikan pengurusan kewangan dan hutang isi rumah yang kukuh dan mampan. Langkah-langkah ini pula diperkenalkan secara beransur-ansur bagi mengelakkan pelarasan yang melampau dalam sistem kewangan dan ekonomi. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah:

a. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam menguruskan kedudukan kewangan kepada peminjam serta menstruktur semula hutang mereka dengan institusi bank dan bukan bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);

b. Menetapkan nisbah pinjaman maksimum (loan-to-value ratio) pada 70% bagi pinjaman perumahan ketiga dan ke atas;

c. Mengetatkan syarat pemilikan kad kredit untuk menggalakkan sikap bertanggungjawab dalam penggunaan kad kredit serta menghendaki pengeluar kad kredit mengamalkan pendekatan perniagaan yang lebih wajar dan telus;

d. Mengeluarkan garis panduan mengenai amalan pembiayaan yang bertanggungjawab secara rasmi, yang menghendaki institusi kewangan membuat penilaian kemampuan bakal peminjam berdasarkan pendapatan bersih setelah potongan berkanun serta mengambil kira semua tanggungan hutang semasa; dan

e. Menghadkan tempoh pinjaman perumahan daripada sehingga 45 tahun kepada 35 tahun dan pembiayaan peribadi daripada sehingga 25 tahun kepada 10 tahun. Institusi kewangan juga dilarang menawarkan pembiayaan peribadi tanpa permohonan daripada peminjam dan memastikan penyedia pinjaman bukan institusi

perbankan seperti koperasi, institusi kewangan pembangunan dan institusi kredit perumahan turut mengamalkan syarat pinjaman yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di samping langkah-langkah mengawal hutang isi rumah, tumpuan turut diberikan kepada pendidikan kewangan dalam meningkatkan keupayaan mengurus kewangan oleh sektor isi rumah. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan melengkapkan sektor isi rumah dengan kemahiran pengurusan wang dan menggalakkan pengambilan hutang secara berhemat, sekali gus menghindari kemungkinan beban keberhutangan yang meningkat pada masa hadapan.

5. Dalam pada itu, usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengurusan kewangan di kalangan rakyat dipergiatkan lagi melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Sejak tahun 2013, AKPK telah

memulakan program pendidikan kewangan di tempat kerja melalui perkongsian dengan sektor awam dan sektor swasta, termasuk agensi-agensi Kerajaan. Selain itu, pendidikan kewangan juga telah dilaksanakan di peringkat sekolah, kolej vokasional dan universiti serta bagi pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk memastikan tenaga kerja pada masa akan datang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh untuk membuat keputusan kewangan dengan bijak.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sejak pelaksanaan langkah-langkah ini, kadar peningkatan jumlah hutang isi rumah adalah lebih sederhana iaitu sebanyak 11.7% pada tahun 2013, berbanding 13.5% pada tahun 2012 dan 2011; serta 15.1% pada tahun 2010. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan hutang isi rumah dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang terkawal serta keupayaan membayar balik hutang kekal utuh.

NO. SOALAN: 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mempertimbangkan cadangan bahawa penggunaan bas sekolah dari 30 tahun ke atas diluluskan di Sarawak membandingkan tahap kegunaan tidak sama seperti di Semenanjung.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk meningkatkan had umur kenderaan bas sekolah melebihi 30 tahun.

2. Dengan mengambil perhatian terhadap faktor keselamatan, had umur sedia ada yang telah ditetapkan masih dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]**
TARIKH	:	**11.06.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**86**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan atau pun kemajuan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Johor sepertimana yang disebut oleh Menteri pada Februari lalu dan apakah jangkaan pulangan dari aspek peningkatan taraf sosioekonomi kepada penduduk setempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2014, status RTC Terengganu adalah di peringkat akhir kerja-kerja pengubahsuaian (92% siap). RTC Pulau Pinang pula dijangka memulakan kerja-kerja ubahsuai pada bulan Julai 2014 (peringkat kerja-kerja awalan). RTC Johor telah memulakan operasi pada hujung bulan Februari 2014 dan RTC Kedah pula pada bulan April 2014 yang lepas.

Daripada segi aspek peningkatan taraf sosioekonomi, penduduk setempat akan mendapat manfaat melalui kemudahan-kemudahan perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan/swasta di RTC. Selain itu, mereka juga akan mendapat peluang mengikuti pelbagai latihan kemahiran serta terlibat secara langsung dalam aktiviti ekonomi seperti pertanian bernilai tinggi, ladang kontrak, pemprosesan produk agro makanan serta aktiviti pemasaran yang berlaku di RTC dan juga dalam radius RTC.

Sebagai contoh, RTC Johor telah melatih seramai 2,513 penduduk luar bandar serta telah mengenal pasti 172 usahawan tempatan untuk dibantu manakala RTC Kedah pula telah melatih seramai 208 penduduk setempat dan berjaya mewujudkan lebih 40 orang usahawan. Nilai transaksi jualan yang direkodkan oleh usahawan di kedua-dua RTC setakat ini telah melebihi RM1.8 juta sejak ianya ditubuhkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN ER TECK HWA**
KAWASAN	:	**BAKRI**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**87**

Y.B. Tuan Er Teck Hwa minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai jumlah makanan dan minuman serta produk halal negara yang dieksport keluar mengikut negara pengimport, jenis produk, jumlah produk dan jumlah hasil yang diterima dari 2008 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perdagangan produk halal hanya mula dipantau pada tahun 2010. Pada tahun 2010, jumlah eksport produk halal negara berjumlah RM15.2 bilion. Di antara barangan utama yang dieksport adalah ramuan halal (*halal ingredients*) bernilai RM6 bilion diikuti dengan bahan daripada kelapa sawit (RM 5 bilion), bahan kimia industri (RM2.1 bilion), kosmetik dan penjagaan diri (RM1.3 bilion), farmaseutikal (RM370 juta) serta industri makanan dan minuman (RM331 juta).

Destinasi eksport utama produk halal negara adalah ke Republik Rakyat China (RM2.1 bilion), Amerika Syarikat (RM1.9 bilion), Belanda (RM1.7 bilion), Singapura (RM2.94 bilion) dan Jepun (RM1.1 bilion),

Pada tahun 2011, negara telah mengeksport barangan halal bernilai RM23.8 bilion di mana ianya menyumbang 3.4 peratus kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM697.8 bilion. Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan adalah bahan ramuan halal (*halal ingredients*) berjumlah RM11.2 bilion, produk berasaskan minyak sawit berjumlah RM7 bilion, bahan kimia industri berjumlah RM2.3 bilion, kosmetik dan penjagaan diri berjumlah RM1.9 bilion, makan dan minuman berjumlah RM1.1 bilion dan farmaseutikal bernilai RM313 juta. Destinasi eksport utama produk halal negara adalah ke Negara Republik Rakyat China (RM3.4 bilion), Amerika Syarikat (RM2.3 bilion), Belanda (RM2.1 bilion), Jepun (RM1.7 bilion) dan Singapura (RM1.5 bilion).

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah eksport Halal keseluruhan untuk 2012 berjumlah RM32 bilion. Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan adalah makanan dan minuman berjumlah RM12.2 bilion, ramuan hala (*halal ingredients*) berjumlah RM10.6 billion, produk berasaskan minyak sawit berjumlah RM5 bilion, bahan kimia industri berjumlah RM1.9 bilion, kosmetik dan penjagaan diri berjumlah RM1.7 bilion, dan farmaseutikal bernilai RM375 juta. Destinasi eksport utama produk

halal negara adalah ke Negara Republik Rakyat China (RM3.9 bilion), Singapura (RM3.1 bilion), Amerika Syarikat (RM2.7 bilion), Indonesia (RM2.1 bilion) dan Belanda (RM1.8 bilion).

Pada tahun 2013 pula, negara telah mengeksport barangan halal bernilai RM32.8 bilion di mana ianya menyumbang 4.56 peratus kepada keseluruhan eksport negara yang berjumlah RM719.8 bilion. Keluaran halal yang dieksport mengikut keutamaan adalah makanan dan minuman berjumlah RM13.2 billion, bahan ramuan halal (*halal ingredients*) berjumlah RM10.6 bilion, produk berasaskan minyak sawit berjumlah RM4.8 bilion, kosmetik dan penjagaan diri berjumlah RM2 bilion, bahan kimia industri berjumlah RM1.6 bilion dan farmaseutikal bernilai RM407 juta. Destinasi eksport utama produk halal negara adalah ke Negara Republik Rakyat China (RM4.3 bilion), Singapura (RM3.1 bilion), Amerika Syarikat (RM2.7 bilion), Indonesia (RM2.2 bilion) dan Jepun (RM1.8 bilion).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 88

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memastikan semua syarikat penerbangan di Malaysia akan dilengkapi dengan pangkalan data *Interpol's Stolen & Lost Travel Documents* (STLD) daripada bergantung kepada *Offline Interpol Data System* yang perlu dikemaskini dari semasa ke semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam, sistem daftar masuk penumpang yang disediakan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) di semua lapangan terbang negara adalah menggunakan sistem SITA *(Société Internationale De Télécommunications Aéronautiques).* Buat masa ini, sistem SITA yang digunakan di lapangan terbang negara tidak dilengkapi dengan pangkalan data *Interpol's Stolen & Lost Travel Documents* (STLD). Menyedari akan keperluan pangkalan data STLD, MAHB sedang membuat kajian untuk cadangan melengkapkan sistem SITA dengan STLD.

SOALAN 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH)**
TARIKH	:	**11.06.2014 (RABU)**

DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH) MINTA MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah kejayaan OPS TITIK dilancarkan pada 15 Mei 2014 lalu bertujuan membanteras penyelewengan diesel bersubsidi dan berapakah jumlah tangkapan yang dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedang menggerakkan OPS TITIK yang bermula pada 15 Mei 2014 yang baru lalu bertujuan untuk memerangi secara habis-habisan jenayah penyelewengan bahan petroleum bersubsidi termasuklah minyak diesel. Operasi ini digerakkan secara besar-besaran di seluruh Negara dan melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan.

Selaku agensi peneraju, Kementerian sendiri menggerakkan operasi secara bersepadu serta memberi bantuan dan kerjasama penuh kepada seluruh agensi penguatkuasaan yang lain termasuk kepada operasi yang digerakkan di bawah Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara. Antara agensi penguatkuasaan yang terlibat secara langsung dalam operasi ini ialah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan beberapa agensi penguatkuasaan yang lain.

Sehingga 31 Mei 2014, OPS TITIK ini telah berjaya mematahkan kegiatan menyelewengkan bahan petroleum bersubsidi dengan mencatat 97 kes yang melibatkan rampasan dianggarkan bernilai RM4.25 juta. Semua jenayah yang dipatahkan ini melibatkan orang perseorangan serta sindiket yang bergerak di sempadan negara, di darat, dipelabuhan dan juga di kawasan perairan negara.

Dalam tempoh 17 hari OPS TITIK ini digerakkan, telah mula melihat impak yang agak positif iaitu kejadian *stock-out* minyak diesel yang sebelum ini kerap berlaku terutamanya pada akhir setiap bulan, kini sudah berkurangan dengan mendadak. Ini menunjukkan operasi yang sedang dijalankan telah menunjukkan kejayaan awal yang sangat membanggakan. Kementerian sangat berharap agar tindakan yang berterusan ini juga akan dapat mengurangkan jumlah subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan bukan sahaja ke atas minyak diesel tetapi juga petrol RON 95 dan gas petroleum cecair pada penghujung tahun 2014 nanti.

NO SOALAN :90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)
PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	11.06.2014

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang yang ditanggung oleh 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM37 bilion. Ini ada dinyatakan di dalam laporan kewangan 1MDB yang boleh perolehi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

NO. SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 7000

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pergerakan kumpulan pengganas radikal Islam, Al-Syabab yang berkembang di Somalia telah dikatakan menyusup masuk secara aktif di Malaysia sejak dua tahun lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Salah seorang ahli kumpulan pengganas radikal Islam, Al-Syabab telah ditangkap di negara ini pada 8 Mei 2014 di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 kerana terlibat dengan kegiatan keganasan. Ini adalah berdasarkan maklumat daripada INTERPOL di mana individu ini tersenarai di dalam INTERPOL *Red Notice.* Individu ini dikehendaki oleh pihak Amerika Syarikat kerana terlibat menyediakan bahan-bahan sokongan bagi kegiatan keganasan kepada kumpulan Al-Syabab yang berpengkalan di Somalia. Saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci berhubung siasatan ini. Walau bagaimanapun, individu ini telah pun dihantar pulang ke Amerika Syarikat melalui kaedah deportasi di bawah Akta Imigresen 1959/63.

SOALAN NO.92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD (LANGKAWI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2014

YB Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad (Langkawi) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan GST akan dilaksanakan pada April 2015, tetapi terdapat banyak kedai yang telah mengeluarkan dalam bil mereka perkataan GST, sedangkan ianya untuk "Government Service Tax" (cukai perkhidmatan Kerajaan). Apakah Kerajaan peka berkaitan hal ini, dan apakah ada cadangan agar pengguna tidak terkeliru dengan akronim tersebut.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Berkaitan isu caj perkhidmatan, sebenarnya GST yang dimaksudkan telah dicaj oleh peniaga adalah government service tax atau cukai

perkhidmatan dan bukannya Goods and Services Tax (GST). Perkara ini berbangkit ekoran penggunaan nama ringkasan atau acronym yang sama.

Terdapat juga peniaga yang telah menukar atau menaiktaraf sistem perkomputeran sebagai persiapan menghadapi GST. Sehubungan itu, mereka telah meletakkan perkataan "GST" dalam invois mereka tetapi sebenarnya tiada GST yang dikenakan buat masa sekarang.

SOALAN NO. 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana pencapaian dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat telah dicapai.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah oleh kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggariskan penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah (ALP) syarikat sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan. Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, pada 30 Mac 2014, sebanyak 21 peratus iaitu 5,989 orang daripada keseluruhan ahli lembaga pengarah yang berjumlah 28,561 orang di syarikat awam *(Public Companies)* adalah wanita.

(Syarikat awam merangkumi syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies)* dan syarikat tidak tersenarai awam *(Non-Public Listed Companies)*)

KPWKM terus mengambil pelbagai langkah untuk memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah. Program Pengarah Wanita atau *Women Directors' Programme* telah dilaksanakan oleh *NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW),* agensi di bawah KPWKM sejak tahun 2012.

Dari tahun 2012 hingga Mei 2014, seramai 771 calon pengarah wanita telah dilatih dalam program tersebut. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Mei 2014, jumlah penempatan ahli lembaga pengarah wanita di syarikat tersenarai awam adalah 128.

KPWKM telah melaksanakan program-program khas bagi mempromosikan Program Pengarah Wanita serta calon pengarah wanita seperti:

(i) *Women Directors' Mini Lab;*

(ii) *Breakfast Talk on Women Directors' Programme;*

(iii) *Roadshow on Women Directors' Programme;*

(iv) *Women Directors' Convention* dan *Chairman Power Breakfast;*

(v) *Women Directors' Dialogue;* dan

(vi) *Women Directors' Training Programme Initiative 1/2014.*

KPWKM juga meneruskan kerjasama dengan badan-badan lain seperti Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan *Talent Corporation Malaysia Berhad* untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat.

Soalan No : 94

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]**
TARIKH	:	**11.6.2014**
SOALAN	:	

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian terkini Kementerian terhadap penghantaran pelajar Malaysia ke institusi-institusi pengajian tinggi Islam di negara-negara yang sedang bergolak seperti Mesir dan Syria.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menggalakkan pelajar-pelajar Malaysia untuk menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi di negara bergolak seperti Mesir dan Syria memandangkan keadaan keselamatan dan politik yang masih tidak stabil. Hal ini adalah selaras dengan *Travel Advisory* daripada Kementerian Luar Negeri yang masih berkuat kuasa di mana rakyat Malaysia dinasihati supaya tidak berkunjung ke **Mesir**.

Rjm46

SOALAN NO: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana operasi bahagian swasta di Hospital Kerajaan dilaksanakan. Bagaimanakah seorang pesakit yang mendapat rawatan di hospital kerajaan akan dirujuk atau diberi rawatan di bahagian swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mwujudkan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (Full Paying Patients Services), sejak Julai 2007 di dua buah hospital iaitu Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. Caj yang dikenakan ke atas pesakit yang memilih perkhidmatan ini adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007. Melalui Perintah Fi tersebut sebanyak 7 jenis perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit yang memilih perkhidmatan ini dikenakan bayaran iaitu:

a) Fi pendaftaran dan perundingan;
b) Fi hospitaliti;

c) Fi penyiasatan;
d) Fi tatacara;
e) Fi rawatan; dan
f) Fi pelbagai.

Fi yang dikenakan keatas pesakit ini akan dibahagikan antara kerajaan dan Pegawai Perubatan Pakar yang merawat pesakit menurut agihan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Untuk mengoperasikan perkhidmatan ini, pihak KKM telah mengeluarkan Garispanduan Pelaksanaan, Perintah Fi (Perubatan) (Perkhidmtan Pesakit Bayar Penuh) 2007, yang menggariskan beberapa perkara-perkara antaranya adalah:

a) kelayakan pakar untuk menyertai Skim PPBP;
b) akses kepada perkhidmatan;
c) rawatan perubatan;
d) pemilihan pesakit; dan
e) pemantauan.

Garispanduan ini telah disemak serta diperkemaskan lagi pada tahun 2013.

Pada amnya, hospital KKM yang ingin memulakan perkhidmatan ini perlu mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk merawat Pesakit Bayar Penuh ini. Pegawai Perubatan Pakar yang ingin menyertai perkhidmatan ini adalah mereka yang telah diwartakan sebagai pakar dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai pakar di bidang berkenaan. Rawatan serta prosedur klinikal yang dijalankan kepada

pesakit bayar penuh adalah berdasarkan kepada keadaan serta penilaian klinikal pesakit pada masa tersebut serta bergantung kepada kemudahan yang disediakan di hospital berkenaan pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan untuk dirawat sebagai pesakit bayar penuh atau pemilihan memasuki ke Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh di hospital KKM adalah atas pilihan pesakit sendiri dan bukan secara rujukan oleh mana-mana pihak.

No. Soalan : 96

PR-1322-L61909

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR** **[TUMPAT]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta **YB MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan peranan OIC yang lebih berkesan dalam menangani berbagai isu yang dihadapi oleh negara anggota.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan dari Yang Berhormat **Tumpat** berkenaan tindakan Malaysia untuk memastikan peranan OIC yang lebih berkesan dalam menangani berbagai isu yang dihadapi oleh negara anggotanya.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Ahli Dewan, sejak penubuhan OIC, Malaysia sentiasa aktif dalam pelbagai mesyuarat anjuran OIC, termasuk menggesa pertubuhan tersebut dan negara-negara OIC yang lain supaya menghulurkan sokongan dan bantuan yang padu secara berterusan kepada negara-negara OIC yang berdepan dengan pelbagai masalah dan konflik.

3. Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar dan pendekatan kesederhanaan dalam mencari penyelesaian kepada sebarang perbezaan menerusi dialog secara aman, akan terus mengemukakan cadangan dan inisiatif kepada OIC di dalam usaha untuk membantu pertubuhan tersebut melaksanakan peranannya dengan lebih berkesan untuk kesejahteraan dan keamanan Ummah sejagat.

4. Melalui OIC juga, Malaysia telah menyediakan beberapa platform kerjasama yang strategik untuk negara-negara OIC dan rakan-rakannya. Sebagai contoh, penganjuran Forum Ekonomi Islam Sedunia yang merupakan inisiatif Malaysia di bawah kerangka OIC, secara jelas telah membantu pertubuhan tersebut dan negara-negara anggotanya mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan pembangunan di kalangan negara-negara OIC.

6. Malaysia sedar bahawa OIC mempunyai tanggungjawab yang penting di dalam membantu bagi memastikan negara-negara Islam dan rakyatnya dapat hidup dengan aman, sejahtera dan makmur. Justeru, Malaysia akan mempertingkatkan lagi kerjasama dengan pertubuhan tersebut dan negara-negara anggotanya untuk mencari kata sepakat

dan bersepadu, serta, memainkan peranan yang lebih konstruktif dalam inisiatif-inisiatif negara dan OIC yang akan memanfaatkan Umat Islam.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6851

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah kawalan sempadan Kelantan-Thailand ditugaskan untuk pasukan tentera sedangkan pasukan polis lebih berkuasa untuk mengeledah penyeludupan melalui sempadan dan mengapakah *"roadblock"* di Kg. Banggol Kong, Jeram Perdah ditiadakan menyebabkan penyeludupan mudah berlaku.

Berkaitan *"roadblock"* di Kg. Banggol Kong, Jeram Perdah yang ianya di bawah kawasan penugasan pihak tentera, namun begitu sekatan jalanraya tersebut akan diadakan semula dan akan dikendalikan oleh pihak Pasukan Tugas Am dari Balai Polis Pasir Mas, Kelantan dalam tempoh yang terdekat ini.

Soalan No : 98

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : **11.6.2014**

SOALAN :

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Kementerian dalam membantu pelajar-pelajar cemerlang yang tinggal di kawasan pedalaman dan luar bandar baik daripada aspek bantuan material atau sokongan moral; dan

(b) berapa ramaikah pelajar-pelajar cemerlang luar bandar dihantar untuk melanjutkan pelajaran peringkat ijazah di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Di peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) untuk pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 yang cemerlang dalam akademik dan juga kokurikulum yang mana pendapatan ibu bapa tidak melebihi RM1500 sebulan. Pelajar yang menerima Biasiswa ini akan menerima wang tunai sebanyak RM70 sebulan. Biasiswa ini akan diteruskan sehingga pelajar menamatkan pengajian di Tingkatan 5 selagi pelajar menunjukkan prestasi akademik yang baik di sekolah. Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU) untuk pelajar Tingkatan 6 yang cemerlang dalam akademik dan juga kokurikulum yang mana pendapatan ibu bapa tidak melebihi RM1500 sebulan. Pelajar Aliran Sastera akan menerima sebanyak RM90 sebulan,

manakala Pelajar Aliran Sains sebanyak RM110 sebulan sehingga menamatkan pengajian.

Di peringkat pengajian tinggi pula, KPM telah menyediakan 19 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan/pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran **tanpa mengira kuota kaum atau negeri**. Pemberian biasiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor kelayakan serta keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan bagi memastikan pembangunan modal insan yang seimbang.

Bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan, Kerajaan mengamalkan sistem merit yang mengambil kira pencapaian akademik, ko-kurikulum dan taraf sosio-ekonomi pemohon. Pemohon yang telah disenarai pendek akan menjalani tapisan temuduga bagi memastikan kualiti yang dipersembahkan kepada panel pemilih dari segi sahsiah, penampilan dan keupayaan sebenar mereka dan menunjukkan mereka adalah calon yang benar-benar cemerlang dalam semua aspek. Manakala, di peringkat pasca siswazah di kalangan tenaga pengajar di IPTA, pemilihan berasaskan merit dan tertakluk kepada keperluan universiti dan kekosongan jawatan khususnya dalam bidang-bidang pengajian tertentu.

(b) Biasiswa *MyBrain*Sc telah ditawarkan pada tahun 2012 dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang sedang atau akan mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan pasca siswazah secara sepenuh masa, khusus dalam bidang sains tulen iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik di IPTA dan universiti terkemuka dunia atau bertaraf *Ivy League*. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2012 sehingga Mei 2014, seramai **245 pelajar** telah dihantar melanjutkan pengajian di luar negara melalui pembiayaan biasiswa ini.

NO. SOALAN: 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]**

TARIKH : **11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN :

YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan permintaan bagi menaikkan kadar royalti minyak untuk Sabah dan Sarawak kepada 20 peratus, berikutan kelulusan usul mengenainya di persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak pada awal bulan Mei lepas.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat bagi 9 Jun 2014 hingga 19 Jun 2014, memandangkan ianya menyentuh perkara yang sama.

Aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas dijalankan berdasarkan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya. Pembayaran royalti juga terkandung dalam PSC.

Manakala peruntukan mengenai bayaran royalti atas hasil pengeluaran petroleum kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah terkandung dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Perjanjian Royalti. Perjanjian bayaran royalti ditandatangani di antara PETRONAS dan setiap Kerajaan negeri bagi 5 peratus royalti dan juga di antara PETRONAS dan Kerajaan Pusat bagi royalti sebanyak 5 peratus.

Mengikut perjanjian PSC hasil pengeluaran minyak dan gas akan dibahagikan antara PETRONAS dan rakan PSC selepas ditolak bayaran royalti bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kos pengeluaran dan operasi dan cukai petroleum.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan pendapatan daripada industri minyak dan gas, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak disarankan bekerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum khususnya PETRONAS bagi turut serta terlibat dalam aktiviti huluan dan hiliran petroleum di negeri masing-masing. Malah Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan dana yang agak besar kepada Kerjaaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi membangunkan projek infrastruktur di negeri tersebut. Sebagai contoh, sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 untuk projek Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Semantan, Sarawak sehingga Serudong, Sabah.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 100

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos Kerajaan melantik peguam swasta sejak tahun 2010 mengikut nama kes dan nama peguam masing-masing. Alasan Kerajaan tidak menggunakan khidmat Jabatan Peguam Negara dalam kes-kes tersebut.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2010, peguam bela Datuk Tan Hock Chuan telah dilantik bagi tujuan menjalankan inkues kematian mendiang Teoh Beng Hock.

2. Pada tahun 2010 juga, peguam-peguam Cecil Wilbert Mohanaraj Abraham, Rishwant Singh a/l Amarjeet Singh dan Sunil Abraham dari Tetuan Zul Rafique & Partners telah dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam kes-kes guaman yang berikut:

(a) Tuntutan guaman oleh Dato' Pahlawan Ramli bin Yusuff terhadap Tan Sri Abdul Gani Bin Patail, Tan Sri Musa Bin Hassan, Dato' Nordin Hassan, Kevin Anthony Morais, Chew Kam Soon, Sok One A/L Esen, Saiful Ezral Bin Ariffin, Azmi Bin Ismail, Wan Abdul Rahman, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Di Raja Malaysia dan Kerajaan Malaysia; dan

(b) Tuntutan guaman oleh Rosli Bin Dahlan terhadap Tan Sri Abdul Gani Bin Patail, Tan Sri Musa Bin Hassan, Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed, Dato' Nordin Bin Hassan, Dato' Abdul Razak Bin Musa, Kevin Anthony Morais, Chew Kam Soon, Saiful Ezral Bin Ariffin, Polis Di Raja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Kerajaan Malaysia.

3. Seterusnya pada tahun 2013, peguam bela Tan Sri Muhammad Shafee bin Abdullah diambil berkhidmat dalam kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi melepaskan dan membebaskan YB Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada pertuduhan melakukan kesalahan liwat.

4. Pada tahun 2011 dan 2012, tidak terdapat pengambilan peguam swasta oleh pihak kerajaan. Pada tahun ini juga, setakat ini tiada lagi kes-kes lain yang melibatkan pelantikan peguam swasta oleh kerajaan bagi mengendalikan kes-kes pendakwaan, guaman atau inkues.

5. Peguam-peguam swasta ini diambil untuk berkhidmat oleh Kerajaan Malaysia berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam mengendalikan kes-kes jenayah dan guaman. Pengalaman mereka dalam bidang pengkhususan masing-masing dilihat sebagai nilai tambah (*value add*) kepada penjalanan kes.

6. Bayaran untuk perkhidmatan peguam-peguam tersebut hanya boleh didedahkan jika mereka memberikan kebenaran kerana perkara ini adalah terlindung (*privileged*) dan tertakluk kepada kerahsiaan hubungan profesional antara peguam dengan anak guam (*solicitor and client relationship*).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI (KUALA KRAI)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar seramai 4.63 juta isi rumah iaitu bersamaan 65 peratus daripada keseluruhan 7.1 juta isi rumah di Malaysia layak menerima BR1M pada tahun ini dan adakah ini bermakna bahawa hampir 2/3 daripada keseluruhan jumlah isi rumah di Malaysia masih bergantung kepada bantuan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatkan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pemberian BR1M diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, proses verifikasi semula dibuat kepada semua permohonan BR1M termasuk permohonan penerima sediada. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat

penambahbaikan ke atas pelaksanaan BR1M bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang layak sahaja. Hasil daripada verifikasi tersebut, pemohon akan dikategorikan mengikut jumlah pendapatan keluarga tesebut. Sekiranya pendapatan keluarga tersebut adalah berjumlah RM3,000 dan kebawah, penerima akan menerima bantuan BR1M sebanyak RM650 manakala sekiranya pendapatan keluarga adalah berjumlah RM3,001 hingga RM4,000, pemohon akan menerima bantuan sebanyak RM450.

Hasil daripada proses verifikasi juga mendapati kebanyakkan permohonan yang gagal adalah atas sebab utama iaitu pendapatan isi rumah melebihi syarat kelayakan, pasangan telah membuat permohonan baru (duplikasi permohonan) dan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, penerima BR1M 2.0 (2013) adalah seramai 6.8 juta penerima atau 88.1% daripada jumlah permohonan dengan peruntukan sebanyak RM2.9 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.8 juta

penerima isi rumah dan 2 juta penerima bujang.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM411 juta yang melibatkan seramai 971 ribu atau 14.3% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 674 ribu atau 69.4% penerima isi rumah dan 297 ribu atau 30.6% penerima bujang. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM348 juta yang melibatkan seramai 818 ribu penerima atau 12.04% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 573 ribu atau 70% penerima isi rumah dan 245 ribu atau 30% penerima bujang. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM302 juta yang melibatkan 692 ribu penerima atau 11.1 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2013. Jumlah tersebut merangkumi 515 ribu atau 7.4% penerima isi rumah dan 177 ribu atau 25.6% penerima bujang.

Jumlah kelulusan bagi BR1M 2014 pula adalah seramai 6.8 juta penerima

dengan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.5 juta penerima isi rumah dan 2.3 juta penerima bujang. Jumlah ini dijangka meningkat memandangkan permohonan rayuan baru sahaja ditutup pada 31 Mei 2014 tempohari dan masih terdapat permohonan yang sedang diproses oleh LHDN. Dari segi penunaian pula, sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 6.4 juta penerima atau 94% telah menunaikan BR1M.

Berdasarkan jumlah kelulusan, pengagihan mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM470 juta yang melibatkan seramai 925 ribu atau 13.8% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 798 ribu penerima atau 11.91% daripada keseluruhan penerima. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM350 juta yang melibatkan 652 ribu penerima atau 9.7 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penerima BR1M bagi kategori isi rumah juga diberi perlindungan takaful i-BR1M dengan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagi tahun 2014, i-BR1M diuruskan oleh Persatuan Takaful Malaysia yang terdiri daripada 11 Syarikat Takaful. Sehingga 23 Mei, sebanyak 5,160 waris penerima yang telah menerima manfaat i-BR1M yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Ia merupakan salah satu policy response yang telah diambil oleh Kerajaan semasa menangani isu kenaikan harga barangan

makanan global pada ketika ini. Bantuan ini telah dapat membantu meringan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat berhubung pemberian BR1M dan hubung-kaitnya dengan kadar inflasi. Ia perlu difahami secara jelas. Inflasi keseluruhan di Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur perubahan kos pembelian bagi barangan dan perkhidmatan yang lazim digunakan secara purata oleh isi rumah di Malaysia.

Jika dilihat pada pelaksanaan BR1M pada 2012 dan sehingga sekarang, ia tidak memberi kesan langsung kepada secara signifikan ke atas kadar inflasi. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, kadar inflasi bagi bulan sebelum dan bulan selepas pemberian BR1M tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Seperti contoh, pemberian BR1M tahun 2014 bermula pada bulan Februari 2014. Kadar inflasi ketika itu mencatatkan

3.5%, manakala pada bulan Mac 2014, kadar inflasi masih kekal 3.5% dan bulan April turun lagi kepada 3.4%.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan inflasi agar dapat menggubal dasar dan melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi menangani kesan inflasi. Ini bagi mengelakkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah serta mudah terjejas, dibebankan dengan kos hidup yang meningkat.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga telah berbincang bersama pihak Jabatan Audit Negara mengenai langkah penambahbaikan program BR1M untuk memastikan tiada kebocoran di dalam pengagihan BR1M.

NO. SOALAN: ~~103~~ 102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6852

SOALAN:

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jenis visa yang diberi kepada warga Iran yang ditahan semasa operasi yang berlangsung pada 11-12 Mei 2014 berhubung dengan pengedaran dadah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Bukit Aman telah menangkap seorang warga Iran di perkarangan Berjaya Time Square, Kuala Lumpur pada 12 Mei 2014 kerana disyaki terlibat pengedaran dadah. Saringan awal ujian urin ke atas subjek mendapati subjek positif dadah. Subjek telah ditangkap dan siasatan dijalankan di bawah Sek. 5(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Sek. 6(3) Akta Imigresen 1959 kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Butir-butir suspek yang ditangkap seperti berikut:-

Nama : Seyed Abolfazl Sajjadi
No. Pasport : B 5654809

Siasatan lanjut yang dijalankan mendapati bahawa sabjek pernah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 pada 2 Jun 2008 dan dikenakan Perintah Tahanan selama 2 tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor. Pada 22 Januari 2009, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan Perintah Pembatalan Perintah Tahanan dan subjek telah dibebaskan dan diusir ke Iran. Pada Jun 2009, maklumat risikan JSJN mendapati sabjek telah berada kembali dalam negara dan terlibat dengan

aktiviti pengedaran dadah sejak awal 2010. Subjek telah diserah ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah pertuduhan di bawah Seksyen 15 (1)(a) ADB telah ditarik semula.

NO SOALAN : 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)
PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	11.06.2014

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kerugian tahunan syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) semenjak 2010 dan apakah sebab-sebab utama MAS mengalami kerugian dan apakah usaha kerajaan untuk menyelamatkan MAS dari mengalami kebankrapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd

(MAS) mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001, kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula melalui Widespread Assets Unbundling (WAU). Walau bagaimanapun, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia. Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi Pelan Pemulihan Perniagaan (Business Turnaround Plan 1 – BTP1) pada Februari 2006 dan BTP2 pada Januari 2008. Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007 sehingga 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan

bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai pesawat kargo dan peruntukan stok usang. Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (Forex Loss) dan kos pemulangan pesawat.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada suku tahun pertama 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat.

Walaupun MAS telah mencatatkan kerugian pada tahun 2013 dan suku pertama tahun 2014, syarikat penerbangan nasional ini terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang. Berdasarkan Pelan Perniagaan syarikat, MAS terus memberi tumpuan kepada initiatif-initiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga yang kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain. Strategi ini telah berjaya meningkatkan faktor muatan penumpang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan operasi syarikat.

Selain itu, jaringan perkhidmatan penerbangan MAS dikukuhkan lagi dengan penyertaannya dalam Oneworld Alliance mulai 1 Februari 2013.

Melalui gabungan ini, MAS dijangka dapat meningkatkan jumlah penumpang menerusi trafik tambahan daripada ahli oneworld yang lain dan peluasan rangkaian hubungan yang ditawarkan ke lebih 800 destinasi di 150 negara berbanding rangkaian perkhidmatan MAS sedia ada hanya ke 60 destinasi. Penyertaan MAS dalam Oneworld Alliance telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membincangkan isu berhubung kerugian MAS dan mesyuarat telah memutuskan supaya pihak Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian due diligence untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada

Lembaga Pengarah syarikat sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan.

NO. SOALAN : 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan kualiti air di kawasan Baling ini terjamin memandangkan terdapat aduan dari penduduk di kawasan ini yang masih tidak berpuas hati dengan taraf kebersihan air di sini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian ini sedia maklum mengenai masalah kualiti air di kawasan Baling, Kedah. Oleh itu, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menjalankan audit khas kualiti air di Loji Rawatan Air Baling bagi mengenal pasti punca kemerosotan kualiti air tersebut. Berdasarkan kepada dapatan audit khas tersebut, pihak Syarikat Air Darul Aman (SADA) telah mengambil tindakan penambahbaikan sewajarnya. Susulan itu, tahap kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna telah dapat ditingkatkan.

2. Selain itu, kualiti air minum di seluruh negara perlu mematuhi Garis Panduan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Persampelan dan analisa kualiti air secara rutin dilakukan oleh Unit Kawalan Mutu Air Minum KKM dengan kerjasama Jabatan Kimia Malaysia bagi memastikan air yang diagihkan kepada pengguna menepati garis panduan tersebut.

****

NO. SOALAN: 105

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2014

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar unjuran inflasi dalam ekonomi Sabah dan Sarawak pada tahun 2015 dengan mengambil kira kesan gabungan caj kabotaj yang kini sedang berjalan dan pelaksanaan GST yang akan dijalankan kelak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Inflasi keseluruhan bagi Malaysia yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1% bagi tahun 2013 berbanding 1.6% pada tahun 2012. Namun begitu, kadar ini masih dalam lingkungan 2% hingga 2.5% yang diunjurkan oleh Kerajaan.

Manakala bagi tempoh empat bulan pertama 2014, kadar inflasi meningkat 3.5% berbanding 1.5% bagi tempoh yang sama tahun lepas. Kenaikan kadar inflasi ini sebahagiannya disebabkan oleh pelarasan harga bahan api dan tarif elektrik, serta gangguan bekalan makanan berikutan keadaan cuaca yang buruk. Walau bagaimanapun, inflasi bagi April 2014 mula menyederhana kepada 3.4% setelah mencatat paras tertinggi pada 2 bulan berturut-turut iaitu, 3.5% bagi bulan Februari dan Mac.

Kadar inflasi pada tahun 2013 bagi negeri-negeri di bahagian barat Malaysia juga mencatatkan peningkatan, iaitu Sabah sebanyak 2.2% dan Sarawak sebanyak 1.9%. Bagi tempoh empat bulan pertama 2014, kadar inflasi di Sabah adalah 2.3%. Manakala, kadar inflasi di Sarawak telah meningkat 3.5% bagi tempoh empat bulan pertama 2014 berbanding 1.3% bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Berhubung dengan unjuran kadar inflasi dalam ekonomi Sabah dan Sarawak pada tahun 2015, dimaklumkan bahawa Kerajaan hanya membuat unjuran kadar inflasi secara keseluruhan. Sehubungan itu, unjuran kadar inflasi Malaysia bagi tahun 2014 adalah di antara 3% hingga 4%.

Input disediakan oleh: Bahagian Fiskal dan Ekonomi

NO. SOALAN: 106

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Perlaksanaan Hukum Hudud peringkat kebangsaan dan apakah peranan jawatankuasa ini bagi memastikan pelaksanaan hukum Hudud di negara ini tidak menimbulkan tohmahan serta menjejaskan imej Islam.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan adalah bagi memastikan pelaksanaan undang-undang jenayah

Syariah dapat dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa. Ini bagi menjamin pelaksanaan undang-undang tersebut tidak melangkaui kuasa yang diberikan di bawah undang-undang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 107

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan kajian menyeluruh terhadap keberkesanan pelaksanaan program j-Qaf dan apakah status terkini setelah ada ura-ura program ini akan dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan beberapa kajian terhadap keberkesanan pelaksanaan Program j-QAF antaranya:

a. Kajian Impak Program j-QAF oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan pada tahun 2011 . Dapatan kajian tersebut mendapati pelaksanaan Program j-QAF mampu meningkatkan penguasaan murid dalam tilawah Al-Quran, Jawi, Bahasa Arab dan Solat.

b. Universiti Kebangsaan Malaysia menerusi Institut Islam Hadhari sedang menjalankan kajian di bawah Projek Penyelidikan Pemerkasaan Program j-QAF Dalam Transformasi Sistem Pendidikan Islam Malaysia: Pengurusan, Pelaksanaan, Keberkesanan. Kajian tersebut telah memasuki fasa kedua pada tahun ini.

KPM tidak bercadang untuk memansuhkan Program j-QAF yang telah dilaksanakan sejak tahun 2005. Bahkan pada masa sekarang, KPM sedang giat melaksanakan aktiviti untuk memantapkan pelaksanaan Program j-QAF di sekolah – sekolah rendah. KPM juga merancang dan bercadang akan terus melaksanakan program memperkasa Pendidikan Islam yang bersesuaian sebagai kesinambungan kepada Program j-QAF di peringkat sekolah menengah.

Rjm48

SOALAN (108)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

SOALAN :-

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah teknologi inovatif, mesra alam, minimum pencemaran, kos berpatutan yang tidak membebankan rakyat yang akan dilaksanakan bagi pelupusan sisa pepejal di Malaysia khususnya di Lembah Klang memandangkan pembukaan tapak pelupusan baru bukan lagi penyelesaian jangka panjang yang lestari akibat saingan untuk tujuan lain sedangkan tanah terhad.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai pembukaan tapak pelupusan baru bukan lagi penyelesaian jangka panjang yang lestari untuk menangani masalah pelupusan sisa pepejal. Malah, memang dasar Kerajaan sejak 1991 melalui Pelan Jangka Panjang *Outline Perpective Plan* 2 (OPP2) (1991-2010) untuk pelbagaikan kaedah merawat dan melupuskan sisa pepejal dengan mengambilkira teknologi semasa yang mesra alam dan kos efektif. OPP2 jelas menyatakan bahawa Kerajaan akan menggunapakai satu dasar yang menyeluruh termasuk membina insinerator bagi melupus sisa pepejal secara selamat dan berkesan.

Peredaran masa sejak 1991 telah menyaksikan perkembangan pelbagai teknologi yang inovatif, mesra alam, minimum pencemaran dengan kos yang berpatutan yang merangkumi bukan sahaja insinerator tetapi pelbagai teknologi lain seperti *pyrolysis, gasifikasi, anaerobik digestor* dan *material recovery facility* (MRF) digunakan bagi melupus sisa pepejal.

Dalam hal ini, Pelan Strategik Kebangsaan bagi Pengurusan Sisa Pepejal 2005 (NSP 2005) yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2005 telah mencadangkan pembinaan stesen pemindahan, MRF dan loji rawatan termal disamping tapak pelupusan sanitari sebagai kaedah-kaedah rawatan dan pelupusan yang sesuai.

Bagi kemudahan pengurusan sisa pepejal di Lembah Klang khususnya di Kuala Lumpur, Kerajaan telah merancang untuk membina sebuah loji *waste to energy* (WTE) atau sisa kepada tenaga di Kepong dengan kapasiti merawat sisa pepejal sebanyak 1,000 tan sehari. Kerajaan akan memastikan supaya teknologi yang akan digunakan kelak adalah teknologi yang telah terbukti, mesra alam dan kos efektif. Bagi merealisasikan supaya teknologi yang akan digunakan kelak tidak menjejaskan kesihatan dan alam sekitar serta kos efektif maka pemilihan teknologi akan dilaksanakan secara tender terbuka antarabangsa melalui pendekatan PFI. Kerajaan juga akan memastikan supaya pembinaan Loji tersebut akan dimulakan selepas Kajian Terperinci Penilaian Impak Alam Sekitar (DEIA) diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Selain daripada perancangan di atas, Kementerian juga dalam proses untuk melaksanakan sebuah projek perintis selama 6 tahun berasaskan pendekatan strategi lautan biru yang memberi manfaat kepada dua agensi iaitu KPKT dan KETTHA yang melibatkan pengurusan sisa makanan dan enapcemar (sludge). Projek ini akan menggunakan kemudahan anaerobic digester (AD) sedia ada di loji rawatan kumbahan Sungai Besi yang diuruskan oleh Indah Water Konsortium (IWK) bagi merawat sebanyak 30 tan sehari sisa makanan dan enapcemar daripada loji rawatan kumbahan untuk menghasilkan biogas yang boleh dikomersialkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO. SOALAN: 109

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak kes yang telah dilapor dengan penguatkuasaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan berapa banyak kes yang telah dibawa ke mahkamah dan selesai.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [*Akta 613*] berkaitan kesalahan pengubahan wang haram memperuntukkan yang berikut:

"*4. (1) Mana-mana orang yang -*

(a) melibatkan diri, atau cuba untuk melibatkan diri dalam; atau

(b) bersubahat dengan pelakuan,

pengubahan wang haram melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada terdapat suatu sabitan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing atau suatu pendakwaan telah dimulakan bagi pelakuan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing."

2. Kertas siasatan berkenaan kes di bawah seksyen 4 Akta 613 yang lengkap disiasat akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti. Keputusan sama ada pertuduhan dibuat atau sebaliknya akan dibuat selepas keterangan atau bukti yang dikemukakan diteliti dan dipertimbangkan. Hanya apabila Pendakwa Raya berpuas hati bahawa keterangan yang dikumpul adalah kukuh bagi membuktikan suatu kesalahan, maka barulah suatu pertuduhan akan dibuat di mahkamah.

3. Dari tahun 2004 hingga 2014, seramai 195 orang telah dipertuduh di mahkamah. Daripada jumlah tersebut –

(a) seramai 78 orang telah selesai dibicarakan dan didapati bersalah;

(b) seramai 79 orang lagi masih dibicarakan di mahkamah; dan

(c) seramai 38 orang dibebaskan oleh mahkamah.

4. Daripada 38 orang yang dibebaskan, pihak pendakwaan telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan untuk membebaskan 23 orang, yang daripadanya rayuan terhadap 11 orang telah dibenarkan manakala rayuan terhadap 12 orang lagi masih berterusan.

5. Bagi 12 orang lagi yang telah dibebaskan oleh mahkamah, pihak pendakwaan tidak mengemukakan rayuan kerana dapatan

mahkamah adalah bahawa tiada keterangan kukuh untuk membuktikan suatu kesalahan telah dilakukan. Keputusan mahkamah membebaskan tanpa melepaskan 3 lagi orang tertuduh tidak dirayu oleh pihak pendakwaan kerana 3 orang yang berkenaan tidak dapat dikesan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:

a) tentang kedudukan dan pencapaian projek Tahun Melawat Malaysia 2014, apakah kesan-kesan buruk yang merosakan usaha kementerian dalam projek ini; dan

b) apakah impak dari tragedi MH370 dan kes penculikan orang asing di Sabah kepada sektor pelancongan dan nyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi keadaan ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

a)

Sejak pelancaran kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 yang diadakan pada 4 Januari 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bagi menggalakkan kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

Bagi bulan Januari tahun 2014, negara telah mencatatkan kedatangan seramai 2,447,397 pelancong asing yang melawat Malaysia. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak +18.2% berbanding sejumlah 2,070,394 orang pelancong asing yang melawat Malaysia pada bulan Januari tahun 2013.

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 1,422 pakej Tahun Melawat Malaysia 2014 telah dibangunkan oleh Tourism Malaysia. Melalui pakej-pakej ini, dicatatkan seramai 478,171 pelancong telah membeli pakej-pakej ini dari rantau pasaran yang berbeza dengan jumlah pendapatan yang dihasilkan adalah sebanyak RM1.15billion. Tourism Malaysia juga telah melancarkan **"VMY 2014 Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages"** pada 18 Februari 2014 yang lalu dimana sebanyak 1,030 pakej pelancongan domestik dibangunkan bersama 297 ejen dan pengendali tempatan. Sehingga 31 Mac 2014, dicatatkan seramai 2,516 telah membeli pakej pelancongan tersebut dengan jumlah nilai pakej yang dijual adalah sebanyak RM1.08 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

b)

Insiden MH370 dan penculikan telah memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada sektor pelancongan Malaysia terutamanya bagi kedatangan pelancong dari negara China. Sehingga bulan April, tempahan kedatangan pelancong yang dibatal atau ditangguh dilaporkan telah mencatat sebanyak 30,000 tempahan.

Bagi memulihkan keadaan ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mengambil langkah-langkah yang strategik bagi pasaran China dan Asia Timur seperti berikut:

i) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Krisis pada 18 Mac 2014 yang diketuai oleh Pejabat Tourism Malaysia di Beijing, Shanghai dan Guangzhou. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran ini;

ii) Tourism Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke negara Taiwan, China dan Hong Kong dari 10 hingga 18 Mac 2014. Perjumpaan bersama wakil-wakil kanan kerajaan serta pengusaha industri pelancongan turut diadakan semasa lawatan kerja ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada warga China untuk melancong ke Malaysia;

iii) Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengetuai rombongan ahli parlimen membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 10 April 2014 bagi menzahirkan keprihatinan dan rasa simpati Kerajaan Malaysia terhadap keluarga warga China yang terlibat dan juga berterima kasih kepada

Kerajaan China bagi bantuan yang telah diberikan. Secara timbal balik, Duta Besar China ke Malaysia juga telah membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 22 April 2014 bagi menegaskan hubungan persahabatan Malaysia-China dan Perjumpaan Dua Hala ini dapat membantu mengurangkan tanggapan negatif rakyat China kepada Malaysia;

iv) Pengerusi Tourism Malaysia juga membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 12 Mei 2014 untuk membincangkan isu keselamatan yang membabitkan warga China di Malaysia selepas insiden MH370 serta kes penculikan pelancong asing di Semporna dan Lahad Datu;

v) Tourism Malaysia menganjurkan program *CEO MegaFam* kepada agensi pelancongan China yang utama untuk membuat tinjauan produk pelancongan ke Malaysia dengan menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan MAS. Program yang berlangsung sejak 26 April hingga 3 Mei 2014 ini bertujuan khas untuk memulihkan keyakinan *CEO* agensi pelancongan China terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang selamat untuk dikunjungi;

vi) Pada 20 Mei 2014, Tourism Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan pihak syarikat penerbangan utama China, Air China yang berhasrat untuk mengadakan penerbangan terus antara Beijing dan Kuala Lumpur pada masa terdekat serta mengadakan perkhidmatan *charter* (Sewa Khas). Bagi tujuan tersebut, pihak Air China telah

memberikan maklumbalas yang positif untuk merealisasikan perkhidmatan penerbangan *charter;*

vii) Mengadakan usahasama dengan agensi pelancongan China untuk melancarkan penerbangan *charter* (Sewa Khas) secara jangka panjang dari bandar-bandar *2nd Tier* dan *3rd Tier.* Dalam pada itu, Tourism Malaysia sedang mengadakan perbincangan dengan Hubei Wanda New Airlines Travel Services mengenai penerbangan *charter* sektor Wuhan – Kuala Lumpur selama setahun dengan penerbangan 3 kali seminggu;

viii) Penglibatan Tourism Malaysia secara tidak langsung telah membantu mempercepatkan kedatangan dua ekor beruang panda gergasi ke Malaysia yang tiba pada 20 Mei 2014 sempena Ulangtahun ke-40 hubungan Malaysia dan China. Publisiti kedatangan panda ke Malaysia telah tersebar secara meluas di China, Malaysia dan media antarabangsa. Ini menunjukkan sebagai tanda persahabatan China-Malaysia yang dapat membantu mengembalikan keyakinan pelancong China ke Malaysia; dan

ix) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia turut mengadakan lawatan ke Negara China pada 26 Mei hingga 1 Jun 2014 sempena ulangtahun ke-40 hubungan persahabatan dua hala antara Malaysia dan China yang akan memberi keyakinan kepada pelancong China untuk datang melancong ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 111

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membentang Laporan Kertas Putih di Parlimen mengenai insiden kehilangan misteri pesawat MH 370, dan bila.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.

NO. SOALAN: 112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Chua Tee Yong [Labis]

TARIKH : 11 Jun 2014 (Rabu)

Datuk Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah hasil Program Transformasi Ekonomi (ETP) seperti GNI per kapita bertambah 42,5 peratus bermaksud kepada rakyat, sedangkan rakyat sekarang dibebani oleh harga rumah yang tinggi and kos hidup meningkat.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

GNI per kapita ataupun Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita bermaksud jumlah pendapatan yang dijana oleh rakyat Malaysia secara purata setahun, termasuk hasil pendapatan syarikat dan rakyat Malaysia yang berada di luar negera. Ia hanya satu penanda aras ekonomi sahaja. Sasaran Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah untuk melonjakkan GNI per kapita Malaysia kepada AS$15,000. Pada tahun 2013, GNI per kapita telah meningkat kepada AS$10,060 daripada AS$7,059 pada tahun 2009, iaitu peningkatan sebanyak 42.5 peratus.

Di bawah NKRA menangani kos sara hidup, seperkara yang sangat mustahak dan dititikberatkan oleh Kerajaan adalah soal perumahan. Oleh sebab itu, Majlis Perumahan Negara telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menyelaraskan undang-undang pentadbiran perumahan negara, menyediakan Projek Perumahan Rakyat untuk memenuhi permintaan rakyat dan juga menempatkan semula setinggan.

Yang Berhormat, harga rumah ditentukan oleh bekalan dan permintaan ataupun "supply and demand" serta faktor lain yang sememangnya di luar kawalan Kerajaan. Namun begitu, Kerajaan memahami keinginan rakyat untuk memiliki rumah sendiri dan justeru bertekad untuk membantu rakyat mencapai hasrat tersebut dengan menjanjikan pembinaan sekurang-kurangnya 1 juta unit rumah mampu milik menjelang 2018. Pada tahun 2014, Kerajaan telah memperuntukkan 2.1 bilion ringgit bagi pembinaan 133,000 unit rumah mampu milik untuk golongan isi rumah yang berpendapatan sederhana yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Majlis Perumahan Negara, PR1MA, dan Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Selain itu, program *MyHome* yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada 1 April 2014 memberikan subsidi maksimum sehingga RM30,000 kepada rakyat Malaysia yang layak untuk membeli rumah. Program tersebut akan melibatkan kira-kira 10,000 unit rumah yang dibina oleh pihak swasta dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM300 juta.

Sekian, terima kasih.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]

SOALAN : 113

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah bilangan penerima geran penyelidikan di bidang pertanian yang telah dikomersialkan. Berapakah penyelidikan di bidang industri padi yang telah dikeluarkan oleh Kementerian kepada syarikat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di - Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa berusaha untuk mewujudkan satu ekosistem pendanaan lengkap yang merangkumi pembiayaan daripada peringkat penyelidikan gunaan sehingga ke peringkat pengkomersilan. Ekosistem pendanaan ini dapat membantu untuk membangunkan sesuatu inovasi daripada peringkat penyelidikan kepada peringkat pengkomersilan.

Dalam hubungan ini beberapa sektor di bawah bidang pertanian seperti *Food Security* dan *Plantation Crops and Commodities* telah dikategorikan sebagai sebahagian daripada Bidang Keutamaan Penyelidikan dan Pembangunan Negara untuk melaksanakan projek di

bawah dana yang ditawarkan oleh MOSTI. Sebanyak 239 projek berkaitan dengan pertanian telah diluluskan pembiayaan berjumlah RM94.88 juta di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pula, menerusi Dana Sains dan Dana Pra-Pengkomersilan yang dikendalikan oleh MOSTI, sebanyak 110 projek berkaitan dengan pertanian telah diluluskan pembiayaan berjumlah RM36.88 juta.

Menerusi Dana *Commercilisation of R & D Funds* (CRDF) yang ditawarkan oleh Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd (MTDC) sebanyak 14 buah syarikat dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM20.61 juta telah diluluskan khususnya dalam bidang pertanian.

Sepanjang tempoh RMKe-9, sebanyak 30 syarikat BioNexus di bidang pertanian dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM63.49 juta telah menerima bantuan dana dari Malaysian Biotechnology *Corporation* (BiotechCorp) melalui program *Biotechnology Commercialisation Grant* (BCG). Dana BCG ini bertujuan untuk membantu syarikat berstatus BioNexus mendapatkan modal permulaan perniagaan. **Kesemua syarikat yang telah menerima bantuan dana BCG tersebut telah mengkomersilkan hasil produk dan perkhidmatan mereka.**

Manakala di bawah RMKe-10 pula, menerusi program dana *Biotechnology Commercialisation Fund* (BCF), sebanyak 11 syarikat BioNexus dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM30.22 juta di bidang pertanian telah menerima bantuan pembiayaan dari BiotechCorp. **Kesemua 11 syarikat tersebut telah mengkomersilkan hasil produk dan perkhidmatan mereka.**

Menerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), di sepanjang tempoh RMKe-9 dan RMKe-10 sebanyak 53 teknologi bernilai RM41.64 juta, hasil penyelidikan di dalam bidang pertanian telah berjaya dikomersilkan menerusi geran penyelidikan biayaan kerajaan.

Tuan Yang di – Pertua,

Merujuk kepada soalan oleh Ahli Yang Berhormat, dalam bidang industri padi sahaja, sebanyak 9 buah syarikat tempatan dan institusi penyelidikan telah diberikan dana berjumlah RM25 juta di sepanjang tempoh RMKe-9, manakala dalam tempoh RMKe-10 pula, sebanyak 4 buah syarikat tempatan dan institusi penyelidikan telah diberikan dana berjumlah RM1.97 juta bagi tujuan yang sama.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 114

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DR. TAN SENG GIAW**
[KEPONG]

TARIKH : **11 JUN 2014**

SOALAN :

YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan keadaan sektor pelancongan selepas kehilangan ghaib MH370 dan penculikan di Sabah. Apakah langkah untuk menyelamatkannya.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Insiden MH370 telah memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada sektor pelancongan Malaysia terutamanya kedatangan pelancong dari negara China. Sehingga bulan April, tempahan yang dibatal atau ditangguh dilaporkan telah mencatat sebanyak 30,000 tempahan.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi pasaran China dan Asia Timur adalah seperti berikut:

i) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Krisis pada 18 Mac 2014 yang diketuai oleh pejabat Tourism Malaysia di Beijing, Shanghai dan Guangzhou. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran ini.

ii) Tourism Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke negara Taiwan, China dan Hong Kong dari 10 hingga 18 Mac 2014. Perjumpaan bersama wakil-wakil kanan kerajaan serta pengusaha industri pelancongan turut diadakan semasa lawatan kerja ini bertujuan untuk promosi destinasi dan memberi keyakinan untuk melancong ke Malaysia.

iii) Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mengetuai rombongan ahli parlimen telah membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 10 April 2014 bagi menzahirkan keprihatinan dan simpati kerajaan Malaysia terhadap

keluarga China yang terlibat dan juga berterima kasih kepada kerajaan China dalam bantuan yang telah diberikan. Secara timbal balik, Duta Besar China ke Malaysia juga telah membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 22 April 2014 bagi menegaskan hubungan persahabatan Malaysia-China Perjumpaan dua hala ini dapat membantu mengurangkan tanggapan negatif rakyat China kepada Malaysia.

iv) Pengerusi Tourism Malaysia juga membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 12 Mei 2014 untuk membincangkan isu keselamatan yang membabitkan warga China di Malaysia selepas insiden MH370, kes culik di Semporna dan Lahad Datu.

v) Tourism Malaysia menganjurkan program *CEO MegaFam* kepada agensi pelancongan China yang utama untuk membuat tinjauan produk pelancongan ke Malaysia dengan perkhidmatan penerbangan MAS. Program sejak 26 April hingga 3 Mei 2014 ini bertujuan khas untuk memulihkan keyakinan *CEO* agensi pelancongan China terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Siri pertama telah berlangsung dari 26 April hingga 3 Mei 2014.

vi) Pada 20 Mei 2014, Tourism Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan pihak syarikat penerbangan utama China, Air China yang berhasrat untuk mengadakan penerbangan terus antara Beijing dan Kuala Lumpur pada masa terdekat serta mengadakan perkhidmatan

charter (Sewa Khas). Pihak Air China telah memberi maklumbalas yang positif.

vii) Mengadakan usahasama dengan agensi pelancongan China untuk melancarkan penerbangan *charter* (Sewa Khas) secara jangka panjang dari bandar-bandar *2nd Tier* dan *3rd Tier*. Dalam pada itu, Tourism Malaysia sedang mengadakan perbincangan dengan Hubei Wanda New Airlines Travel Services mengenai penerbangan *charter* sektor Wuhan – Kuala Lumpur selama setahun dengan penerbangan 3 kali seminggu.

viii) Penglibatan Tourism Malaysia secara tidak langsung telah membantu mempercepatkan kedatangan dua ekor beruang panda gergasi ke Malaysia yang tiba pada 20 Mei 2014 sempena Ulangtahun ke-40 hubungan Malaysia dan China. Publisiti kedatangan panda ke Malaysia luas tersebar di China, Malaysia dan media antarabangsa. Ini sebagai tanda persahabatan China-Malaysia yang dapat membantu dalam mengembalikan keyakinan pelancong China ke Malaysia.

ix) Perdana Menteri Malaysia turut mengadakan lawatan ke Negara China pada 26 Mei hingga 1 Jun 2014 sempena ulangtahun ke-40 hubungan persahabatan dua hala antara Malaysia dan China yang akan memberi keyakinan kepada pelancong China untuk datang melancong ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DATE:09/06/2014
TIME:13:26:20
ITINERARY
CONSULTANT NAME: NOR AZILA
MOHAMMED ALI
ABACUS REF: RMBLUR

FARE RM24355/TAXES RM2004/ACF
RM30-TTL RM26390
DEADLINE ISSUE B41000 10JUN14/AUTO
CANCEL
ITINERARY PREPARED FOR:
AZALINA/OTHMANDATOSERI

DAY	DATE		CITY/TERMINAL/ STOPOVER CITY	TIME	FLIGHT CLASS STATUS	STOP/EQP/ FLYING TIME SERVICES
FRI	13JUN	DEP	KUALA LUMPUR INT	2340	MH 002	NON-STOP
			MAIN TERMINAL		BUSINESS (J)	AIRBUS 380-800
SAT	14JUN	ARR	LONDON HEATHROW	0550	CONFIRMED	13HR 10MIN
			TERMINAL 4			MEALS
			MH - MALAYSIA AIRLINES REF:W8HHL			
			MH MALAYSIA AIRLINES RESERVATION NUMBER (KUALA LUMPUR):1-300-88-3000			
WED	18JUN	DEP	LONDON HEATHROW	2200	MH 001	NON-STOP
			TERMINAL 4		BUSINESS (D)	AIRBUS 380-800
THU	19JUN	ARR	KUALA LUMPUR INT	1735	CONFIRMED	12HR 35MIN
			MAIN TERMINAL			MEALS
			MH - MALAYSIA AIRLINES REF:W8HHL			

SOALAN NO. 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah ibu tunggal yang berdaftar dalam sistem e-kasih Kementerian di Parlimen di Parlimen P202 Sri Aman; dan

(b) apakah inisiatif dan bantuan yang telah disalurkan kepada mereka untuk menampung kos sara hidup.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Golongan ibu tunggal mendapat tumpuan khusus daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Dalam hal ini, adalah menjadi perjuangan KPWKM untuk memperkasakan dan membangunkan ibu tunggal demi kesejahteraan keluarga mereka.

a) **Jumlah Ibu Tunggal yang berdaftar dalam Sistem e-Kasih**

Berdasarkan pangkalan data e-kasih yang dibangunkan dan diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), terdapat seramai 348 orang ibu tunggal di Parlimen P202 Sri Aman.

b) **Inisiatif dan bantuan yang telah disalurkan kepada ibu tunggal**

KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan beberapa skim bantuan kewangan bagi membantu golongan ibu tunggal. Antaranya ialah:

i) **Skim Bantuan Kanak-kanak**

Bagi meringankan beban ibu tunggal yang mempunyai anak yang masih bersekolah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi bantuan kewangan di bawah Skim Bantuan Kanak-Kanak bagi memastikan kebajikan dan pendidikan anak-anak ibu tunggal terpelihara. Pada tahun 2013, seramai 75 orang ibu tunggal telah mendapat bantuan ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM216,700.00 bagi kawasan Parlimen P202 Sri Aman.

ii) **Bantuan Am**

KPWKM juga menyalurkan bantuan kewangan kepada keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim Bantuan Am. Pada tahun 2013, sejumlah RM70,305.00 telah disalurkan kepada 44 orang ibu tunggal miskin di kawasan Parlimen P202 Sri Aman.

iii) **Bantuan Geran Pelancaran**

KPWKM memberi bantuan Geran Pelancaran yang merupakan bantuan sekali gus kepada penerima bantuan JKM dari kalangan ibu tunggal bagi memulakan projek atau aktiviti

ekonomi agar mereka dapat berdikari dan seterusnya keluar daripada kepompong kemiskinan. Geran Pelancaran ini diberikan secara *one-off* iaitu sebanyak RM2,700.00 bagi setiap penerima.

Pada tahun 2013, seramai 3 orang ibu tunggal telah menerima Geran Pelancaran melibatkan peruntukan sebanyak RM7,500.00 di kawasan Parlimen P202 Sri Aman.

SOALAN NO. 116

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

[SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jangkaan kos tahunan yang akan dikenakan jika skim pencen RM200 sebulan diamalkan untuk setiap warga Malaysia yang berumur 70 tahun ke atas selain daripada mereka yang sedang menerima pencen persaraan atau pencen PERKESO.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini terdapat seramai 1.01 juta orang warga emas yang berumur 70 tahun dan ke atas di Malaysia. Daripada jumlah ini, seramai 117,525 orang merupakan penerima pencen persaraan atau pencen PERKESO.

Sehubungan itu, warga emas berumur 70 tahun dan ke atas yang tidak menerima pencen persaraan atau PERKESO berjumlah 889,175 orang. Sekiranya warga emas ini diberikan RM200 sebulan, maka kerajaan perlu menampung peruntukan kewangan sebanyak RM2.1 bilion (RM200 x 12 bulan x 889,175 orang) untuk tempoh setahun.

NO. SOALAN : 117

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [JULAU]

TARIKH JAWAPAN : 11 JUN 2014 (RABU)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan kajian berkenaan kesesuaian sesuatu teknologi berbanding dengan yang lain dalam menjana tenaga boleh dibaharui.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini sentiasa membuat kajian yang terperinci mengenai sesuatu teknologi penjanaan elektrik sama ada dari sumber tenaga konvensional mahupun sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Ini adalah bagi memastikan supaya sesuatu teknologi penjanaan yang dipilih itu adalah sesuai dengan keadaan Negara, boleh dilaksanakan dan memberi manfaat kepada semua.

Aspek-aspek yang diambilkira dalam menentukan teknologi penjanaan dari sumber TBB adalah samada;

i) Sumber tenaga bagi menghasilkan tenaga elektrik boleh diperolehi di dalam negara dalam kuantiti yang diperlukan secara berterusan dan mapan;

ii) Teknologi yang dipilih adalah matang, berdaya maju dari segi komersial dan terbukti sebagai teknologi yang berdaya maju dari segi teknikal;

iii) Tempoh pulangan balik modal adalah bersesuaian dan boleh diterima oleh institusi kewangan untuk pembiayaan; dan

iv) Wujudnya kepakaran tempatan (konsultan, atau institusi-institusi tempatan) yang mampu mengendali dan menyenggara system atau teknologi yang dipilih.

Sumber TBB yang telah dikenal pasti sebagai berpotensi dan boleh dilaksanakan di dalam Negara pada masa ini adalah tenaga solar, biomas, biogas, hidro kecil dan geoterma (di Tawau, Sabah).

Pada masa ini, Kementerian dengan kerjasama SEDA Malaysia sedang melaksanakan kajian bagi menentukan daya maju sumber TBB lain untuk dibangunkan iaitu, sumber angin dan geoterma. Hasil daripada kajian ini akan digunakan bagi menentukan teknologi TBB baru yang layak dipertimbangkan dibawah mekanisma Feed – in Tariff (FiT).

****

NO. SOALAN: 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6983

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] yang meminta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mendakwa NGO yang mengeluarkan ugutan untuk menampar Ahli Parlimen Seputeh, dan juga Dato' Yong Teck Lee yang memberi tawaran untuk menampar Menteri Dalam Negeri. Apakah rasional dan pendirian Kerajaan dalam isu ugutan menampar ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi prinsip di dalam undang-undang jenayah di mana suatu kesalahan jenayah hanya boleh wujud apabila terdapatnya dua (2) elemen bersekali iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua *actus reus* (perbuatan) dan *mens rea* (niat jahat). Oleh yang demikian, jika dirujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka ianya tidak boleh dikatakan wujud suatu jenayah dilakukan kerana tidak memenuhi prinsip-prinsip undang-undang seperti yang telah saya nyatakan tadi.

NO SOALAN :119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan negara ini pada masa sekarang. Berapakah jumlah hutang luar Kerajaan Pusat dan hutang dalam negara setakat sekarang. Adakah kedudukan kewangan negara sekarang akan mengakibatkan negara ini muflis pada masa yang akan datang.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM539.9 bilion atau 54.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir tahun 2013 (akhir 2012:

RM501.6 bilion, 53.3%). Daripada jumlah berkenaan, 96.9% atau RM523.1 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM16.8 billion atau 3.1% merupakan hutang luar negeri.

Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dan mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang Negara. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' NGEH KOO HAM**
KAWASAN	:	**BERUAS**
TARIKH	:	**11.6.2014 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**120**

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilakah cukai import kereta akan dikurangkan atau dimansuhkan supaya rakyat boleh menikmati harga kereta yang lebih murah.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, duti import bagi kenderaan telah dikurang atau dihapuskan di bawah pelbagai perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang telah ditandatangani dan dilaksanakan. Namun demikian, penghapusan duti import ini tidak menjamin penurunan harga kereta.

Sebagai makluman, harga kereta ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran seperti harga komponen *completely knocked down* (CKD) yang diimport dan juga diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans dan kadar faedah pinjaman.

Oleh yang demikian, di dalam pengumuman media mengenai pelancaran Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang telah dibuat pada 20 Januari 2014, salah satu perkara yang turut dimaklumkan adalah mengenai kesediaan Kerajaan untuk mengkaji sistem duti eksais apabila kedudukan kewangan bertambah baik.

NO. SOALAN: 121

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]

SOALAN:

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) Jumlah permohonan sijil halal yang telah diterima oleh JAKIM dari tahun 2010-2013 dan berapa yang telah di tolak. Nyatakan juga sebab-sebab permohonan tersebut gagal; dan

(b) jangka masa yang diambil bagi memproses sesuatu permohonan sijil halal dan berapa banyak permohonan yang masih menunggu kelulusan.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang telah diterima oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dari tahun 2010-2013 ialah sebanyak **12,970**. Daripada jumlah tersebut, **11,079 (85%) permohonan lulus, dan 1,121(9%) tidak berjaya.**

Permohonan yang tidak berjaya adalah disebabkan kegagalan syarikat mematuhi prosedur dan syarat yang ditetapkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Antara sebab-sebab permohonan yang tidak berjaya adalah seperti berikut:

i. ketidakpatuhan dari aspek syariah yang melibatkan penggunaan bahan ramuan dan peralatan yang haram hasil analisis makmal Jabatan Kimia Malaysia;

ii. penemuan bahan ramuan kritikal yang tidak diisytiharkan dan tidak diketahui status halal semasa audit pematuhan dilaksanakan; dan

iii. ketidakpatuhan terhadap Amalan Pengilangan yang Baik (*Good Manufacturing Practices*(GMP)) seperti kawasan pemprosesan yang kotor, penemuan najis tikus di kawasan pemprosesan produk, dan pengurusan produk yang tidak menepati keperluan suhu; dan

iv. ketidakpatuhan terhadap Amalan Kebersihan yang Baik (*Good Hygiene Practices,* (GHP)) seperti pekerja yang tidak mematuhi amalan kebersihan seperti berkuku panjang, tidak mendapat suntikan vaksinasi, tiada pengawalan serangga perosak, dan tidak memakai pelindung kepala, sarung tangan dan kasut.

Setiap syarikat yang memohon telah dimaklumkan mengenai keperluan umum mengenai pensijilan halal Malaysia. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia di portal halal ,www.halal.gov.my boleh dirujuk dan menjadi panduan kepada pihak syarikat yang memohon sijil halal.

(b) Piagam pelanggan telah menetapkan bahawa keputusan permohonan pensijilan halal akan dikeluarkan dalam **tempoh 30 hari bekerja selepas bayaran yuran** dikemukakan dengan syarat permohonan tersebut lengkap, dan tiada notis ketidakakuran *(non-comformance)* dikeluarkan semasa audit lapangan dijalankan. Setakat **2 Jun 2014**, jumlah permohonan yang sedang diproses di seluruh Malaysia adalah sebanyak **770** iaitu sebanyak (6%) dari

jumlah permohonan. Jumlah ini merangkumi permohonan yang belum lengkap, permohonan yang masih belum membuat bayaran, dan sedang dalam tindakan pembetulan oleh pihak syarikat setelah audit lapangan dijalankan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :122

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kehilangan pendapatan yang ditanggung Kerajaan daripada hasil cukai akibat kegiatan penyeludupan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah nilai rampasan ke atas kesalahan penyeludupan bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM602.9 juta,

manakala bagi tahun 2013 adalah RM646.52 juta. Barangan yang terlibat dengan penyeludupan adalah seperti dadah, kenderaan, rokok, minuman keras, tekstil serta komoditi lain-lain termasuk petrol, diesel, beras, tepung, gula, minyak masak dan gas memasak. Jumlah kehilangan pendapatan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam bentuk kehilangan hasil cukai akibat kegiatan penyeludupan tersebut bagi tahun 2012 ialah RM435 juta manakala bagi tahun 2013 ialah RM407.4 juta.

NO. SOALAN: 123

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]

SOALAN:

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak JAKIM untuk memastikan status halal dalam bidang farmaseutikal di Malaysia.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membangunkan Malaysian Standard, **MS 2424:2012** sebagai garis panduan kepada industri-industri farmaseutikal bagi memastikan status halal di bidang farmaseutikal di Malaysia . Standard ini telah dibangunkan oleh ahli jawatankuasa yang dilantik dari pelbagai kepakaran khususnya

dalam bidang farmasi yang digabungkan daripada agensi kerajaan dan swasta. Standard ini juga merupakan garis panduan pertama mengenai farmaseutikal halal di dunia.

Standard ini telah dilancarkan pada 1 Oktober 2012 dan pelbagai usaha telah dilakukan dalam memastikan status halal kepada produk-produk farmaseutikal. Berikutan pelancaran Standard berkenaan, JAKIM telah membangunkan **skim pensijilan halal ke atas produk farmaseutikal** di bawah Malaysia Standard MS2424:2012 (*Halal Pharmaceutical General Guidelines*). Produk-produk farmaseutikal yang boleh diberi pensijilan halal hanyalah di bawah kategori *Over the Counter* (OTC), *Health supplement* dan *traditional medicine*. Manakala ubat-ubatan di bawah preskripsi doktor tidak diberikan pensijilan halal di bawah standard tersebut.

Disamping itu, JAKIM juga telah membangunkan **sistem e-halal** yang khusus bagi skim farmaseutikal dan telah bekerjasama dengan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Pertahanan Malaysia, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan ahli-ahli farmasi untuk membangunkan kompetensi pegawai, pembangunan senarai semak pengauditan, pembelian sumber-sumber rujukan berkaitan dan latihan dalaman bagi tujuan menjalankan pengauditan serta pemantauan ke atas produk farmaseutikal ini.

Memandangkan produk farmaseutikal banyak melibatkan bahan ramuan kritikal dalam penghasilan produk termasuk *processing aids* yang

digunakan dan memerlukan penelitian yang terperinci dalam menjalankan proses pensijilan halal, JAKIM telah menubuhkan kumpulan perintis yang khusus dalam produk farmaseutikal bermula daripada proses semakan dokumen sehingga kepada pengauditan lapangan.

Walau bagaimana pun, permohonan pensijilan halal di Malaysia bagi mana-mana produk adalah bersifat sukarela dan JAKIM sentiasa menggalakkan mana-mana pihak untuk memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 124

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan kes penipuan jemaah umrah sepanjang tahun 2013 dan apakah cadangan untuk mengelakkan masalah sindiket penipuan jemaah umrah yang berleluasa kebelakangan ini

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2013, terdapat dua (2) kes penipuan pakej umrah yang melibatkan sebuah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan sebuah syarikat pengendalian pelancongan tidak berlesen telah disiasat oleh Kementerian ini.

Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil tindakan pembatalan lesen ke atas syarikat yang berlesen manakala bagi syarikat tidak berlesen, Kementerian telah menjalankan tindakan pendakwaan kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

Bagi memastikan syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti penipuan menerima hukuman yang lebih berat, Kementerian telah merujukkan kes penipuan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk dikenakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan.

Tambahan kepada itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga mengambil langkah-langkah berikut:

i) Meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya ke atas syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan juga syarikat atau individu yang mengendalikan pakej umrah tanpa lesen;

ii) Membuat semakan semula ke atas kadar denda mahkamah yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya;

iii) Melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah secara berterusan kepada golongan sasaran terutama wakil Jawatankuasa Masjid/Surau, pemimpin masyarakat dan orang ramai supaya mengetahui ciri-ciri dan modus operandi syarikat umrah palsu serta kepenggunaan dari segi pemilihan pakej umrah yang sah oleh syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen dengan Kementerian;

iv) Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu menyampaikan maklumat dan kesedaran awam mengenai penipuan pakej umrah melalui khutbah Jumaat; dan

v) Kementerian juga akan memperluaskan hebahan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penipuan pakej pelancongan khususnya melalui media elektronik dan media sosial.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 1285

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ANUAR BIN ABD MANAP (SEKIJANG)**
TARIKH	**:**	**11.6.2014 (RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

(a) apakah perkembangan cadangan naik taraf koperasi tentera sebagai sebuah bank; dan

(b) apakah impak positif yang akan dinikmati oleh pesara tentera jika bank koperasi tentera beroperasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Koperasi Tentera telah mengemukakan permohonan rasmi untuk menjadi Bank Koop kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKIM) pada 12 September 2013. Koperasi Tentera kini sedang menunggu pihak berwajib untuk membuat pemeriksaan susulan bagi menilai persediaan Koperasi Tentera dan memberi pengiktirafan yang sewajarnya.

Usaha menaiktaraf Koperasi Tentera sebagai sebuah Bank Koop adalah untuk menangani cabaran-cabaran semasa agar Koperasi Tentera terus kekal cemerlang dan relevan kepada ahli. Sebagai sebuah Bank Koop, ianya akan dapat menawarkan produk-produk dan perkhidmatan yang inovatif kepada orang awam dan bekas tentera serta mengurangkan kos dana melalui deposit yang diterima. Dengan cara ini, Bank Koop akan dapat meningkatkan pendapatan dan keuntungan serta mampu memberi pulangan yang kompetitif kepada ahli.

Koperasi Tentera telah merangka strategi produk dengan mengambilkira kumpulan pesara yang mana produk baru ini akan memberikan maafaat yang lebih baik kepada mereka.

Ahli Koperasi Tentera, sama ada masih dalam perkhidmatan atau telah bersara, akan dapat menikmati pilihan produk-produk dan perkhidmatan yang lebih menarik dan kompetitif apabila Bank Koop beroperasi kelak.

SOALAN NO.:126

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD**
KAWASAN	:	**KUALA KANGSAR**
TARIKH	:	**11 JUN 2014, RABU**

SOALAN:

YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD (KUALA KANGSAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Kerajaan telah menyasarkan penggunaan 70 peratus komponen IBS untuk projek-projek Kerajaan. Adakah sasaran ini telah dapat dicapai dan apakah masalah-masalah yang sedia ada serta apakah langkah-langkah Kerajaan seterusnya yang patut diambil bagi meningkatkan penggunaan IBS dalam industri pembinaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan sentiasa menggalakkan penggunaan 'Industrialised Building System' (IBS) dalam sektor pembinaan negara. Objektif utama IBS ini ialah untuk mengurangkan masalah pergantungan kepada tenaga kerja kurang mahir dan pekerja asing di negara ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan bil. 7 Tahun 2008 telah menetapkan syarat penggunaan komponen IBS, iaitu sekurang-kurangnya 70% untuk setiap projek Kerajaan yang melebihi RM10 juta. Di samping itu, Kerajaan juga turut memberikan pelbagai insentif, temasuk pengecualian levi kepada syarikat-syarikat swasta yang mengaplikasikan konsep pembinaan IBS dalam projek mereka.

Dasar ini telah memberikan kesan positif dalam industri pembinaan di mana bilangan dan nilai projek yang dilaksanakan menerusi kaedah IBS sentiasa meningkat dari semasa ke semasa. Sebagai contoh pada tahun 2012, sebanyak 310 projek swasta dengan nilai sebanyak RM8.6 bilion telah dilaksanakan menerusi kaedah IBS. Manakala pada tahun lalu (2013), sebanyak 318 projek swasta dengan nilai RM8.8 bilion telah ditawarkan menerusi kaedah yang sama.

Walaupun begitu tahap penggunaan IBS di negara ini masih lagi belum mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kaji selidik pada tahun 2012 yang dijalankan oleh Lembaga Pembangunan

Industri Pembangunan Malaysia (CIDB) mendapati hanya 184 projek sahaja daripada jumlah sampel keseluruhan 400 projek swasta atau 46% sahaja yang menggunakan kaedah IBS dalam pelaksanaan projek mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan IBS di kalangan pemain industri binaan (pemaju, perunding dan kontraktor).

Antara cabaran utama ialah berkaitan kos projek di mana kebiasaannya pelaksanaan IBS pada peringkat awal akan berhadapan dengan isu kos projek yang lebih tinggi berbanding dengan kos projek berkonsepkan amalan konvensional. Ini kerana pengeluaran komponen IBS masih belum mencapai tahap ekonomi bidangan atau 'economic of scale'. Di samping Kerajaan juga berhadapan dengan cabaran untuk mengubah paradigma dan persepsi di kalangan penggiat industri. Ini kerana mereka telah sebati dengan amalan konvensional dan dalam masa yang sama mudah untuk memperoleh pekerja asing dengan kadar upah yang lebih rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini akan membentangkan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh masa terdekat ini berhubung perkara dasar, hala tuju dan isu-isu berkaitan IBS di negara. Sehubungan itu penambahbaikan dasar IBS di negara ini dijangka akan diumumkan setelah ia mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUL BAARIN ABBAS [TELOK KEMANG]**

TARIKH : **11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN : **Dato' Kamarul Baharin bin Abbas** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk tempoh jangka masa pendek dan jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada import barangan makanan asas negara yang sekarang telah melebihi RM13 billion setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah melaksanakan beberapa langkah untuk tempoh jangka masa pendek dan jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada import barangan makanan asas negara yang sekarang telah melebihi RM13 billion setahun melalui :-

i) pelaksanaan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian;

ii) penggunaan tanah pertanian secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri;

iii) pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 100,000 hektar dibangunkan khususnya bagi tanaman padi dan lain-lain aktiviti pertanian;

iv) pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan (7,211 hektar) dan Rompin (3,094 hektar) di Pahang, Batang Lupar (5,100 hektar) di Sarawak dan Kota Belud (8,500 hektar) di Sabah sebagai jelapang padi Negara yang baru. Dengan pembukaan empat (4) IADA baru seluas 23,905 hektar ini, pengeluaran padi negara akan dapat ditingkatkan, kadar import beras dari Negara luar dapat dikurangkan seterusnya tahap sara diri (SSL) beras iaitu 71.7% ketika ini turut dapat ditingkatkan;

v) penumpuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada peningkatan pengeluaran hasil secara mampan. Antara bidang tumpuan R&D meliputi pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau. Antara penemuan terbaru R&D adalah pembangunan teknologi padi "Aerob" iaitu teknologi baru tanaman padi tanpa air bertakung;

vi) pembangunan sistem rantaian bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan. Ia akan dilaksanakan melalui projek-projek seperti Projek Terminal Makanan Negara (TEMAN), Program Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Program Keusahawanan Agrobazaar Kedai Rakyat dan Motosikal Roda Tiga serta Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) di seluruh Negara; dan

vii) penglibatan aktif pihak swasta dalam menjana peningkatan pengeluaran makanan dalam negara akan terus digalakkan dengan perluasan insentif fiskal termasuk pelaburan semula dan baru meliputi semua aktiviti pengeluaran dan pemprosesan. Pinjaman mudah yang mencukupi akan disediakan melalui Agrobank dan TEKUN dan akses kepada pembiayaan akan diperbaiki.

Walau bagaimanapun, beberapa jenis komoditi yang tidak dapat dikeluarkan dalam negara akan terus diimport berikutan faktor ketidaksesuaian iklim dan tidak ekonomik untuk dikeluarkan dalam negara disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi, peningkatan bilangan penduduk, perubahan cita rasa, peningkatan taraf hidup rakyat, jumlah bilangan pelancong dan ekspatriat yang bekerja di negara ini serta harga bahan makanan diimport yang semakin meningkat.

NO. SOALAN: 128

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 di Kelantan.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah di negeri-negeri, orang Islam perlu bersepakat untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah sebagaimana tuntutan Islam. Penelitian perlu dibuat bagi penggubalan peruntukan undang-undang

jenayah Syariah yang lengkap, komprehensif dan seragam antara negeri-negeri.

Dalam masa yang sama Kerajaan-kerajaan negeri perlu memandang serius terhadap prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman. Pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah memerlukan tahap pembuktian yang tinggi dan penuh ketelitian sebelum hukuman itu dijatuhkan. Sebarang keraguan yang berjaya ditimbulkan atau *prima facie* gagal dibuktikan akan menyebabkan hukuman jenayah Syariah itu tidak akan dikenakan terhadap tertuduh.

Sekiranya Kerajaan Negeri Kelantan telah bersedia untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah dan bercadang membentangkan Rang Undang-Undang Ahli Persendirian *(Private Member's Bills*) oleh ahli bukan ahli Kerajaan yang mewakili Kerajaan Negeri, bolehlah membentangkannya di Dewan ini.

Kerajaan Persekutuan juga sentiasa berusaha dengan mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan undang-undang jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Disamping itu, Kerajaan terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini juga. Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5)

peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf.

Dalam masa yang sama, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan adalah bagi memastikan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dapat dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkuat kuasa. Ini bagi menjamin pelaksanaan undang-undang tersebut tidak melangkaui kuasa yang diberikan di bawah undang-undang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 129

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai delegasi penuh lawatan kerja rombongan YAB. Timbalan Perdana Menteri ke Dubai, UAE dari 8 hingga 12 April 2014, serta kewajaran bagi penglibatan setiap peserta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ke UEA adalah bertujuan meningkatkan lagi hubungan bileteral pendidikan dan menonjolkan peranan Malaysia dalam hal ehwal pendidikan di peringkat antarabangsa khususnya berkaitan pengajian tinggi. Semasa lawatan tersebut, YAB Tan Sri bersama-sama dengan Menteri Kanan UAE telah merasmikan *Gulf Education and Training Exhibition* (GETEX) 2014, merasmikan Pavilion Pendidikan Malaysia yang menempatkan 27 booth pameran daripada IPT terlibat, menyampaikan ucapan dalam *Annual Investment Meeting* (AIM) 2014, dan menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan ucapan dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Diaspora Malaysia di UAE. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan UAE mengenai kerjasama dalam bidang pengajian tinggi yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana Menteri UEA berkaitan mempunyai komitmen lain yang lebih penting.

Di samping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan juga turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri-menteri Kanan UAE, dan mengadakan pertemuan dengan wakil daripada syarikat UEA yang bercadang mengadakan projek usahasama dengan syarikat Malaysia. Pertemuan ini telah memberi impak yang besar kepada Malaysia khususnya dalam bidang perniagaan dan sudah pasti menjana ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, delegasi lawatan kerja ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian dan pegawai khas yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan program-program yang telah dijadualkan. Kehadiran mereka adalah untuk memastikan semua program yang telah diatur berjalan dengan lancar dan seterusnya mengambil langkah tindakan susulan yang sewajarnya setelah kembali ke tanah air. Kehadiran pegawai pengiring dan pegawai khas adalah dibenarkan mengikut kelayakan dan kapasiti YAB Timbalan Perdana Menteri menjalankan tugas di luar negara.

Rjm49

NO. SOALAN:130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH [KUALA TERENGGANU]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan Malaysia berhasrat menaikkan royalti minyak kepada negeri-negeri pengeluar minyak Malaysia berikutan keputusan sebulat suara Dewan Undangan Negeri Sarawak meminta royalti minyak ke Sarawak dinaikkan ke tahap 20 peratus (dua puluh peratus);

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat bagi 9 Jun 2014 hingga 19 Jun 2014, memandangkan ianya menyentuh perkara yang sama.

Aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas dijalankan berdasarkan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya. Pembayaran royalti juga terkandung dalam PSC.

Manakala peruntukan mengenai bayaran royalti atas hasil pengeluaran petroleum kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah terkandung dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Perjanjian Royalti. Perjanjian bayaran royalti ditandatangani di antara PETRONAS dan setiap Kerajaan negeri bagi 5 peratus royalti dan juga di antara PETRONAS dan Kerajaan Pusat bagi royalti sebanyak 5 peratus.

Mengikut perjanjian PSC hasil pengeluaran minyak dan gas akan dibahagikan antara PETRONAS dan rakan PSC selepas ditolak bayaran royalti bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kos pengeluaran dan operasi dan cukai petroleum.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan pendapatan daripada industri minyak dan gas, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak disarankan bekerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum khususnya PETRONAS bagi turut serta terlibat dalam aktiviti huluan dan hiliran petroleum di negeri masing-masing. Malah Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan dana yang agak besar kepada Kerjaaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi membangunkan projek infrastruktur di negeri tersebut. Sebagai contoh, sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 untuk projek Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Semantan, Sarawak sehingga Serudong, Sabah.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 131

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**
TARIKH	**:**	**RABU, 11 JUN 2014**
RUJUKAN	**:**	**L6 [PR-1322-L62994]**
SOALAN	**:**	

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berkaitan dengan cadangan pembangunan semula tanah Kerajaan di mana velodrom dan pejabat Jabatan Kejuruteraan dan Mekanikal DBKL terletak, berapakah keluasan setiap tanah, nama pemilik asalnya, siapakah yang membeli atau memajak tanah, harganya, jenis pembangunan semula yang dicadangkan serta bilakah dan di manakah velodrom dan jabatan-jabatan DBKL akan ditempatkan semula.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, tanah kerajaan di velodrom seluas 13.68 ekar telah pun dijual kepada Syarikat Jakel Sdn. Bhd. dan cadangan pembangunan yang akan dibangunkan adalah berbentuk pembangunan bercampur. Manakala tanah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal seluas 10.5 ekar telah dijual kepada Syarikat Perano Properties Development Sdn. Bhd. dan cadangan pembangunan yang akan dibangunkan adalah berbentuk pembangunan bercampur juga.

Harga jualan tanah adalah mengikut harga pasaran yang telah dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan Malaysia. Kadar harga tanah Stadium Velodrom Cheras adalah RM223 sekaki persegi seperti mana dinilai oleh JPPH.

Pejabat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal akan dibangunkan semula di atas tanah Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) berdekatan dengan Taman Tasik Metropolitan, Kepong.

No. SOALAN:132

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan sistem pengangkutan perkhidmatan kereta api bagi kemajuan dan pembangunan negeri Terengganu.

JAWAPAN: **YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek ini akan menjadi pemangkin mempercepatkan pembangunan industri di ECER yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor.

Status projek pada masa ini ialah ia masih di peringkat kajian daya maju (viability).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 133

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 133

YB Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan skop program Digital Malaysia (DM) dan apakah program khusus Kementerian dalam memastikan penduduk di kawasan luar bandar turut dilibatkan sama secara aktif dan mendapat manfaat dari program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Digital Malaysia (DM) merupakan sebahagian daripada Agenda Transformasi Kebangsaan yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi digital negara melalui peningkatan sumbangan ICT kepada KDNK, kualiti kehidupan dan produktiviti. Memandangkan penggunaan ICT merentasi pelbagai sektor maka skop Digital Malaysia ialah luas, iaitu DM juga memainkan peranan untuk meneraju dan **memantau pencapaian ekonomi digital negara keseluruhan** serta **meneraju perlaksanaan inisiatif baru;** di samping mengambilkira usaha ICT sedia ada yang dijalankan pelbagai agensi kerajaan di bawah RMK dan

juga ETP/GTP yang dapat menyumbang kepada aspirasi dan matlamat digital ekonomi negara.

Semua bidang yang ada kaitan dengan ICT dan menyumbang kepada KDNK dimantau di bawah DM dan penduduk di kawasan luar bandar tidak terlepas dari perhatian dan tumpuan program DM ini. Sebanyak 4 komuniti atau kumpulan sasaran utama diberi tumpuan iaitu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); Belia; Usahawan Digital dan Golongan B40 iaitu golongan berpendapatan rendah yang mewakili 40% daripada jumlah keseluruhan pendapatan isirumah di Malaysia atau *Bottom 40 (B40) group.* Untuk program melibatkan golongan B40, tujuan utama inisiatif ini adalah untuk meningkat pendapatan rakyat dan membuka peluang keusahawanan bagi kumpulan B40 yang kebanyakannya terdiri dari penduduk luar bandar. Antara program yang telah dilaksanakan termasuk:

- Program Penyumberan mikro atau "*microsourcing*" yang menyediakan platfom penawaran kerja sambilan atau tugas mikro seperti pengumpul maklumat dan memasukkan data (data entry) kepada kumpulan rangkaian pengguna menggunakan internet. Pada masa ini, sebanyak empat platform penyumberan mikro tempatan telah beroperasi dan telah menyediakan program latihan kepada golongan sasar kumpulan B40. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 3,000 individu telah menjalani latihan dan dibekalkan dengan asas ICT dan soft skill yang diperlukan untuk memanfaatkan platform ini. Untuk tahun 2013 sahaja, seramai 1,229 orang dari golongan B40 tersebut telah berjaya memperoleh pendapatan tambahan sebanyak RM1.24 juta secara agregat; dan

- Program *Facilitating Societal Upliftment* yang menyediakan platform ICT bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta untuk menyumbang kepada program kebajikan yang akan seterusnya disalurkan ke dalam program-program bagi membantu menaikkan taraf hidup komuniti B40 seluruh negara melalui penggunaan sistem ICT.

SOALAN NO: 134

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan supaya pusat penyelidikan penyakit berjangkit dan merbahaya mewujudkan jaringan usahasama bersama pusat-pusat penyelidikan dalam negara termasuk unit penyelidikan dalam universiti-universiti negara agar memperkukuhkan lagi keupayaan kerajaan bagi menangani wabak-wabak bahaya pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penyelidikan usahasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan universiti-universiti dalam negara melibatkan penyakit berjangkit telah pun berjalan.

Sebagai contoh penyelidikan Simian Malaria bersama Universiti Malaysia Sarawak, kawalan vektor penyakit Denggi, Malaria dan Chikungunya bersama Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Vaksin Denggi bersama Universiti

Pertahanan Nasional Malaysia, Leptospirosis bersama Universiti Putra Malaysia.

KKM juga bercadang menjalankan penyelidikan secara usahasama dalam penyakit zonosis dengan institut luar negara di masa akan datang. KKM akan berterusan menjalankan projek usahasama dengan universiti-universiti bagi memastikan wabak-wabak penyakit dapat ditangani bersama dimasa akan datang.

NO. SOALAN: 135

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6984

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menerbitkan satu Kertas Putih mengenai sekumpulan pengganas Al-Qaeda yang telah ditangkap di Malaysia semasa mereka merancang untuk menyerang kedutaan tertentu di India baru-baru ini. Adakah Malaysia menjadi pangkalan haram bagi pengganas tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Kerajaan memandang serius terhadap kejadian pengganas Al-Qaeda yang telah ditangkap di Malaysia baru-baru ini. Sesungguhnya kumpulan-kumpulan pengganas seperti ini perlu dibanteras dari segi aktiviti mahupun fahaman mereka daripada menular ke dalam Negara. Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menerbitkan satu Kertas Putih mengenai penangkapan anggota kumpulan Al-Qaeda di Negara kita kerana perkara ini masih di dalam siasatan pihak Polis.

Kenyataan bahawa Malaysia menjadi pangkalan haram bagi pengganas tersebut sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat Jelutong adalah tidak benar. Dalam hubungan ini, semua pihak perlu faham bahawa Malaysia bukannya sebagai pangkalan pergerakan pengganas tetapi sebagai transit ke Negara-negara ketiga. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama serta bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar khususnya negara-negara ASEAN bagi membanteras kegiatan ini kerana kita tidak boleh menjangka tindak tanduk mereka yang boleh menyerang negara kita pada bila-bila masa sahaja.

NO. SOALAN: 136

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6853

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan polis terhadap kemalangan maut yang melibatkan mendiang Karpal Singh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Pihak PDRM telah menjalankan siasatan berkaitan kemalangan maut yang berlaku di KM 306.1 Lebuhraya Utara Selatan pada 17 April 2014 jam 1.10 pagi yang melibatkan mendiang Karpal Singh. Siasatan dijalankan di bawah seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Kertas siasatan telah lengkap dan diedarkan ke pejabat Peguam Negara pada 23 Mei 2014. Pihak PDRM masih menunggu arahan selanjutnya daripada pihak Timbalan Pendakwaraya.

NO SOALAN: 137

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' ABD. AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : **11 JUN 2014 [RABU]**

SOALAN:

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan dalam membendung gejala murtad yang semakin serius dan berlaku secara terbuka dan berapakah statistik penama yang murtad mengikut pecahan bangsa, umur dan jantina bagi tahun 2010 sehingga 2013.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan memandang serius terhadap **gejala ke arah murtad** yang menjadi satu isu hangat diperkatakan oleh masyarakat Islam di mana-mana sahaja sama ada dalam media arus perdana, elektronik dan juga

media sosial. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha membendung gejala ke arah murtad dan mencegah penyebaran agama lain disebar kepada umat Islam di seluruh negara. Program ini diselaraskan dan diuruskan bersama oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) termasuk pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam.

Antara **program pencegahan** khususnya di kalangan saudara muslim (saudara baru) ialah ziarah dan lawatan ke rumah-rumah/institusi institusi berkaitan, menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi agama. Sokongan bantuan Baitul Mal juga disediakan kepada mereka dan kepada golongan yang kurang berkemampuan yang tergolong dalam golongan asnaf bagi meringankan tanggungan mereka. Khidmat nasihat turut disediakan bagi mereka yang menghadapi masalah berkaitan hukum dan isu-isu kekeluargaan. Khidmat nasihat ini boleh didapati melalui soal jawab kemusykilan agama internet, panggilan telefon atau hadir ke JAIN/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti yang dikenali sebagai Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Pusat Pembangunan Sosial (PPS) yang ditubuhkan di seluruh negara bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan.

Dari **aspek undang-undang**, peruntukkan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas mencegah penyebaran agama lain secara terbuka. Bagi tujuan ini, beberapa buah negeri telah mempunyai undang-

undang yang dinamakan sebagai **Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam**. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam. Negeri-negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam ialah Terengganu, Kelantan, Selangor, Melaka, Kedah, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, **tidak ada penganut agama Islam termasuk saudara muslim (saudara baru) yang telah murtad berdasarkan tiada permohonan untuk murtad di Mahkamah Syariah,** kecuali permohonan **menentukan status agama** yang dipohon oleh individu berikutan kekeliruan yang terdapat dalam sijil kelahiran atau kad pengenalan atau sijil akuan memeluk Islam. Mahkamah Syariah akan menimbang permohonan tujuan menentu status agama dalam keadaan berlakunya kekeliruan semasa pendaftaran nama terutama di negeri Sabah dan Sarawak dimana nama mereka seakan nama orang beragama Islam tetapi mereka bukan beragama Islam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 138

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kewajaran kadar *"road tax"* atau "cukai jalan" kereta dikenakan mengikut kapasiti enjin kereta dan tidak mengikut penggunaan dan kategori permotoran yang dinamik seperti yang diamalkan di negara-negara maju. Apakah pihak JPJ akan mengkaji dan menyelaraskan semula perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 15, Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah memperuntukkan suatu kenderaan motor hendaklah mempunyai *"road tax"* atau "cukai jalan" sebelum dibenarkan digunakan di atas jalan raya. Kadar cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan yang didaftarkan di Malaysia adalah seperti yang terdapat dalam Jadual Keempat, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran Dan Pelesenan) 1959. Selain daripada kapasiti enjin kenderaan, penetapan kadar cukai jalan juga berpandukan jenis bahan bakar yang digunakan dan berat untuk kenderaan perdagangan. Penetapan kadar ini juga turut berasaskan jenis kegunaan kenderaan sama ada persendirian ataupun perdagangan sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Sebagai perbandingan, kaedah pengiraan cukai jalan di Malaysia adalah hampir sama sepertimana diamalkan di negara Singapura iaitu berasaskan kapasiti enjin kenderaan, jenis bahan bakar dan jenis kegunaan. Selain dari Negara Singapura, secara umumnya Jepun dan Hong Kong juga masih menggunapakai kapasiti enjin sebagai asas pengiraan *"road tax"* atau "cukai jalan".

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan cadangan untuk menetapkan kadar cukai jalan mengikut kategori permotoran yang dinamik, perkara ini perlu dikaji dengan

teliti mengambilkira pelbagai aspek dan ianya perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya.

SOALAN NO.: 139

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bolehkah pihak Kementerian memastikan harga lantai bagi getah dengan Kerajaan membeli getah terlebih dahulu untuk stok penimbal supaya nasib pekebun getah terbela tanpa mengambil kira turun naik harga di pasaran dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan buat masa ini sedang mempertimbangkan satu mekanisma "*social safety net*" yang sesuai bagi membantu pekebun kecil getah menangani kesan kejatuhan harga getah. Di bawah mekanisma ini, Kerajaan akan menetapkan satu paras harga yang sesuai dan munasabah kepada pekebun kecil. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini mendapat pendapatan yang berpatutan serta mengurangkan beban kewangan mereka akibat kejatuhan harga getah. Tarikh pelaksanaan mekanisma ini akan ditentukan selepas cadangan ini ini diluluskan oleh Kerajaan.

Berhubung dengan mekanisma stok penimbal, mekanisma ini pernah dilaksanakan oleh *International Natural Rubber Organisation* (INRo) yang keanggotaannya terdiri daripada negara-negara pengeluar dan pengguna getah asli dunia, dan ianya didapati tidak berkesan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan mekanisma stok penimbal.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 140

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap dakwaan rasuah yang berlaku dalam kegiatan penyelewengan minyak/diesel bersubsidi.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM hanya menyiasat kes penyelewengan dan penyeludupan minyak/diesel bersubsidi berasaskan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Sejak 2009 hingga April 2014, sebanyak 176 tangkapan telah dilakukan terhadap mereka yang terlibat dalam perbuatan rasuah dalam kegiatan penyelewengan dan penyeludupan diesel bersubsidi ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 141

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6854

SOALAN:

DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat perancangan untuk membina bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju di dalam kawasan Wangsa Maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembinaan bangunan IPD Wangsa Maju masih diperingkat kajian PDRM dan tapak kekal masih belum dikenalpasti. IPD Wangsa Maju telah beroperasi pada 1 April 2014 di Balai Polis Pudu dengan 87.3 km persegi keluasan pentadbiran dan melibatkan satu (1) juta penduduk.

Soalan No : 142

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

TARIKH : **11.6.2014**

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

a. bilangan pelajar yang belajar di sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) dan (T) dan berikan pecahan pelajar mengikut kaum masing-masing; dan

b. nyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi setiap pelajar untuk setiap bulan di sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Secara keseluruhanya pecahan murid yang merangkumi murid dari peringkat prasekolah hingga tahun 6 mengikut kaum adalah seperti berikut :

i) Bilangan murid **Bumiputera** di Sekolah Kebangsaan ialah seramai 2 102 537 orang dan **Bukan Bumiputera** ialah seramai 137 333 orang.

ii) Bagi SJKC bilangan murid **Bumiputera** ialah seramai 67 046 manakala bilangan murid **Bukan Bumiputera** ialah seramai 505 029.

iii) Bagi SJKT bilangan murid **Bumiputera** ialah seramai 347 orang manakala bilangan murid **Bukan Bumiputera** ialah seramai 93 237.

b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengagihkan peruntukan Bantuan Persekolahan sebanyak 25 jenis bantuan kepada semua sekolah dan pelajar di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk setiap pelajar adalah berbeza berdasarkan kriteria mengikut kategori Bantuan Umum, Biasiswa dan Elaun serta Program Khas dan Murid Miskin. Jumlah peruntukan Bantuan Persekolahan yang telah dibelanjakan adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	JUMLAH PERUNTUKAN BANTUAN PERSEKOLAHAN (RM)	
	2012	2013
SK	871,790,715.10	868,401,060.10
SJKC	85,360,105.00	85,536,199.00
SJKT	19,206,669.00	18,784,936.50

Rjm50

NO. SOALAN : 143

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6985

SOALAN:

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a)adakah Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) satu persatuan yang sah di bawah Akta Pertubuhan 1966; dan

(b)pernahkah ISMA menerima apa-apa dana, sokongan atau pembayaran daripada pihak Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) merupakan sebuah pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) yang telah ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] pada 7 Julai 1997 dengan No. Pendaftaran PPM-030-10-07071997 menggunakan alamat di No. 25-1-1, Jalan Medan PB 1A, Bandar Baru Bangi, Seksyen 9, 43650 Selangor.

(b) KDN melalui JPPM tidak memberi peruntukan kewangan kepada mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah JPPM termasuklah kepada ISMA. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan *Guarded Neighbourhood* pada tahun 2013, KDN ada memberikan geran kepada Persatuan Penduduk sahaja. Oleh itu, dakwaan yang menyebut bahawa KDN ada memberikan peruntukan kepada ISMA adalah tidak benar. Berdasarkan Perlembagaan Pertubuhan ISMA, didapati pertubuhan tersebut menjana pendapatan pertubuhannya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana dan derma serta lain-lain aktiviti bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhannya.

NO. SOALAN: 144

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6855

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a)apakah tindakan yang akan diambil ke atas penerbit buku yang didapati bersalah membawa ajaran sesat melalui bahan-bahan percetakan yang dikeluarkan oleh syarikat penerbitan masing-masing; dan

(b)apakah mekanisme aduan rakyat yang boleh diambil oleh rakyat sekiranya pengguna mendapati sesuatu percetakan itu ada unsur-unsur membawa ajaran sesat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab memantau bahan-bahan bercetak, terutamanya yang dikeluarkan permit penerbitan supaya tidak mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Mana-mana bahan penerbitan yang disyaki mengandungi unsur-unsur ajaran sesat akan ditahan untuk menjalani proses kajian dan analisis serta dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) untuk mendapatkan perakuan sama ada akan dikenakan Perintah Larangan sepertimana yang diperuntukan di bawah Akta berkenaan.

Jika didapati ada asas-asas yang kukuh penerbitan berkenaan mengandungi unsur-unsur yang boleh memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara, Kementerian akan mengeluarkan suatu perintah di bawah Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tak Diingini) mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 mengenakan

perintah larangan terhadap penerbitan tersebut dan pengedarannya ditegah di seluruh negara.

Kementerian boleh mengambil tindakan mengikut seksyen 8 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan1984 iaitu, sesiapa yang mencetak, mengimport, menghasilkan, menghasilkan semula, menerbit, menjual, mengeluar, mengeliling, menawarkan untuk menjual, mengedar atau ada dalam miliknya bagi apa-apa jua maksud seperti itu apa-apa hasil penerbitan larangan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.
Mana-mana individu, orang ramai atau pertubuhan boleh membuat aduan atau laporan kepada pihak berkuasa agama, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri melalui mekanisme saluran media cetak, elektronik mahupun internet jika terdapat penerbitan agama seumpama itu yang jelas menyalahi undang-undang negara.

NO. SOALAN : 145 ~~149~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**11 JUN 2014 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:

(a) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada negeri Sabah, melalui program SEDA (Sustainable Energy Development Authority Malaysia) setiap tahun sejak tahun 2010; dan

(b) apakah projek tersebut, di mana dan berapa kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Peruntukan bagi membangunkan Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau *Renewable Energy*, dengan izin, adalah diperolehi daripada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu melalui mekanisme *Feed-in Tariff* (FIT) yang telah mula dilaksanakan pada 1 Disember 2011. Sehingga 30 April 2014, kapasiti terpasang Tenaga Boleh Baharu sebanyak 189.77MW telah mencapai mula beroperasi atau mencapai *Feed-in Tariff Commencement Date* – FiTCD, dengan izin. Daripada jumlah penjanaan ini, sebanyak 5 projek dengan jumlah kapasiti 43.4MW adalah projek-projek TBB di Sabah. Jumlah peruntukan daripada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang telah digunakan bagi menampung pelaksanaan FiT bagi projek-projek di negeri Sabah ialah sebanyak RM 39,456,857.40

(b) Butir – butir terperinci mengenai lima (5) projek dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 43.4MW yang telah beroperasi secara komersil di Sabah ialah:

SENARAI PROJEK-PROJEK FiT DI SABAH YANG TELAH MENCAPAI FiTCD

Nama Syarikat	Tahun	Sumber	Lokasi	Kapasiti Terpasang (MW)	Tarikh FiTCD
KINA BIOPOWER SDN BHD	2012	Biomass	Sandakan	11.5	11 April 2012
SEGUNTOR BIOENERGY SDN BHD	2012	Biomass	Sandakan	13.4	11 April 2012
ESAJADIPOWER SDN BHD	2012	Small Hydro	Kota Belud	2	15 Jun 2012
ESAJADIPOWER SDN BHD	2012	Small Hydro	Kota Marudu	4.5	15 Jun 2012
TSH BIO-ENERGY SDN BHD	2012	Biomass	Tawau	12	6 Julai 2012
Jumlah (MW)				**43.4**	

****

NO SOALAN :146

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian Kewangan dan agensi berkaitan (LHDN) dapat mencari suatu jalan untuk memudahkan pemberian BR1M untuk kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mempunyai bank dan memandangkan ia menyusahkan rakyat untuk pergi ke bandar dan kebanyakan mereka tidak mempunyai akaun bank serta amat menyusahkan golongan warga emas yang tua dan uzur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatkan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pemberian BR1M diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, proses verifikasi semula dibuat kepada semua permohonan BR1M termasuk permohonan penerima sediada. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Walau

bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan BR1M bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang layak sahaja. Hasil daripada verifikasi tersebut, pemohon akan dikategorikan mengikut jumlah pendapatan keluarga tesebut. Sekiranya pendapatan keluarga tersebut adalah berjumlah RM3,000 dan kebawah, penerima akan menerima bantuan BR1M sebanyak RM650 manakala sekiranya pendapatan keluarga adalah berjumlah RM3,001 hingga RM4,000, pemohon akan menerima bantuan sebanyak RM450.

Hasil daripada proses verifikasi juga mendapati kebanyakkan permohonan yang gagal adalah atas sebab utama iaitu pendapatan isi rumah melebihi syarat kelayakan, pasangan telah membuat permohonan baru (duplikasi permohonan) dan maklumat yang dikemukakan tidak lengkap.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, penerima BR1M 2.0 (2013) adalah seramai 6.8 juta penerima atau 88.1% daripada jumlah permohonan dengan peruntukan

sebanyak RM2.9 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.8 juta penerima isi rumah dan 2 juta penerima bujang.

Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM411 juta yang melibatkan seramai 971 ribu atau 14.3% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Jumlah tersebut merangkumi 674 ribu atau 69.4% penerima isi rumah dan 297 ribu atau 30.6% penerima bujang. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM348 juta yang melibatkan seramai 818 ribu penerima atau 12.04% daripada keseluruhan penerima. Jumlah tersebut merangkumi 573 ribu atau 70% penerima isi rumah dan 245 ribu atau 30% penerima bujang. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM302 juta yang melibatkan 692 ribu penerima atau 11.1 % daripada keseluruhan penerima BR1M 2013. Jumlah tersebut merangkumi 515 ribu atau 7.4% penerima isi rumah dan 177 ribu atau 25.6% penerima bujang.

Jumlah kelulusan bagi BR1M 2014 pula adalah seramai 6.8 juta penerima dengan peruntukan sebanyak RM3.6 bilion. Penerima yang berjaya merangkumi 4.5 juta penerima isi rumah dan 2.3 juta penerima bujang. Jumlah ini dijangka meningkat memandangkan permohonan rayuan baru sahaja ditutup pada 31 Mei 2014 tempohari dan masih terdapat permohonan yang sedang diproses oleh LHDN. Dari segi penunaian pula, sehingga 31 Mei 2014, sebanyak 6.4 juta penerima atau 94% telah menunaikan BR1M.

Berdasarkan jumlah kelulusan, pengagihan mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M dengan peruntukan sebanyak RM470 juta yang melibatkan seramai 925 ribu atau 13.8% daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh Negara. Johor adalah penerima BR1M kedua tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 798 ribu penerima atau 11.91% daripada keseluruhan penerima. Sarawak adalah negeri penerima BR1M ketiga tertinggi dengan peruntukan sebanyak RM350 juta yang melibatkan 652 ribu penerima atau 9.7 % daripada keseluruhan penerima

BR1M 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, penerima BR1M bagi kategori isi rumah juga diberi perlindungan takaful i-BR1M dengan nilai perlindungan maksimum sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014. Bagi tahun 2014, i-BR1M diuruskan oleh Persatuan Takaful Malaysia yang terdiri daripada 11 Syarikat Takaful. Sehingga 23 Mei, sebanyak 5,160 waris penerima yang telah menerima manfaat i-BR1M yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Ia merupakan salah satu *policy response* yang telah

diambil oleh Kerajaan semasa menangani isu kenaikan harga barangan makanan global pada ketika ini. Bantuan ini telah dapat membantu meringan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat berhubung pemberian BR1M dan hubung-kaitnya dengan kadar inflasi. Ia perlu difahami secara jelas. Inflasi keseluruhan di Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur perubahan kos pembelian bagi barangan dan perkhidmatan yang lazim digunakan secara purata oleh isi rumah di Malaysia.

Jika dilihat pada pelaksanaan BR1M pada 2012 dan sehingga sekarang, ia tidak memberi kesan langsung kepada secara signifikan ke atas kadar inflasi. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, kadar inflasi bagi bulan sebelum dan bulan selepas pemberian BR1M tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Seperti contoh, pemberian BR1M tahun 2014

bermula pada bulan Februari 2014. Kadar inflasi ketika itu mencatatkan 3.5%, manakala pada bulan Mac 2014, kadar inflasi masih kekal 3.5% dan bulan April turun lagi kepada 3.4%.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan inflasi agar dapat menggubal dasar dan melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi menangani kesan inflasi. Ini bagi mengelakkan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah serta mudah terjejas, dibebankan dengan kos hidup yang meningkat.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

Pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan inisiatif Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga telah berbincang bersama pihak Jabatan Audit Negara mengenai langkah penambahbaikan program BR1M untuk memastikan tiada kebocoran di dalam pengagihan BR1M.

SOALAN (147)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]

SOALAN :-

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek MyHome (dimana RM 30,000 ditawar untuk setiap rumah yang dibina) yang telah pun diluluskan sehingga sekarang dengan maklumat kawasan dan bilangan rumah setiap projek.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim MyHome hanya mula dilaksanakan pada 1 April 2014. Sehingga tarikh 30.05.2014, sebanyak 35 pemaju telah mengemukakan permohonan secara rasmi dan pihak KPKT telah mengadakan lawatan tapak ke 15 lokasi. Sehubungan itu, 4 projek telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim MyHome dan hanya 2 projek sahaja yang telah diluluskan iaitu:

i) **PPC GLOMAC SDN BHD**
   Projek : Aman Puteri, Sungai Buloh, Selangor
   MyHome 1 : 264
   MyHome 2 : 210
   Jumlah keseluruhan : 474

ii) **KWASA LAND SDN BHD**
   Projek : Kwasa Damansara, Petaling, Selangor
   MyHome 1 : 410
   MyHome 2 : 500
   Jumlah keseluruhan : 910

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO. SOALAN: 148

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan dapat membuka jawatan pentadbiran kanan *(senior management)* secara kontrak kepada individu cemerlang dari sektor korporat supaya mereka dapat diserap untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengurus perkhidmatan awam di peringkat atasan memerlukan individu yang mempunyai pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dalam pengurusan sektor awam. Pada masa ini, pengisian jawatan pentadbiran kanan (*senior management*) dilaksanakan secara kenaikan pangkat pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam sesuatu skim perkhidmatan berkenaan atau melalui peminjaman pegawai daripada badan berkanun termasuk Universiti. Kaedah ini dilaksanakan kerana pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang telah dibina sepanjang perkhidmatan pegawai berkenaan akan memastikan tadbir urus agensi awam di tahap yang memuaskan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008, (Dasar dan Prosedur Perlantikan Secara Kontrak) peraturan yang ada tidak menghalang individu daripada sektor korporat untuk dilantik mengisi jawatan pentadbiran kanan (*senior management*) dengan syarat individu tersebut mempunyai kompetensi untuk melaksanakan tugas di peringkat jawatan tersebut dalam lingkungan syarat skim perkhidmatan sedia ada. Individu korporat tersebut boleh dilantik secara kontrak dan jika didapati sesuai, perkhidmatan kontraknya boleh dilanjutkan atau pelantikan tetap boleh dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. 149

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

(a) apakah dasar serta langkah-langkah Kementerian untuk mewujudkan ladang-ladang komersial bagi tanaman kontan seperti sayuran dan sebagainya agar rakyat tempatan dapat menikmati harga pasaran yang lebih rendah dari ketika ini, sekaligus dapat membantu kawalan kenaikan harga; dan

(b) adakah Kementerian bersedia kembali kepada dasar terdahulu, di mana peladang-peladang dapat menikmati *"extension service"* seperti bajak, baja bersubsidi dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a)

Kerajaan telah mengambil langkah untuk mewujudkan ladang-ladang komersial bagi tanaman kontan dengan mewujudkan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Ladang Kontrak agar rakyat tempatan dapat menikmati harga pasaran yang lebih rendah dari ketika ini, sekaligus dapat membantu kawalan kenaikan harga.

(i) Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan

Dalam tempoh RMKe-10 (2011 – 2013), jumlah keluasan yang telah dibangunkan bagi TKPM secara keseluruhan ialah 9,129.83 hektar dengan bilangan projek sebanyak 68 TKPM melibatkan seramai 1,046 orang usahawan dan syarikat. Status kemajuan TKPM pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

Program TKPM	Tahun 2013		
	Sasaran	Pencapaian	Peratus (%)
Luas (Ha)	8,504.60	9,129.83	107.4
Bil. Projek	67	68*	101.5
Bil Peserta	1,000	1,046	104.6
Hasil (ribu mt)	82	66.7 (55 TKPM berhasil)	81.2
Nilai (RM juta)	90	91.7	101.9
Bil Peserta Berhasil	800	823	102.9
Pendapatan Bulanan Bersih			
> RM3,000	330	368	111.5
RM1,000 – 2,999	300	203	67.7
<RM1,000	200	252	126

(ii) Program Ladang Kontrak

Sehingga bulan Disember 2013, seramai 18,206 petani telah mendaftar dalam Program Ladang Kontrak dengan keluasan 32,885 hektar. Pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan bagi tahun 2006 hingga 2010 ialah 1.5 juta MT dengan anggaran nilai sebanyak RM2.6 bilion. Pengeluaran bagi tahun 2011 ialah 386,746 MT dengan nilai sebanyak RM694 juta, pengeluaran tahun 2012 ialah 312,940 MT dengan nilai sebanyak RM626 juta dan pengeluaran tahun 2013 ialah 338,084 MT dengan nilai sebanyak RM676 juta. Sasaran pada tahun 2014 adalah 4,500 petani dengan keluasan 7,000 hektar bagi mengeluarkan sayur-sayuran dan buah-buahan sebanyak 330 ribu MT bernilai RM660 juta.

(b)

Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) yang dilaksanakan pada tahun 2008 ekoran daripada krisis makanan dunia pada waktu itu. Beberapa jenis insentif telah diberikan kepada petani, penternak dan nelayan bagi meningkatkan hasil pertanian seterusnya memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Dasar ini telah ditamatkan pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, beberapa jenis insentif dan bantuan masih diteruskan untuk subsektor padi. Bantuan yang masih diteruskan antaranya adalah subsidi bagi perkhidmatan bajak dan pemberian baja di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (IPP) dan juga Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP). Jenis baja subsidi yang diperuntukkan dalam kedua-dua skim ini ialah Baja Urea, Baja Sebatian, Baja NPK Tambahan, Baja Organik, Baja Foliar dan Growth Enhancer. Selain daripada khidmat pembajakan dan baja bersubsidi ini, pesawah turut menikmati pemberian daripada Kerajaan dalam bentuk input pertanian lain seperti kapur dan racun dalam meningkatkan hasil pengeluaran padi negara dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani.

NO SOALAN :150

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DR. KO CHUNG SEN (KAMPAR)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) kos menyewa dua unit Proton Perdana edisi khas berwajah baru untuk kegunaan YAB. Perdana Menteri dan YAB. Timbalan Perdana Menteri; dan

(b) kos sewaan untuk 200 unit pertama Proton Perdana baharu dan jumlah 3000 unit Proton Perdana yang dijangka diterima Kerajaan sehingga dua tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah membeli dua Proton Perdana Limo untuk kegunaan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri. Oleh Itu tiada kos penyewaan yang terlibat.

2. 200 unit pertama Kereta Proton Perdana Baharu adalah sebahagian daripada 3000 unit dalam Program penggantian Kereta Proton Perdana Kerajaan dan kos sewaan bersih untuk 200 unit pertama Proton Perdana ini ialah RM656,968.00. Kos sewaan bersih tidak termasuk penyenggaraan bagi Proton Perdana Baharu 2.4 Executive adalah RM3,284.84 sebulan dan Proton Perdana Baharu 2.0 Standard adalah RM2,892.32 sebulan.

NO. SOALAN: 151

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN (PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : **11 JUN 2014 [RABU]**

SOALAN :

Dr. Haji Izani bin Haji Husin (Pengkalan Chepa) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

(a) adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan peruntukan undang-undang yang membolehkan badan wakaf diuruskan oleh badan-badan atau syarikat-syarikat selain daripada Majlis Agama Islam Negeri bagi menggalakkan penyertaan sektor korporat dalam bidang wakaf; dan

(b) apakah perkembangan terbaru mengenai pelaksanaan Pelan Induk Wakaf Korporat dan bagaimana ia bakal dijalankan.

JAWAPAN: **(Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut peruntukan Butiran1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Pesekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku **pemegang amanah tunggal** bagi semua wakaf mempunyai kuasa untuk melantik badan-badan atau syarikat bagi menguruskan wakaf sebagai mutawali di negeri masing-masing. Sebagai contoh, bagi Negeri Kelantan, wakaf adalah tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan, Seksyen 61 hingga 66

Di peringkat Persekutuan, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah ditubuhkan untuk mempertingkatkan amalan berwakaf di kalangan masyarakat Islam meliputi individu dan kumpulan termasuk di kalangan mereka yang terlibat dalam sektor korporat. Sehubungan itu, YWM berperanan untuk mendekati dan menarik penyertaan sector korporat dalam bidang wakaf melalui kerjasama pelbagai hala bagi memperluaskan lagi penglibatan semua pihak dalam memajukan wakaf di Malaysia.

(b) Kajian khas mengenai Pelan Induk Wakaf Korporat telah dipersetujui dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Perkara ini masih lagi berada di bawah tindakan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN: **(Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut peruntukan Butiran1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Pesekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku **pemegang amanah tunggal** bagi semua wakaf mempunyai kuasa untuk melantik badan-badan atau syarikat bagi menguruskan wakaf sebagai mutawali di negeri masing-masing. Sebagai contoh, bagi Negeri Kelantan, wakaf adalah tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan, Seksyen 61 hingga 66

Di peringkat Persekutuan, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah ditubuhkan untuk mempertingkatkan amalan berwakaf di kalangan masyarakat Islam meliputi individu dan kumpulan termasuk di kalangan mereka yang terlibat dalam sektor korporat. Sehubungan itu, YWM berperanan untuk mendekati dan menarik penyertaan sector korporat dalam bidang wakaf melalui kerjasama pelbagai hala bagi memperluaskan lagi penglibatan semua pihak dalam memajukan wakaf di Malaysia.

(b) Kajian khas mengenai Pelan Induk Wakaf Korporat telah dipersetujui dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Perkara ini masih lagi berada di bawah tindakan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :152

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan penggunaan "*bitcoin*" sebagai matawang digital.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bitcoin merupakan mata wang digital yang telah diperkenalkan pada tahun 2009. *Bitcoin* ditawarkan dalam bentuk digital dan disimpan di dalam dompet elektronik yang boleh diakses melalui internet.

Memandangkan *Bitcoin* beroperasi dalam rangkaian *Bitcoin* yang terdiri daripada individu-individu di seluruh dunia tanpa melibatkan mana-mana pengendali tunggal atau syarikat persendirian, *Bitcoin* tidak dapat dikawal selia secara menyeluruh oleh mana-mana pihak berkuasa di dunia.

2. Bank Negara Malaysia (BNM) mendapati bahawa operasi sistem *Bitcoin* adalah kurang jelas dan tidak telus kerana *Bitcoin* boleh digunakan tanpa mendedahkan identiti pengguna. Di Malaysia, BNM tidak mengiktiraf *Bitcoin* sebagai mata wang yang sah malah amaran tegas telah dikeluarkan melalui laman web BNM pada 3 Januari 2014 yang lalu bagi memberi peringatan kepada orang ramai supaya berhati-hati dan menyedari akan risiko yang bakal dihadapi berkaitan dengan penggunaan mata wang digital tersebut.

SOALAN (153)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]

SOALAN :-

Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk memerangi gejala "membuang sampah merata-rata" (littering habits) di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat **dua strategi** yang digunakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menangani gejala membuang sampah merata-rata (littering) termasuk membuang sampah secara haram.

Strategi pertama adalah menggunakan kuasa undang-undang baik di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, Akta 672 mahupun dibawah undang-undang PBT. Disini Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi membenteras gejala *"littering"* dan pembuangan sampah haram. Dibawah Akta tersebut, denda berat dikenakan ke atas pihak yang membuang sampah secara haram iaitu jika disabitkan dengan kesalahan berkenaan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau hukuman penjara tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Strategi kedua pula merupakan strategi jangka panjang untuk mendidik masyarakat terutama generasi muda melalui kempen pendidikan dan kesedaran awam. Pelbagai usaha telah giat dijalankan oleh Kementerian ini bagi memerangi gejala "membuang sampah merata-rata' dikalangan rakyat Malaysia melalui media massa dan elektronik, penulisan dan juga melalui kempen kesedaran awam dengan pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Antara lain, Kementerian telah mengadakan Kempen Kesedaran Awam Anti Litter sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 bertempat di Wangsa Walk Mall, Bandar Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada awal tahun 2014. Kempen ini diteruskan sehingga peringkat negeri dan PBT. Selain itu, Kementerian juga telah berusaha menjalin kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan melaksanakan kempen anti litter di peringkat sekolah.

KPKT juga telah melancarkan kempen Anti Litter bersama-sama Program Ops Raya sempena musim perayaan 2013 pada 18 Julai 2013. Semasa kempen tersebut, pengurusan tertinggi KPKT telah menyerahkan pelekat kenderaan berkaitan anti litter dan risalah pengurangan sisa makanan kepada pengguna-pengguna lebuh raya yang melalui tol Sungai Besi. Kempen ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya

agar tidak membuang sampah kecil di atas jalan raya. Berikutan daripada pertambahan kenderaan di musim perayaan yang boleh menyumbang kepada pertambahan sampah di atas jalan raya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

NO. SOALAN: 154

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
RUJUKAN	:	**6856**

SOALAN:

Datuk Haji Shabudin bin Yahya (Tasek Gelugor) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status dan situasi penagihan dadah di Malaysia dan status keberkesanan agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam hal ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penagih yang dikesan dari bulan Januari 2010 hingga Disember 2013 di Malaysia adalah seramai 51,715 orang dan daripada jumlah tersebut seramai 34,232 penagih baru dikesan dan 17,483 penagih berulang dikesan. Status dan situasi penagihan dadah di Malaysia boleh dilihat daripada penggunaan dadah-dadah tradisional seperti heroin, morfin candu dan ganja kepada peningkatan penggunaan dadah-dadah jenis psikotropik seperti syabu, pil-pil ATS dan kodein.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) menjadi agensi utama membanteras dadah di Malaysia. Pelaksanaan program-program AADK turut melibatkan Agensi dan Jabatan lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pejabat Daerah, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak Universiti.

Pemantauan pelaksanaan agensi-agensi membanteras dadah telah dibuat melalui Mesyuarat Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Mesyuarat MTMD Peringkat Negeri telah berjaya mendapat komitmen dan perhatian daripada Kerajaan Negeri, Jabatan Persekutuan dan agensi penguatkuasaan terhadap usaha-usaha membanteras permasalahan dadah iaitu dari aspek

penguatkuasaan undang-undang dadah, pencegahan, dan rawatan dan pemulihan. Pada tahun 2014, sebanyak lapan (8) mesyuarat MTMD telah diadakan di peringkat negeri dan masing-masing satu (1) mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU) dan Jawatankuasa Rawatan Perubatan dan Pemulihan (JRP).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 155

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab-sebab Kerajaan Pusat membiayai kos RM100 juta pembinaan *Express Rail Link* (ERL) KLIA 2 dengan menggunakan dana awam sedangkan syarikat tersebut milikan swasta dan mampu membiayai sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana dimaklumi, Kerajaan Pusat telah memutuskan supaya kos pembinaan sambungan ERL daripada KLIA ke KLIA2 sebanyak RM100 Juta dibiayai menggunakan dana Kerajaan. Ini bagi mengelakkan pengguna perkhidmatan tersebut daripada terpaksa menanggung peningkatan kadar tambang bagi perjalanan ke KLIA2 menggunakan perkhidmatan ERL.

Sekiranya pembinaan sambungan tersebut dibiayai oleh ERL sendiri, berkemungkinan besar kos pembinaan tersebut akan ditanggung oleh pengguna melalui peningkatan kadar tambang bagi perjalanan ke KLIA2. Dengan pembiayaan pembangunan sambungan ERL tersebut oleh kerajaan, maka kadar tambang yang dikenakan bagi perjalanan dari KL Sentral serta stesen transit lain (Salak Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi) ke KLIA adalah sama dengan kadar tambang bagi perjalanan ke KLIA2. Pengguna hanya dikenakan caj sebanyak RM2 bagi dewasa dan Rm1 bagi kanak-kanak bagi perjalanan antara terminal KLIA dengan KLIA2 sahaja.

NO. SOALAN: 156

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah kes-kes ceraian sivil dan hak penjagaan anak di mana salah seorang suami atau isteri memeluk agama Islam.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009 Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] bagi menyelesaikan

masalah yang timbul apabila seorang daripada sepasang suami isteri bukan Islam memeluk Agama Islam.

Walau bagaimanapun, memandangkan ketiga-tiga rang undang-undang tersebut **melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri** serta menyentuh kepentingan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam, maka Kerajaan sedang mencari mekanisma terbaik bagi menyelesaikan masalah tersebut, dengan mengambil kira kedudukan kedua-kedua mahkamah sivil dan Syariah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN:157

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha penambahbaikan dalam pengurusan bencana dan persiapan operasi penyelamat Negara dalam menghadapi sebarang kemungkinan selepas mempelajari pengalaman insiden MH370 dan bencana kapal feri Korea Selatan yang tenggelam.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memberi perhatian serius kepada pengurusan bencana terutama sekali dari peringkat persediaan sebelum bencana berlaku, peringkat tindakbalas semasa berlaku bencana dan pemulihan selepas bencana dengan mengambil kira kebajikan rakyat dan kepentingan awam.

Sebelum berlaku insiden MH370 dan feri karam di Korea Selatan, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) telah pun mengambil langkah awal dengan mengeluarkan Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara sebagai panduan khusus kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana dalam merancang persediaan dan melaksanakan tindakbalas semasa bencana. Mekanisme tindakbalas telah diperjelas di setiap peringkat pentadbiran di Daerah, Negeri dan di peringkat Persekutuan.

Malah walaupun pengendalian insiden MH370 ini telah diambil alih oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), MKN, JPM masih terlibat dalam jawatankuasa teknikal insiden ini dengan memberikan khidmat penyelarasan peringkat *non-technical* bersama agensi-agensi yang lain.

Selaras dengan keperluan bagi memantapkan kemahiran Pegawai dan anggota agensi penyelamat dan bantuan, program latihamal telah dilaksanakan di kawasan-kawasan berisiko di seluruh negara meliputi latihan menangani bencana banjir, keruntuhan tanah dan bangunan, tsunami, kemalangan yang melibatkan bilangan mangsa yang besar (*mass caualties*) dan kemalangan industri yang turut disertai oleh petugas dari pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Program penerangan kepada orang awam terhadap bencana telah dijalankan dengan giat di seluruh negara. Penglibatan agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta turut dilaksanakan secara kerjasama bersama badan bukan Kerajaan (NGO) seperti MERCY Malaysia (MERCY), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dan lain-lain.

Antara yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management* – CBDM). Program yang dilaksanakan sejak tahun 2010 dengan memberikan penumpuan kepada daerah-daerah yang mempunyai *hotspots* kemungkinan berlaku bencana berskala besar. Kaedah pelaksanaan program kesedaran awam ini telah diperingkat dan ditambahbaik di mana pengisian program ini bukan sekadar ceramah tetapi turut diisi dengan bengkel yang mengajar mengenai persediaan bagi menghadapi banjir, tindakan yang perlu diambil

semasa mendapat arahan berpindah, peranan komuniti di pusat pemindahan dan perkara yang perlu dilakukan setelah mendapat kebenaran pulang ke rumah. Sehingga tahun 2013, seramai 12,111 peserta telah menyertai program ini di seluruh negara.

Selain daripada itu, latihan persediaan menghadapi bencana turut dilaksanakan di peringkat sekolah dengan adanya kerjasama KPM dengan MERCY untuk menjalankan program Smart Support Team (SST). Program yang dilaksanakan di sekolah ini memberikan peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk bertindak sekiranya berlaku bencana. Program yang turut mendapat sokongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini masih pada peringkat pelaksanaan. Di samping itu juga, peningkatan kesedaran pengurangan risiko bencana turut telah dimasukkan ke dalam takwim sekolah di mana kawad kecemasan telah diarah untuk diadakan di sekolah-sekolah.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN 158

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS) MINTA MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan pencapaian OPS TITIK yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam usaha membenteras peyelewengan diesel dan petrol bersubsidi untuk menghapuskan sindiket yang terlibat dalam perbuatan yang dianggap mensabotaj ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

OPS TITIK yang digerakkan oleh Kementerian pada 15 Mei yang baru lalu adalah merupakan operasi bersepadu secara besar-besaran di seluruh negara untuk memerangi penyelewengan bahan petroleum bersubsidi petrol, diesel dan gas petroleum cecair. Selaku agensi peneraju, Kementerian sendiri menggerakkan operasi secara

bersepadu serta memberi bantuan dan kerjasama penuh kepada seluruh agensi penguatkuasaan yang lain termasuk kepada operasi yang digerakkan dibawah Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara.

Operasi ini sedang dan akan terus menggempur semua *hotspot* di semua peringkat pengedaran petrol bersubsidi, diesel bersubsidi dan Gas Petroleum Cecair bersubsidi di seluruh negara. Sama ada diperingkat depoh, pemborong, stesen minyak, stor haram, di darat mahupun di perairan, semuanya akan digempur. Operasi ini dianggotai oleh pelbagai agensi penguatkuasaan termasuklah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan beberapa agensi penguatkuasaan yang lain.

Sejak OPS TITIK ini digerakkan, sehingga 31 Mei 2014, telah berjaya mematahkan kegiatan menyelewengkan bahan petroleum bersubsidi ini dengan mencatat 97 kes yang melibatkan rampasan dianggarkan bernilai RM4.25 juta. Semua jenayah yang dipatahkan ini melibatkan orang perseorangan serta sindiket yang bergerak di sempadan negara, di darat, di pelabuhan dan juga di kawasan perairan negara.

Selain itu, akaun sindiket yang terlibat dalam kegiatan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi ini berjumlah RM50.86 juta dan wang tunai berjumlah RM949,929 juga telah disita.

Dalam tempoh 17 hari OPS TITIK ini digerakkan, telah mula melihat impak yang agak positif iaitu kejadian *stock-out* minyak diesel yang sebelum ini kerap berlaku terutamanya pada akhir setiap bulan, kini sudah berkurangan dengan mendadak. Ini menunjukkan operasi yang sedang dijalankan telah menunjukkan kejayaan awal yang sangat membanggakan. Kementerian sangat berharap agar tindakan yang berterusan ini juga akan dapat mengurangkan jumlah subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan ke atas minyak diesel, petrol RON 95 dan gas petroleum cecair pada penghujung tahun 2014 nanti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**
TARIKH	:	**11JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**159**

TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**menyatakan: kedudukan terkini Kampung Wifi di kawasan Parlimen Tebrau dan sebab-sebabnya masih ada kawasan-kawasan, termasuk Kampung Baru Pandan, yang dijanjikan sebelum tahun 2013 masih belum dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) dibawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) akan menyediakan akses internet secara hotspot. Pemasangan KTW1M ini adalah bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan jalur lebar mudah alih.

Sehingga kini, sebanyak 28 KTW1M telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Tebrau dan telah beroperasi sepenuhnya.

Walaubagaimanapun, Kementerian sedia maklum bahawa masih terdapat kawasan yang memerlukan perkhidmatan KTW1M ini. Oleh itu, Kementerian akan terus meneliti kawasan-kawasan yang dikenal pasti dan belum mempunyai perkhidmatan jalur lebar.

NO. SOALAN: 160

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil sejak peristiwa penculikan warga China dan Filipina dari Pulau Singamata pada April 2014 demi menjaga kedaulatan Sabah timur, dan menjelaskan mengapakah langkah-langkah setakat ini tidak mendatangkan hasil menjaga keselamatan tanah air kita.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. ESSCOM dengan kerjasama kesemua agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan yang beroperasi di ESSZONE telah mengambil beberapa langkah untuk mengetatkan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;

ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;

iii) Respon team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;

iv) Peningkatan atur gerak anggota keselamatan dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;

v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa;

vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;

viii) Pewujudan 5 balai baru dan 3 balai yang sedia ada di naik taraf;

ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;

x) *Engagement* dengan semua stakeholders di ESSZONE;

xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan

xii) Melaksanakan pendaftaran awal *"Pump Boat"* bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS

ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah

iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.161

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOVINDASAMY [KAPAR]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Manivanan a/l Govindasamy [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

(a) Apakah langkah-langkah terperinci yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan jenayah penderaan kanak-kanak dan setakat mana langkah-langkah tersebut berjaya melindungi kanak-kanak daripada jenayah penderaan; dan

(b) Adakah terdapat usaha kerjasama di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi supaya terdapat pendekatan secara komprehensif untuk melindungi kanak-kanak di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara.

a) Bagi menangani kes penderaan kanak-kanak, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi.

Akta Kanak-Kanak 2001

Akta Kanak-Kanak telah digubal pada tahun 2001 bagi memelihara, melindung dan memulihkan mangsa kanak-kanak. Mereka yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga menyebabkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual boleh disabitkan di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001. Apabila disabitkan, pesalah

boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak

Bahagian II Akta Kanak-Kanak 2001 juga memperuntukkan penubuhan Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak untuk menasihati menteri tentang aspek perlindungan kanak-kanak. Seterusnya Majlis ini mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang dianggotai oleh seorang Pelindung (Pegawai Kebajikan Masyarakat) sebagai pengerusi, pegawai perubatan, pegawai kanan polis serta anggota masyarakat yang prihatin terhadap isu sosial yang melibatkan kanak-kanak. Fungsi utama PPKK adalah untuk menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Pada masa ini terdapat 134 buah PPKK di seluruh negara.

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak

Kerajaan telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-Kanak pada bulan Julai 2009 untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya. Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil oleh semua pihak, termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak khususnya daripada sebarang bentuk keganasan mental dan fizikal,

kecederaan, pengabaian, penderaan atau eksploitasi dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak.

Pusat Aktiviti Kanak-Kanak

Selain itu, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) telah ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Kini terdapat 149 PAKK di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada 20,000 orang kanak-kanak. PAKK menyediakan program berbentuk seminar, kursus dan bengkel serta intervensi yang berbentuk motivasi, bimbingan kaunseling dan sukan.

Khidmat Kaunseling

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa penderaan kanak-kanak bagi membantu mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa penderaan kanak-kanak. Dalam hal ini seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 16 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN), serta 51 orang orang Panel Kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga apabila berlaku kes-

kes traumatik. Selain itu, Pegawai Psikologi juga membuat lawatan susulan secara berterusan untuk mengembalikan semangat dari aspek emosi, fizikal, mental dan spritual klien agar mereka dapat menangani tekanan yang dialami, menerima realiti dan akhirnya kembali stabil.

Rumah Kanak-Kanak

Bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa dera, JKM turut menyediakan 12 buah Rumah Kanak-Kanak di seluruh negara untuk memberi perlindungan kepada mereka.

Pasukan Pencegahan Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-Kanak *(SCAN TEAM)*

Selain itu, kerajaan memperkenalkan *Scan Team* di 34 buah hospital kerajaan di seluruh negara. Pasukan ini berperanan khusus untuk mengendalikan kes penderaan dan penganiayaan kanak-kanak dan dilaksanakan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang mempunyai Pakar Pediatrik.

Talian Nur 15999 dan Childline

Pada tahun 2007 pula, KPWKM telah memperkenalkan perkhidmatan Talian Nur 15999. Talian ini membantu untuk memudahkan orang awam dan mangsa penderaan kanak-kanak membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat.

Seterusnya, pada bulan November 2010, KPWKM telah memperluaskan perkhidmatan Talian Nur 15999 dengan mewujudkan talian khusus bagi aduan kanak-kanak iaitu *Childline* 15999. Talian ini merupakan talian tambahan bagi memberi perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak dan bertindak sebagai perantara untuk menangani kes penganiayaan kanak-kanak. Sejak dilancarkan pada November 2010 hingga 31 Ogos 2013, talian ini telah mengendalikan sebanyak 12,181 panggilan.

Program Advokasi

Bagi mengukuhkan usaha untuk menangani masalah penderaan kanak-kanak, KPWKM melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai program advokasi kepada masyarakat di semua peringkat dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa punca utama terjadinya kes penderaan kanak-kanak seperti perbalahan antara keluarga, kekurangan kemahiran keibu bapaan, tekanan kewangan dan lain-lain lagi. Sehubungan itu, program advokasi telah direka bagi tujuan menggurangan penderaan kanak-kanak dalam masyarakat. Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

i) Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART LPPKN. Sebanyak 559 kursus telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 20,617 pasangan dari tahun 2006 hingga Mac 2014. Program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan badan-badan agama.

ii) Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*). Sebanyak 616 program telah dilaksanakan dari tahun 2008 hingga Mac 2014 dengan melibatkan penyertaan seramai 26,484 orang ibu bapa. Program ini dijalankan dengan kerjasama agensi kerajaan seperti FELDA dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), pihak swasta seperti Maybank dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta NGO seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM).

iii) Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN. Sebanyak 10,481 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2008 hingga Mac 2014 dengan melibatkan penyertaan seramai 1.17 juta orang peserta.

Tuan Yang Dipertua,

(b) KPWKM sentiasa menjalinkan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melindungi kanak-kanak di Malaysia. Dalam hal ini, LPPKN telah membangunkan program **PEKERTI@Sekolah** berdasarkan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan bagi peringkat sekolah rendah dan menengah. Program ini dilaksanakan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah yang dipilih oleh Kementerian Pelajaran. Modul yang digunakan antara lain memberi pengetahuan akan bahaya dan risiko salah laku seks. Pelajar yang terlibat adalah murid Tahun 6 iaitu selepas peperiksaan UPSR, dan pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas peperiksaan PMR dan pelajar Pendidikan Khas. Hingga Disember 2012, seramai 2,376 orang murid telah mengikuti program rintis ini.

Sebagai kesimpulan, KPWKM amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak. Pelbagai program telah dijalankan oleh kementerian dan agensi-agensi di bawahnya. Walau bagaimanapun usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat diperlukan bagi membanteras kes penderaan kanak-kanak di negara ini.

Soalan No : 162

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR [SILAM]

TARIKH : 11.6.2014

SOALAN :

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian untuk melaksanakan sistem persekolahan satu sesi di seluruh Malaysia menjelang tahun 2017 memandangkan sistem persekolahan satu sesi ini memberi kesan yang baik terhadap pengurusan waktu pembelajaran pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawab dalam pembangunan modal insan Negara, sentiasa menfokuskan kepada akses dan ekuiti pendidikan yang melibatkan kebajikan, keselesaan dan kemudahan asas kepada semua sekolah dan juga berhasrat yang tinggi dalam melaksanakan persekolah satu sesi.

Buat masa ini, terdapat 10,117 (Jan 2014) dimana 86%(8,705 sekolah) dan hanya 14%(1,412 sekolah) beroperasi dalam dua sesi persekolahan. KPM masih berhasrat untuk menjadikan semua sekolah beroperasi dalam satu sesi persekolahan dan telah menetapkan satu insiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan buat masa ini, KPM sedang menyediakan perancangan strategik jangka panjang yang melibatkan perancangan pembangunan pendidikan RMKe-11 dan RMKe-12 yang

melibatkan pembinaan sekolah baharu, bangunan tambahan dan gentian bagi menukarkan sekolah padat menjadi sekolah satu sesi. Rjm51

No. Soalan : 163
PR-1322-L61822

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YANG BERHORMAT DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah pelbagai hala, termasuklah Malaysia, yang diambil dalam usaha untuk menangani isu pertindihan tuntutan di Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin di atas soalan yang dikemukakan.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Republik Rakyat China dan juga negara-negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Filipina dan juga Vietnam.

3. Negara-negara ASEAN tidak mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China kerana tuntutan negara tersebut tidak selaras dengan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang–Undang Laut 1982, atau dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982).*

Tan Sri Yang Di-Pertua,

4. Kerajaan berpendirian bahawa tuntutan bertindih di Laut China Selatan perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan dengan negara-negara berkaitan

berdasarkan undang–undang antarabangsa, termasuklah UNCLOS 1982.

5. Malaysia berpendirian bahawa perundingan secara aman melalui perbincangan dan perundingan merupakan jalan terbaik. Rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin *International Court of Justice (ICJ)* atau Tribunal Timbang Tara merupakan opsyen terakhir di dalam mencari penyelesaian. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membawa sebarang pertikaian berhubung kawasan maritim ke pihak ICJ atau Tribunal Timbang Tara.

6. Bagi memastikan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan, usaha-usaha membina kesalingpercayaan dan mengelakkan sebarang konflik sentiasa dijalankan. Ini termasuklah pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dan China pada 4 November 2002, serta usaha-usaha ke arah merealisasikan Kod Tatalaku di Laut China Selatan dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC).*

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. NIK MAZIAN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**
TARIKH	;	**11 JUN 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**Dato' Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan semasa tentang bekalan air ke jelapang padi KADA. Apakah kedudukan *"barrage"* yang telah dibina untuk menaikkan paras air di Sungai Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bekalan air ke jelapang padi KADA adalah melalui Skim Pengairan yang dapat membekalkan air ke sawah padi melalui operasi gumbaan (sedutan) air daripada sungai ke sistem saliran dengan menggunakan pam-pam yang terdapat di Rumah Pam Kemubu. Pada masa kini, bekalan air dapat dibekalkan ke kawasan tanaman padi memandangkan paras air di muka sauk Rumah Pam adalah melebihi 4.5 meter iaitu melepasi paras kritikal yang membolehkan pam tersebut beroperasi.

Bagi mengekalkan paras air yang diperlukan, Kerajaan sedang membina empangan rendah (Low Weir) di Sungai Kelantan (Kg. Kasar, Pasir Mas) dengan kos RM 39 Juta dibawah RMK 10. Projek ini telah siap sebanyak 13% dan dijangka beroperasi pada tahun 2015 bertujuan untuk mengatasi masalah bekalan air bagi jangkamasa sederhana. Bagi mengatasi masalah bekalan air dalam jangkamasa panjang pula, Kerajaan telah merancang pembinaan empangan rendah (Low Weir) di Sungai Kelantan (Kg. Kemubu) dengan anggaran kos RM40 juta di bawah RMK 11.

Buat masa ini, pihak Kerajaan sedang meneliti cadangan pembinaan *"barrage"* dalam usaha untuk meningkatkan paras air di Sungai Kelantan.

NO. SOALAN : 165

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pelancong antarabangsa yang berkunjung ke Malaysia dalam tempoh suku pertama Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mensasarkan seramai **28 juta** pelancong asing pada tahun 2014 bersempena Tahun Melawat Malaysia.

Pada suku pertama tahun 2014, Malaysia telah menerima seramai **7.1 juta** orang pelancong asing, peningkatan sebanyak **10 peratus** jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada suku pertama tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :166

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DR. ONG KIAN MING (SERDANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**11.06.2014**

Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana KWAP yang dilabur dalam Asiasons Capital Ltd. dan apakah jumlah kerugian KWAP akibat daripada pelaburan ini.

JAWAPAN

Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) tidak membuat pelaburan dalam Asiasons Capital Limited yang disenaraikan di Bursa Saham Singapura. Oleh itu, tiada kerugian yang ditanggung oleh KWAP berkaitan dengan pelaburan di dalam Asiasons Capital Limited. Namun, KWAP merupakan salah satu daripada pelabur di dalam dana persendirian Dragonrider

Opportunity Fund II (DOF II) yang mana Asiasons Private Equity II Inc adalah pengurus pelaburan bagi dana tersebut. Bermula dari 6 Mei 2014, Asiasons Private Equity II Inc telah diswastakan dan ianya bukanlah lagi anak syarikat Asiasons Capital Limited.

2. DOF II adalah dana persendirian yang mensasarkan pelaburan dalam sektor pengguna dengan tumpuan dalam sektor *Food & Beverages*. ASEAN merupakan fokus geografi dalam pelaburannya. Pelaburan KWAP di dalam DOF II telah dibuat pada tahun 2011 dengan komitmen sehingga maksimum USD20 juta atau 20 peratus daripada saiz dana DOF II (yang mana lebih rendah). Pada masa ini, KWAP telah menyalur sebanyak USD6.15 juta (atau RM19.76 juta) daripada jumlah keseluruhan komitmen untuk pelaburan persendirian DOF II di dalam 6 buah syarikat. DOF II telah menunjukkan prestasi yang kukuh dalam pelaburan persendiriannya dan kadar pulangan dalaman (IRR) kasar semasa adalah sebanyak 26% (sehingga 31 Mac 2014).

KEMENTERIAN TIDAK DAPAT MENGEMUKAKAN JAWAPAN BAGI SOALAN LISAN NO. 167 PADA ATURAN URUSAN MESYUARAT HARI INI.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 168

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan kemudahan kereta api di Sarawak bermula dari Kuching ke Lawas dan langsung ke negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa sekarang, Kerajaan tiada sebarang perancangan untuk meyediakan kemudahan keretapi bagi negeri Sarawak mahupun menyediakan kemudahan keretapi yang menyambungkan Sarawak dengan Sabah. Kerajaan Persekutuan juga belum menerima sebarang cadangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan hal ini.

Sebarang cadangan pembangunan kemudahan keretapi, termasuk di Sarawak, perlu dikaji kesesuaiannya mengambilkira kos yang perlu dibelanjakan serta pulangan dari segi bilangan penumpang serta jumlah barangan (*freight*) yang dijangkakan akan diangkut oleh perkhidmatan keretapi yang ingin dibangunkan. Kajian ini perlu bagi memastikan bahawa negara memperoleh pulangan yang setimpal dengan pelaburang yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam membangunkan sesuatu kemudahan rel tersebut.

SOALAN NO : 169

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]**
TARIKH	:	**11 JUN 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit Tibi, Malaria, Kusta dan Filariasis di Negara ini bagi tempoh 2010-2014 dan nyatakan langkah Kerajaan bagi menangani peningkatan penularan kes berjangkit pekerja asing di Negara ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 2010 hingga 2012, hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) V di seluruh negara mencatatkan pertambahan jumlah kemasukan pesakit yang menerima rawatan sebagai pesakit dalam, iaitu sebanyak 2.13 juta pada tahun 2010, 2.15 juta pada tahun 2011 dan 2.31 juta pada tahun 2012.

Daripada jumlah tersebut, jumlah kemasukan disebabkan penyakit malaria, tibi, kusta dan filariasis adalah sebanyak 17,361 kes atau 0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kemasukan ke wad pada tahun 2010, manakala pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing mencatatkan 18,153 kes atau 0.8 peratus dan 10,274 kes atau 0.4 peratus

Pada tahun 2010, daripada sejumlah 17,361 kemasukan yang direkodkan, sebanyak 13,000 kes adalah disebabkan penyakit tibi, 4,187 kes disebabkan malaria, 111 kes penyakit kusta dan 63 kes penyakit filariasis. Pada tahun 2011 pula, daripada 18,153 kemasukan, sejumlah 13,140 kes disebabkan tibi, 4,799 disebabkan malaria, 139 disebabkan kusta dan 75 disebabkan filariasis. Sementara itu, pada tahun 2012, jumlah kemasukan bagi penyakit yang sama adalah 7,962 kemasukan akibat tibi, 2,201 kemasukan disebabkan malaria, 91 kemasukan akibat kusta dan 20 kemasukan disebabkan filariasis.

Semua kes kemasukan yang dinyatakan merujuk kepada *encounter* dan bukannya bilangan pesakit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menangani risiko penularan kes malaria, program saringan dilakukan di kalangan warga asing dari negara-negara endemik di pintu masuk Malaysia. Semua pendatang asing juga wajib menjalankan pemeriksaan kesihatan termasuk saringan malaria di bawah Program FOMEMA bagi permohonan permit kerja di Malaysia. Pengesanan kes malaria secara aktif dilakukan kepada kumpulan pendatang asing yang menjalankan aktiviti berisiko seperti pembalakan dan perkebunan.

Pesakit akan diberi rawatan lengkap secara percuma jika didapati positif parasit malaria. Pengesanan kontak dan rawatan susulan juga dilakukan bagi memastikan transmisi penyakit ini tidak berlaku.

Bagi penyakit Filariasis pula, sebanyak 156 kes dilaporkan pada tahun 2010 dan meningkat kepada 321 kes dilaporkan pada tahu 2013. Warga asing menyumbang diantara 40-70 peratus dari kes seluruhan yang dilaporkan. Peningkatan kes ini berlaku kerana kajian yang di lakukan mengenai penyakit Filariasis dan lebih banyak kes dikesan awal, Dari bulan Januari hingga April pada tahun 2014 sebanyak 88 kes Filariasis telah dilaporkan. Bagi menangani risiko penularan kes, saringan dilakukan di kalangan warga asing dari negara-negara endemik seperti Nepal, India, Myanmar, Bangladesh, Indonesia dan Vietnam. Pengesanan kes secara aktif dilakukan dan jika didapati positif mikrofilaria akan diberi rawatan dengan lengkap. Pengesanan kontak dan rawatan susulan juga dilakukan bagi memastikan transmisi penyakit ini tidak berlaku.